



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

laporan tahunan
2009



Pernyataan misi

Untuk menggalakkan dan mengekalkan pasaran sekuriti dan niaga hadapan yang adil, cekap, terjamin dan telus, serta untuk membantu pembangunan teratur bagi pasaran modal yang inovatif dan berdaya saing.

KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi

iii

Bahagian Satu: Melindungi Pelabur dan Mengekalkan Keyakinan Pasaran

Pengenalan	1-1
Penguatkuasaan	1-1
Melindungi Hak Pemegang Saham Minoriti Dalam Pengambilalihan dan Percantuman	1-3
Mengukuhkan Tadbir Urus Korporat	1-4
Pendidikan Pelabur	1-5
Pengurusan Aduan yang Berkesan	1-6
Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Alternatif	1-8

Bahagian Dua: Menggalakkan Pasaran yang Adil, Cekap dan Teratur

Pengenalan	2-1
Memastikan Kestabilan Sistemik	2-2
Pengawalseliaan Berhemat bagi Institusi dan Pengantara Pasaran	2-3
Menguruskan Tatalaku Perniagaan Untuk Menggalakkan Integriti Pasaran	2-4
Perkembangan Pengawalseliaan Menggalakkan Kecekapan Pasaran	2-8

Bahagian Tiga: Mengukuhkan Daya Saing Pasaran

Pengenalan	3-1
Pembaharuan Struktur Untuk Merebut Peluang Pertumbuhan Serantau	3-1
Liberalisasi Keperluan Ekuiti Bumiputera bagi PLC	3-1
Platform Pengumpulan Dana Berdaya Saing bagi Syarikat di Malaysia dan Syarikat Asing	3-2
Mengembangkan Rangkaian Produk	3-4
Meningkatkan Kecekapan Pasaran Sekunder	3-4
Inisiatif Transformasi Industri	3-5

Memudahkan Pertumbuhan Lanjut Dalam Industri Pengurusan Pelaburan	3-5
Pasaran Modal Islam	3-5
Industri Modal Teroka	3-9
Perkembangan Antarabangsa	3-9

Bahagian Empat: Meningkatkan Keupayaan dan Keberkesanan Kami

Pengenalan	4-1
Bina Upaya dan Kecekapan	4-1
Komunikasi dan Pembabitan yang Berkesan	4-3

Bahagian Lima: Tinjauan dan Prospek Pasaran Modal

Perkembangan Global	5-1
Perkembangan Domestik	5-4
Prospek	5-6

Bahagian Enam: Penyata dan Statistik

Ahli Suruhanjaya	6-1
Pengurusan Kanan	6-4
Struktur Organisasi 2009	6-5
Pernyataan Tadbir Urus	6-6
Pernyataan Kawalan Dalaman	6-10
Laporan Jawatankuasa Audit	6-13
Penyata Kewangan	6-15
Cadangan Korporat	6-40
Pengurusan Pelaburan	6-47
Pasaran Modal Islam	6-51
Modal Teroka	6-53
Pelesenan dan Pemberian Kuasa	6-56
Penguatkuasaan	6-63
Penerbitan	6-73
Kalendar Peristiwa	6-75
Akronim dan Singkatan	6-82



Perutusan Pengerusi

PERUTUSAN PENERUS



Pasaran modal menikmati pencapaian yang jauh lebih baik berbanding dengan yang dijangka oleh kebanyakan orang pada awal tahun 2009. Pasaran menjangka penyahpimpinan yang kini berlaku dalam sistem kewangan global akan berterusan; risikonya ialah ia akan memburukkan kemerosotan ekonomi global dan memberi kesan ke atas sistem kewangan. Bagaimanapun, campur tangan oleh pihak kerajaan dan pihak berkuasa monetari yang julung-julung kalinya, serta berita baik tentang hala ekonomi pada awal tahun ini menggesa pasaran untuk memeringkatkan pemulihan yang kukuh selepas suku tahun pertama.

Di Malaysia, harga saham meningkat purata sekitar 46%, manakala tebaran hasil korporat yang menguncup mencadangkan gambaran yang lebih baik tentang kualiti kredit. Penerbitan sekuriti bertambah baik dengan mendadak berbanding penerbitan tahun lalu, mencerminkan kembalinya keyakinan dalam pasaran modal sebagai sumber pembiayaan; malah, pasaran menyaksikan pelaksanaan pengumpulan modal terbesar, dalam bentuk tawaran awam awal Maxis Bhd yang bernilai RM11.2 bilion. Industri pasaran modal turut menarik minat antarabangsa yang lebih kukuh, dan beberapa firma global terkemuka mendapat kelulusan untuk beroperasi di Malaysia.

Namun, sebagaimana yang ditunjukkan oleh beberapa peristiwa sepanjang tahun ini, kesan tekanan kredit 2007–08 masih dirasai. Respon pasaran terhadap penangguhan pembayaran balik oleh Dubai World dan percambahan defisit fiskal di seluruh dunia mengingatkan kita betapa masih rapuhnya sentimen. Anehnya, pasaran mengambil premium risiko tinggi dalam usaha menguruskan ketergantungan hutang, bimbang tindakan

tersebut boleh jadi pramatang dan boleh menarik balik sokongan kepada pemulihan global yang mula tumbuh. Pada masa pasaran memperoleh semula selera terhadap risiko, pasaran ini jelas belum hilang pengelakannya terhadap risiko tersebut.

Ketidaktentuan ini menimbulkan cabaran besar kepada pengawal selia sekuriti. Dengan perkaitan yang kukuh antara akses kepada pembiayaan dengan pertumbuhan ekonomi, dan peranan pasaran modal yang semakin besar dalam menyediakan pembiayaan jangka panjang dalam kebanyakan ekonomi membangun, hakisan kepercayaan dan keyakinan dalam pasaran modal akan meningkatkan kos untuk mengagihkan sumber dan menguruskan risiko kewangan dalam ekonomi. Ia juga akan mengherotkan struktur insentif dan menggalakkan tadbir urus yang lemah dan salah laku, justeru semakin menyuramkan prospek pemulihan. Malangnya, dan pastinya orang awamlah yang akan terjejas.

MENGALAKKAN KEYAKINAN DAN KEPERCAYAAN

Memandangkan keadaan ini, sepanjang tahun ini, SC memfokus kepada usaha menggalakkan keyakinan dan kepercayaan dalam pasaran modal Malaysia. Dengan melihat peristiwa dalam pasaran lain, dan mengambil kira keadaan kita sendiri, kami meningkatkan kewaspadaan terhadap risiko sistemik, khususnya meningkatkan pengawasan kami ke atas pasaran bon, dan penyeliaan ke atas tatalaku dan had berhemat firma pengurusan pelaburan dan syarikat pembrokeran saham. Sistem dagangan, penjelasan dan penyelesaian Bursa Malaysia juga turut kami teliti dengan rapi.

Menguukuhkan kebingkasan pasaran

Kami berusaha memberikan respons awal apabila berlaku tekanan dan meluaskan skop pengenalpastian risiko melalui pengawasan risiko sistemik yang dipertingkatkan, meningkatkan kerjasama yang lebih rapat dengan agensi pengawalseliaan dan pembabitan dengan peserta industri. Dengan memberikan tumpuan yang lebih kepada risiko kredit dan mungkir di seluruh dunia, dengan sendirinya kami memberikan perhatian yang lebih rapi kepada pasaran bon korporat tempatan bagi melihat tanda-tanda tekanan pasaran dan pendedahan yang berpotensi di bahagian lain pasaran modal. Kami tidak menemui apa-apa yang membimbangkan berhubung dengan risiko dalam seluruh sistem, dengan kadar mungkir bon bagi tahun 2009 kurang daripada 1%.

Apabila kami meningkatkan pemantauan ke atas had berhemat pengantara, taksiran risiko kami mencadangkan bahawa pengurusan perniagaan oleh pengantara merupakan isu yang lebih signifikan kepada keyakinan pelabur. Dalam pasaran bon, kami memfokuskan pengawalseliaan kami ke atas pemegang amanah bon dan agensi penarafan kredit, dan saya sukacita melaporkan bahawa agensi penarafan Malaysia pantas mengguna pakai *Code of Conduct Fundamentals for Credit Rating Agencies (Kod Tatalaku Asas bagi Agensi Penarafan Kredit)* yang dikeluarkan dalam tahun ini oleh Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (IOSCO).

Pertumbuhan pesat dalam sektor pengurusan pelaburan telah meningkatkan kebimbangan ke atas tatalaku perniagaan, khususnya, perlindungan aset pelanggan, pelaburan dalam sekuriti bukan tradisional, kesesuaian dan kewajaran, dan daya saing perniagaan. Kami memberikan perhatian khusus kepada isu dalam tahun ini dan mengadakan sekitar 23 pembabitan dengan syarikat pengurusan pelaburan. Sekiranya perlu, kami bertindak pantas untuk membendung amalan seleweng yang boleh mengurangkan keyakinan dalam segmen pasaran yang penting ini. Contohnya satu siasatan kami dalam bulan Ogos ke atas aktiviti dua firma asing yang tidak berlesen dengan RBTR Asset Management, sebuah pengurus dana berlesen. Berdasarkan dapatan kami, kami melantik juruaudit bebas untuk memeriksa aktiviti RBTR dan memantau transaksinya.

Memastikan integriti pasaran

Untuk meningkatkan keyakinan dalam integriti pasaran, kami turut berusaha meyakinkan pelabur dengan mengambil tindakan terhadap amalan yang mengelirukan, memanipulasi atau menipu. Khususnya, kami berusaha keras untuk mengambil tindakan yang wajar ke muka pengadilan dan memastikan pesalah dipertanggungjawabkan atas tindakan mereka. Penyelesaian besar bernilai RM31 juta bagi skim pelaburan Swisscash dalam bulan November merupakan pencapaian utama dalam kes sebegini. Setakat ini, kejayaan ini merupakan penyelesaian terbesar dalam sejarah pasaran modal Malaysia dan kami akan menggunakan amaun ini untuk memberi pampasan kepada mangsa skim penipuan tersebut. Hasil penguatkuasaan lain dalam tahun 2009 turut menggalakkan. Kami berjaya mengenakan hukuman penjara bagi tiga kes dalam tahun ini berhubung dengan penipuan, pendustaan dan pemalsuan akaun. Dalam penghakiman pertama terhadap seorang pengarah syarikat selepas penguatkuasaan sivil oleh SC, Mahkamah Tinggi memerintahkan Kenneth Vun, mantan pengarah urusan dan pemegang saham FTEC Resources Bhd untuk membayar semula RM2.4 juta hasil IPO yang digunakan untuk manfaat peribadinya.

Bagaimanapun, tidak semua kes membuahkan hasil yang sama. Barisan pertahanan yang pertama mestilah pelabur itu sendiri. Securities Industry Development Corporation (SIDC), bahagian latihan dan pembangunan kami, berjaya mendekati lebih daripada 20,000 orang, termasuk kanak-kanak sekolah, guru dan ibu bapa, berhubung dengan celik kewangan. Namun, masih ada juga yang terjebak dalam skim cepat kaya. Oleh itu, dalam bulan Jun, kami memberikan amaran kepada orang ramai tentang bagaimana hendak mengecam skim seumpamanya. Kami turut mengeluarkan amaran umum dan menganjurkan kempen untuk meningkatkan kesedaran tentang salah laku pelaburan.

Lembaga PLC merupakan satu lagi barisan pertahanan yang penting terhadap salah laku dan penipuan, dan mereka mesti menangani kebimbangan yang disuarakan oleh pelabur. Kami bekerja dengan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) untuk meningkatkan liputannya dalam mesyuarat agung tahunan. Kami turut mengadakan Minggu Tadbir Urus Korporat SC-Bursa

Malaysia yang pertama bagi memperkukuh kepentingan tadbir urus korporat yang baik dalam pasaran modal. Kami didorong oleh sumbangan industri: Bursa Malaysia, misalnya, menerbitkan *Corporate Governance Guide* untuk para pengarah manakala MSWG bersama-sama dengan Sekolah Perniagaan University of Nottingham dan Pusat Tadbir Urus dan Pelaporan Kewangan di National University of Singapore melancarkan indeks Malaysia CG untuk memantau kualiti amalan dengan lebih baik lagi.

Namun begitu, kami maklum bahawa penguatkuasaan yang kukuh adalah pertahanan mutlak terhadap salah laku. Mereka yang menipu mesti dihukum, dan kami telah melengkapi diri kami dengan instrumen penguatkuasaan yang lebih baik. Di bawah dua seksyen baru *Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007* (317A dan 320A), kini SC boleh bertindak ke atas pengarah dan pegawai PLC yang menyebabkan kerugian yang tidak sepatutnya kepada syarikat mereka. Kami juga boleh bertindak ke atas sesiapa sahaja yang mengelirukan orang ramai dengan menyediakan penyata kewangan palsu atau mengaudit penyata kewangan PLC.

MEMBANTU PASARAN BERFUNGSI DENGAN CEKAP

Persekitaran yang kompetitif menuntut pasaran yang berfungsi dengan baik dan pembiayaan berkos rendah. Dalam tahun ini, kami berusaha menambah baik ketentuan pengawalseliaan, menyingkatkan masa-ke-pasaran dan mengurangkan kos pengawalseliaan. Untuk menyediakan akses yang lebih baik kepada pasaran modal, bersama-sama dengan Bursa Malaysia, kami memperkenalkan perubahan penting dalam kerangka kerja pengumpulan modal. Papan Utama dan Kedua Bursa Malaysia digabungkan menjadi Pasaran Utama, satu papan tunggal untuk syarikat mapan. Pasaran MESDAQ telah ditukarkan kepada pasaran ACE yang baharu, yang melalui pasaran ini, syarikat boleh disenaraikan dengan sokongan penaja dalam sistem berteraskan penzahiran penuh. Pada masa yang sama, keperluan ekuiti Bumiputera bagi syarikat tersenarai dilonggarkan untuk memudahkan penawaran primer. Di pihak kami, kami memperkemas proses kelulusan dan meluaskan skop bagi pendekatan berteraskan penzahiran kami kepada mengawal selia pengemukaan kewangan korporat. Untuk melengkapkan ini, kami turut memperkenalkan prosedur baharu tentang pendedahan

prospektus bagi meningkatkan kualiti penzahiran.

Persekitaran berdaya saing turut memerlukan penyertaan lebih ramai penggiat dalam pasaran modal. Dalam tahun 2009, beberapa segmen pasaran modal diliberalisasikan sebagai sebahagian daripada set inisiatif yang lebih luas untuk membuka ekonomi. Hasilnya, had pemilikan asing bagi pengurusan dana borong dan runcit, syarikat pembrokeran saham, nasihat kewangan korporat dan perancangan kewangan meningkat dengan ketara sekali.

MENG GALAKKAN KERJASAMA DAN DIALOG ANTARABANGSA

Tahun 2009 mencatatkan pencapaian tinggi dari segi usaha penggubal dasar dan pengamal pasaran kewangan untuk mencari jalan menangani krisis kewangan global. Kumpulan 20 ekonomi terbesar, atau G-20, bertemu beberapa kali untuk membincangkan cadangannya. Pada masa yang sama, PBB melantik panel pakar antarabangsa untuk mencari jalan bagi menangani krisis tersebut. Penyelia dan pengawal selia kewangan dan pasaran modal, melalui badan antarabangsa masing-masing, mengadakan perbincangan yang hampir berterusan berhubung dengan penggubalan dan pelaksanaan peraturan baharu. Usaha yang sama turut dijalankan oleh industri dan ahli akademik.

Untuk menyediakan forum bagi perbincangan awam yang lebih luas tentang krisis tersebut, SC menganjurkan dan menjadi tuan rumah bagi Simposium Pasaran Modal Sedunia yang pertama dalam bulan Ogos. Simposium ini menghimpunkan sekumpulan pemikir terkemuka, penggubal dasar, pengawal selia, pakar ekonomi, pengamal kewangan dan orang awam untuk membincangkan krisis kewangan global dan langkah-langkah ke hadapan. Lebih 500 orang mengambil bahagian dalam simposium ini, yang antara penyampai ucapannya ialah YAB Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Raja Nazrin Shah dan menteri-menteri dari Malaysia, Singapura dan Hong Kong. Penceramah terkemuka lain termasuk Paul Krugman, penerima anugerah Nobel ekonomi, Laura Tyson, penasihat ekonomi kepada Presiden Barack Obama dan Raghuram Rajan, mantan ketua ekonomi Tabung Kewangan Antarabangsa.

Penganjuran persidangan antarabangsa tentang pasaran modal di Malaysia memang tepat pada masanya. Apabila semakin ramai pelabur yang mengintai pasaran luar

negara untuk mempelbagaikan portfolio mereka, aktiviti pengawalseliaan SC sendiri perlu menjadi semakin global dari segi prospek dan kebertanggungjawaban. Kami turut menandatangani perjanjian pengiktirafan bersama bagi pembangunan instrumen pasaran modal Islam dan skim pelaburan kolektif dengan Hong Kong Securities and Futures Commission.

Dalam dasar pengawalseliaan antarabangsa, kami terus bekerja rapat dengan IOSCO untuk mencapai kefahaman lebih baik tentang isu dasar kewangan global yang berkaitan dan untuk membangunkan dasar dan standard pengawalseliaan antarabangsa. Sebagai naib pengerusi Jawatankuasa Pasaran Pesat Membangun IOSCO, kami turut mempengerusikan Pasukan Petugas Khas untuk melihat kesan dan respons pasaran pesat membangun terhadap krisis kewangan. Laporan selanjutnya, yang diterbitkan oleh IOSCO dalam bulan September, disiarkan oleh akhbar di seluruh dunia. Antara lain, Pasukan Petugas Khas ini mengenal pasti cabaran pengawalseliaan dan penyeliaan utama yang dihadapi oleh pasaran pesat membangun dan memberikan saranan untuk menangani kerentanan dalam pasaran ini dan untuk memberikan asas bagi pendekatan pengawalseliaan yang bagus untuk masa mendatang. Bahagian yang relevan dalam saranan ini turut dipanjangkan kepada G-20 untuk mesyuaratnya dalam bulan April.

Berhubung dengan hal-hal serantau, kami tetap terlibat secara serius dengan inisiatif penyepaduan serantau ASEAN, yang disasarkan untuk mencapai objektif Rangka Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN 2015. Melalui Forum Pasaran Modal ASEAN, kami berusaha membangunkan pelan pelaksanaan untuk menggalakkan pembangunan pasaran modal bersepadu. Dalam bulan Jun, SC bersama-sama dengan rakan sekerja kami di Singapura dan Thailand, adalah antara yang pertama melaksanakan Skim Standard ASEAN dan Tambahan bagi penawaran sekuriti rentas sempadan di rantau ini.

MENYAMPAIKAN PENGAWALSELIAAN YANG LEBIH BAIK

Permintaan terhadap kapasiti pengawalseliaan meningkat seiring dengan keadaan yang lebih mencabar. Sepanjang tahun ini, kami terus memberikan penekanan kepada

standard penyampaian kami, dan saya berbangga menyatakan bahawa kami mengendalikan lebih 99% permohonan pelesenan dan 94% cadangan korporat dalam tempoh piagam kami. Namun begitu, kami komited untuk menghasilkan peraturan yang lebih baik, dan telah mengambil banyak langkah untuk meningkatkan keupayaan kami dalam pembangunan manusia, pengurusan pengetahuan dan pengurusan risiko.

Pembangunan modal insan merupakan aspek utama dalam pendekatan kerajaan ke arah mengalihkan Malaysia ke dalam ekonomi berpendapatan tinggi. SC melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan tahap kemahiran baik dalam organisasi mahupun industri. Ini termasuk pelaksanaan program rintis tentang Kecemerlangan dan Perkembangan Kepimpinan yang terdiri daripada 13 program yang meliputi 260 warga SC dengan sasaran untuk meningkatkan kemahiran mereka sebagai penyelia, pengurus dan pemimpin. Untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran dalam industri, kami melancarkan program Peningkatan dan Pembangunan Eksekutif SC untuk menyediakan latihan bagi 500 siswazah Malaysia sebagai pelengkap kepada usaha latihan siswazah yang lebih meluas oleh pihak kerajaan.

Kami terus meningkatkan keupayaan institusi kami, termasuk melancarkan sistem e-Pembayaran SC dan Pelaporan Pelesenan Elektronik, serta penambahbaikan kepada pelesenan, kelulusan sekuriti dan proses pengurusan aduan. Pengurusan maklumat merupakan faktor yang kritikal kepada kejayaan usaha kami, oleh itu pembangunan pangkalan data yang penting tentang kes penguatkuasaan, akaun PLC bersepadu dan pemilikan saham, serta penyediaan kerangka kerja pengurusan rekod dan pengujian rintis merupakan pencapaian penting dalam hal ini.

Kami turut meningkatkan sistem dan kawalan di seluruh organisasi, yang merangkumi pelaksanaan fasa pertama kerangka kerja risiko syarikat baharu serta mewujudkan perjanjian tahap perkhidmatan dalaman untuk meningkatkan perkhidmatan korporat. Akhir sekali, untuk memastikan kebingkasan operasi sebagai sebahagian daripada usaha meluas untuk meningkatkan pengurusan oleh SC, kami menyepadukan pelbagai langkah luar jangka operasi ke dalam satu kerangka kerja kesinambungan urusan dan sedang memindahkan dan meningkatkan tapak pemulihan bencana SC.

MELANGKAH KE HADAPAN

Kualiti dan kejayaan pasaran modal kita pada masa akan datang sangat bergantung pada sebaik mana pihak berkepentingan melaksanakan pentadbiran masing-masing. Sejak krisis kewangan Asia pada 1997–1998, Malaysia telah berjaya menambah baik kerangka kerja tadbir urusnya. Malangnya, walaupun kerangka kerja yang ada mematuhi standard antarabangsa, ramai pemerhati terus menyuarakan kebimbangan tentang pelaksanaan standard tersebut. Cara tadbir urus yang diamalkan oleh sesetengah syarikat dan penggiat dalam pasaran kami mencadangkan bahawa banyak lagi yang perlu dilakukan sebelum persepsi negatif dapat diubah.

Untuk menjamin pencapaian tersebut, kami akan memfokus perhatian kami kepada bina upaya dalam pasaran dan untuk organisasi kami sendiri. Bagi pasaran, kami merancang untuk membangunkan program komprehensif yang akan mensasarkan peserta pasaran di semua peringkat – untuk meningkatkan tahap amalan tadbir urus oleh lembaga pengarah, pengurusan kanan dan operasi dan kakitangan. Bagi SC pula, kami akan terus meningkatkan tahap standard penyampaian kami dan akan memerhatikan dengan rapi untuk memastikan mana dan bagaimana kami boleh menjadi lebih telus dan bertanggungjawab dalam pelaksanaan mandat teras dan objektif kami.

Tadbir urus yang lemah merupakan penyebab yang signifikan dalam kebanyakan krisis kewangan. Langkah untuk mengurangkan risiko sistemik, melindungi pelabur, dan mendukung kesaksamaan dan kecekapan dalam pasaran modal tidak akan bermakna jika ia tidak digandingkan dengan amalan tadbir urus yang kukuh. Kerangka kerja telah diwujudkan; kini para pemegang kepentingan perlu mengamalkan apa yang diucapkan. Mereka mesti menggarap prinsip tadbir urus tersebut dan mencerminkannya dalam pengendalian urus niaga. Kemudian barulah kita semua betul-betul pasti dapat mengekalkan keyakinan dan kepercayaan dalam pasaran modal dalam tahun-tahun yang mendatang.

Sebagaimana biasa, sumbangan rakan ahli Suruhanjaya, Majlis Penasihat Syariah dan pasukan pengurusan adalah sangat besar dan tidak ternilai sepanjang tahun ini. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas saranan, nasihat dan sokongan mereka. Staf SC telah bekerja dengan tekun dan tidak mengenal penat-lelah, dan saya sangat bersyukur atas kegigihan dan dedikasi mereka dalam menjalankan tugas mereka.



Zarinah Anwar



Bahagian Satu

Melindungi pelabur dan mengekalikan keyakinan pasaran

Kami terus merangsang dan menuntut standard tinggi perilaku korporat dalam kalangan PLC. Pada masa yang sama, kami mengukuhkan kuasa pelabur melalui program kesedaran dan celik pelaburan serta dengan menggalakkan aktivisme pemegang saham. Jika undang-undang sekuriti dilanggar, kami menggunakan mekanisme pengawalseliaan yang bersesuaian untuk penguatkuasaan yang pantas dan efektif.

MELINDUNGI PELABUR DAN MENGEKALKAN KEYAKINAN PASARAN

PENGENALAN

Objektif melindungi pelabur dan mengekalkan keyakinan pasaran hanya dapat dicapai dengan pendekatan peraturan yang memupuk standard tingkah laku korporat yang tinggi dalam kalangan PLC, memberi kuasa kepada pelabur melalui pendidikan, menggalakkan aktivisme pemegang saham dan memudahkan tindakan penguatkuasaan yang pantas dan wajar diambil terhadap pelanggaran undang-undang sekuriti. Sejarar dengan ini, dalam tahun 2009, usaha penguatkuasaan kami dilengkapi kukuh dengan langkah yang dirancang untuk meningkatkan standard tingkah laku dan kebertanggungjawaban korporat, dan melengkapi pelabur dengan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan yang perlu untuk melahirkan pangkalan pelabur yang bermaklumat dan berwaspada.

Dalam bulan November 2009, Parlimen meluluskan pindaan kepada SCA yang membawa kepada penubuhan Lembaga Pengawasan Audit (AOB) sementara pindaan kepada CMSA memperkenalkan peruntukan baharu untuk mengukuhkan peraturan PLC dengan menahan mereka yang bertanggungjawab menyebabkan kerugian yang tidak sepatutnya kepada syarikat, dipertanggungjawabkan atas tindakan mereka. Garis panduan turut diperkenalkan untuk memastikan layanan adil kepada pemegang saham minoriti dalam situasi ambil alih. Kerja penubuhan mekanisme Resolusi Pertikaian Alternatif juga mencapai kemajuan yang signifikan. Semua langkah ini bertujuan menyokong sistem kebertanggungjawapan korporat yang tinggi dan perlindungan pelabur yang berkesan.

Peranan kami sebagai pembela pelabur diperkukuh dengan tersedianya proses pengurusan aduan yang berkesan dan mengembangkan pelbagai program pendidikan

pelabur. Ini berdasarkan kepercayaan mantap bahawa sekalipun kami terus menggunakan kuasa berkanun kami untuk memastikan perlindungan pelabur dan keyakinan pasaran, pelabur tetap dipertanggungjawabkan atas pelaburan yang bertanggungjawab dan dengan itu, mereka hendaklah diberi lebih kuasa untuk membuat keputusan pelaburan bermaklumat. Dalam tahun 2009, lebih daripada 28,000 peserta mendapat faedah daripada program celik kewangan kami yang disasarkan di sekolah, universiti, tempat kerja, kumpulan sosial bandar dan luar bandar, ibu bapa, wanita dan pekerja kolar biru. Kami turut menggunakan media cetak dan elektronik untuk mengetengahkan isu khusus yang menjejaskan pelabur dan menjawab kemusykilan daripada orang awam. Laman web kami diguna dengan aktif untuk memaklumkan orang awam tentang pelbagai isu dan hal-hal penting.

Bagi penguatkuasaan pula, ketika kami terus membuat dakwaan atas jenayah serius khususnya yang dilakukan oleh pengantara berlesen, PLC serta pengarah dan pegawai kanannya, strategi kami dalam menggunakan kaedah pengawalseliaan lain untuk mencapai hasil yang memanfaatkan pasaran secara keseluruhan, memberikan hasil yang sangat memberangsangkan.

PENGUATKUASAAN

Tindakan sivil

Satu penyelesaian penting berjumlah RM31.0 juta dicapai dalam penipuan pelaburan Swisscash. Usaha sedang dijalankan untuk mengembalikan wang pelabur yang layak, yang ditipu dalam skim licik dan tidak sah ini. Kami telah melantik PricewaterhouseCoopers untuk bertindak sebagai pentadbir skim ini dan akan mendapatkan

kelulusan mahkamah bagi kriteria kelayakan supaya pembayaran dapat dilaksanakan.

Dalam bulan Julai, kami melengkapkan usaha untuk mengembalikan wang 13 pelabur yang berdagang dalam saham Malaysian Oxygen Bhd (MOX). Pengembalian wang ini dapat dilaksanakan selepas penyelesaian awal dengan Tan Sri Dato' Chua Ma Yu apabila dia bersetuju, tanpa pengakuan liabiliti, untuk membayar RM1,213,084.14. Jumlah ini merupakan penyerahan sebanyak dua kali ganda keuntungan yang diperoleh daripada ketaknalaran yang didakwa berlaku dalam perdagangannya bagi saham MOX di antara 16 Februari 2007 dengan 22 Februari 2007.

Pada 11 November, SC memperoleh satu lagi pencapaian apabila Mahkamah Tinggi memerintahkan Kenneth Vun @ Vun Yun Liun (Kenneth Vun), mantan pengarah urusan dan pemegang saham FTEC Resources Bhd (FRB) untuk mengembalikan RM2.4 juta kepada FRB, sebagai jumlah dana syarikat yang disalah guna untuk kepentingan peribadinya. Ini adalah julung-julung kali seorang pengarah syarikat diperintah oleh Mahkamah Tinggi mengembalikan dana syarikat. Dia seterusnya dihalang daripada menguruskan dana FRB, baik secara langsung mahupun tidak langsung.

Pendakwaan jenayah

Tanda kejayaan pasaran sekuriti yang cekap ialah keupayaan pelabur mengakses maklumat kewangan yang tepat dan andal. Tindakan penguatkuasaan yang berat akan dikenakan terhadap syarikat dan pengarah yang sengaja mengeluarkan penyata kewangan yang mengelirukan. Dalam usaha kami yang berterusan untuk meningkatkan tahap tadbir urus dalam kalangan PLC, beberapa pendakwaan jenayah telah dimulakan atas sebab maklumat kewangan yang mengelirukan dan penipuan korporat.

Dalam bulan Mac, mantan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Welli Multi Corporation Bhd (WMCB), Tan Chin Han, didakwa kerana dengan sengaja memberikan kebenaran pengemukaan kenyataan yang mengelirukan dalam laporan suku tahunan WMCB bagi tempoh kewangan berakhir 30 September 2006.

Dalam bulan yang sama, SC mendakwa Toh Chun Toh Gordon, mantan Pengarah Urusan Multi-code Electronics Industries (M) Bhd (Multi-code) kerana terlibat dalam kegiatan yang beroperasi sebagai penipuan dengan

menyebabkan peningkatan deposit tetap milik Multi-code berjumlah RM18,146,168.74 yang RM17,552,275.20 daripadanya digunakan untuk membeli 11.1 juta unit saham Multi-code. Di samping itu, beliau turut didakwa atas jenayah pecah amanah bawah Kanun Kesiksaan. Seterusnya, Abul Hasan Mohamed Rashid, mantan Pengarah Eksekutif Multi-code, turut didakwa kerana bersubahat dengan Toh Chun Toh Gordon melakukan kesalahan tersebut. Beliau turut didakwa atas jenayah pecah amanah bawah *Kanun Kesiksaan*.

Dalam bulan April, SC mendakwa Ooi Boon Leong dan Tan Yeow Teck, mantan pengarah MEMS Technology Bhd, kerana dengan sengaja memberikan kebenaran pengemukaan kenyataan yang mengelirukan kepada Bursa Malaysia Bhd. MEMS Technology juga diminta membetulkan dan mengemukakan semula penyata kewangannya bagi tahun kewangan berakhir 2007, 2008 dan bagi dua suku tahun pertama 2009.

Penasihat dan pakar yang terlibat dalam proses pelaporan dan penzahiran kewangan adalah kritikal dalam menyediakan maklumat andal kepada pasaran. Pada 28 April, SC mendakwa Yue Chi Kin, juruaudit United U-Li Corporation Bhd kerana bersubahat dengan syarikat mengemukakan maklumat palsu kepada Bursa Malaysia.

Kami mengenakan standard tingkah laku yang tinggi ke atas pengantara berlesen kami. Mereka dituntut supaya melaksanakan tanggungjawab mereka dengan standard integriti dan profesionalisme yang paling tinggi, dan mereka yang menyalahgunakan lesen mereka akan dikenakan hukuman berat.

Pada 30 Jun, Wahid Ali Kassim Ali, Pengarah Aiwan Management Assets Sdn Bhd (Aiwan) dan pengurus dana berlesen, didapati bersalah mengemukakan kenyataan mengelirukan kepada pelanggan Eastern Pacific Industrial Corporation Bhd (EPIC) berhubung dengan pelaburan Aiwan. Mahkamah Sesyen mensabitkan Wahid Ali dan dijatuhi hukuman denda sebanyak RM3 juta dan satu tahun penjara.

Pada 1 April, Mahkamah Sesyen mendapati Ghazali Atan dan Mohamad Abdul Wahab bersalah atas pengeluaran tidak sah bagi wang dalam satu akaun amanah dan mereka didenda RM200.00 tiap seorang. Kedua-duanya didakwa dalam tahun 2003 kerana mengeluarkan RM50 juta daripada akaun amanah Tabung Haji (LTH) yang diurus oleh Metrowangsa Asset Management (Metrowangsa) bagi pembayaran

kepada MIMOS Sdn Bhd, pihak yang tidak berhak ke atas dana LTH. Mohamad Abdul Wahab juga didakwa kerana dengan maklum membenarkan pengemukaan kenyataan yang mengelirukan kepada SC dalam laporan separuh tahunan Metrowangsa bagi tahun 2000 dan 2001. Bagaimanapun, mahkamah menggugurkan dan melepaskan Mohamad Abdul Wahab daripada dakwaan tersebut. SC memfailkan rayuan terhadap keputusan ini.

Dalam bulan Ogos, SC mendapat sabitan terhadap K. Sivachandran kerana memalsukan buku dalam perniagaan AOF Futures Sdn Bhd. Sivachandran, yang merupakan wakil broker AOF Futures didapati bersalah memalsukan borang pesanan dan buku pesanan dengan mengubah butiran dalam dagangan kontrak niaga hadapan yang disediakan oleh AOF Futures. AOF Future mengalami kerugian kira-kira RM200,000 akibat pemalsuan ini. Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman satu tahun penjara dan denda RM30,000.

Tindakan pentadbiran

Di samping tindakan penguatkuasaan berasaskan mahkamah (sama ada sivil atau jenayah), SC turut melaksanakan tindakan pentadbiran untuk mencapai penyelesaian yang lancar dan berkesan. Dalam tahun 2009, SC mengenakan sebanyak 56 sekatan pentadbiran.

Secara keseluruhan, kami mengenakan denda pentadbiran berjumlah RM770,000. Tindakan pentadbiran yang diambil melibatkan PLC, pemegang saham besar mereka atau pengantara dan profesional pasaran. Beberapa tindakan diambil terhadap pemegang saham besar PLC kerana pelanggaran Kod Pengambilalihan atas kegagalan melaksanakan tawaran mandatori.

Sebagai sebahagian daripada pengawasan kami yang dipertingkatkan terhadap pengantara kami, kami juga mengeluarkan sebanyak 132 surat penyeliaan.

MELINDUNGI HAK PEMEGANG SAHAM MINORITI DALAM PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN

Tunjang utama bagi kawal selia pengambilalihan adalah memastikan pemegang saham minoriti dilayan dengan adil dan diberikan hak untuk mengambil bahagian dalam tawaran pengambilalihan. Pemegang saham minoriti mesti diberikan akses terhadap maklumat yang betul dan bertepatan masa bagi membolehkan mereka membuat

Penerima dilantik untuk pengurus dana

Dalam bulan Ogos, SC menerima aduan daripada pelanggan RBTR Asset Management Bhd (RBTR) menyatakan ketakupayaan mereka untuk menebus pelaburan mereka. Kami melancarkan siasatan dalam hal ehwal pengurusan RBTR dan aktiviti Locke Capital Investment (BVI) Ltd dan Locke Guaranty Trust (NZ) Ltd yang didakwa menawarkan diri sebagai pengurus dana di Malaysia. Kami melantik juruaudit bebas yang membangkitkan pelbagai perkara tentang langkah yang diambil oleh syarikat untuk memperoleh dan melindungi aset pelanggan. Satu perintah diperoleh daripada Mahkamah Tinggi untuk pelantikan penerima hal ehwal, aset dan harta RBTR untuk melindungi dana tersebut daripada lesap secara penipuan.

keputusan termaklum.

Pada 7 Ogos, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memerintahkan Up & Famous Sdn Bhd dan enam lagi defendan melaksanakan skim Tawaran dan Pampasan kepada semua pemegang saham yang relevan dalam Takaso Resources Bhd akibat kegagalan mereka melaksanakan tawaran mandatori di bawah Kod Pengambilalihan. Pelanggaran ini berlaku pada 17 Januari 2002 apabila defendan memperoleh saham dalam Takaso, yang memerlukan tawaran mandatori dilaksanakan.

Dalam kes yang berasingan, SC mengarahkan penasihat bebas Goh Ban Huat Bhd (GBH) mengeluarkan semakan pekeliling makluman bebas (IAC) berikutan tawaran semakan oleh pemberi tawaran, Tan Sri Dato' Tan Hua Choon. Agar sejajar dengan masa pengeluaran IAC semakan dan untuk memastikan pemegang saham GBH mempunyai masa yang cukup untuk mempertimbangkan tawaran tersebut, pemberi tawaran dikehendaki melanjutkan tarikh tutup tawaran tersebut.

Dalam tawaran pengambilalihan oleh Media Prima Bhd (MPB) melibatkan saham New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP), terma asalnya disemak semula oleh MPB. Pengibatan SC adalah untuk memastikan pendedahan yang jelas dan tidak kabur dinyatakan dalam dokumen tawaran semakan kepada pemegang saham NSTP supaya mereka boleh membuat penilaian termaklum tentang

Peraturan yang dikeluarkan bawah Kod Pengambilalihan

Satu isu yang terkedepan dalam tahun 2009 adalah melindungi hak pemegang saham yang lain dalam amalan pengswastan yang semakin meningkat, termasuk amalan yang dilaksanakan secara pengurangan modal terpilih (SCR). Untuk melindungi kepentingan pemegang saham minoriti, kami keluarkan peraturan berhubung hal ini. Pada dasarnya, syarikat yang melaksanakan SCR dikehendaki melantik penasihat bebas untuk memberikan pandangan bebas kepada pemegang saham yang terkesan daripada SCR yang dicadangkan. Pihak yang berkepentingan hendaklah mengelak daripada mengundi untuk SCR dan penetapan harga saham syarikat mestilah mematuhi keperluan Kod Pengambilalihan.

Untuk memastikan pemegang saham minoriti diberikan maklumat terkini tentang tawaran pengambilalihan, mana-mana syarikat yang tertakluk kepada tawaran pengambilalihan (yang telah mengumumkan hasrat untuk mencari tawaran bersaing) mesti membuat pengumuman susulan tentang status tawaran bersaing. Kami juga memberikan mandat bahawa jika ada tawaran bersaing, pembuat tawaran itu mesti membuat pengumuman segera dengan memberikan butiran tawaran tersebut.

tawaran tersebut. Di samping itu, memandangkan semakin tawaran tersebut sangat rapat dengan garis masa yang dimandatkan untuk menghantar IAC, SC bersetuju untuk melanjutkan masa bagi menghantar IAC supaya baki pemegang saham NSTP boleh menilai pandangan bebas tersebut berdasarkan terma semakin semula.

MENGUKUHKAN TADBIR URUS KORPORAT

Peruntukan baharu melanjutkan cakupan penguatkuasaan SC

Dua peruntukan baharu, iaitu seksyen 317A dan 320A CMSA telah diluluskan oleh Parlimen dalam bulan

Disember bagi membolehkan SC mengambil tindakan penguatkuasaan berkesan terhadap pengarah dan pegawai PLC yang tidak bertanggungjawab dan syarikat mereka yang berkaitan. Sebelum ini, keupayaan SC bagi mengambil tindakan terhadap pengarah terhadap kepada kesalahan berkaitan pendedahan dalam CMSA.

Seksyen 317A membolehkan SC mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap sesiapa yang melakukan apa-apa atau menyebabkan sesiapa melakukan apa jua dengan niat menyebabkan kerugian yang tidak sepatutnya kepada syarikat tersenarai atau syarikat yang berkaitan. Seksyen 320A menetakannya sebagai satu kesalahan bagi pengarah dan pegawai syarikat tersenarai untuk mempengaruhi mana-mana orang yang menyediakan atau mengaudit penyata kewangan syarikat tersenarai yang mengakibatkan penyata kewangan tersebut menjadi palsu atau mengelirukan. Kedua-dua peruntukan ini membawa kepada tempoh penjara maksimum selama 10 tahun dan denda tidak melebihi RM10 juta.

Pindaan kepada seksyen 368 dan 371 CMSA juga diluluskan oleh Parlimen untuk menjadikan satu kesalahan ke atas sesiapa yang memalsukan atau merosakkan mana-mana rekod atau buku perakaunan syarikat tersenarai atau syarikat berkaitannya.

Menggalakkan pematuhan piawaian pelaporan kewangan

Konsisten dengan pendekatan serampang tiga mata kami dalam melaksanakan pengawalseliaan, disiplin diri dan pasaran, kami meningkatkan pengawasan kami ke atas pematuhan PLC terhadap Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS). Terdapat peningkatan dalam penglibatan dan kolaborasi dengan juruaudit, penasihat dan pihak berkenaan yang lain untuk memupuk kesedaran yang lebih tinggi tentang peranan, kewajipan dan obligasi profesional. Berdasarkan dapatan pengawasan korporat kami, kami sampaikan kebimbangan kami kepada profesional dan pengarah supaya mengingati tanggungjawab mereka dalam memastikan penyebaran maklumat yang jitu dan tepat pada masanya kepada orang awam yang melabur, terutamanya berhubung dengan kenyataan yang bercanggah dan mengelirukan yang dikeluarkan oleh PLC tertentu dan rakan niaganya yang berkaitan dalam beberapa urusan niaga.

Sejajar dengan peralihan global kepada standard pelaporan

Penubuhan Lembaga Pengawasan Audit

Skandal perakaunan yang lampau memperlihatkan peranan penting juruaudit luar dalam memberikan pengesahan andal tentang penyata kewangan PLC. Dalam bulan Disember, Parlimen meluluskan pindaan kepada SCA untuk mengawal selia amalan audit juruaudit PLC. Penubuhan Lembaga Pengawasan Audit (AOB) bertujuan meningkatkan keyakinan pelabur dalam kualiti dan keandalan penyata kewangan beraudit bagi entiti kepentingan awam di Malaysia dan untuk mewujudkan kerangka kerja bagi pengawasan yang bebas, berkesan dan teguh ke atas juruaudit. Tanggungjawab AOB adalah seperti yang berikut:

- (a) Mendaftarkan individu dan firma yang ingin mengaudit entiti kepentingan awam;
- (b) Mewujudkan standard pengauditan dan etika;
- (c) Memeriksa firma audit untuk memastikan pematuhan standard yang diperlukan daripada juruaudit berdaftar;
- (d) Menjalankan tanya siasat;
- (e) Mengenakan sekatan; dan
- (f) Menyediakan pendidikan dan kesedaran tentang pengauditan dan standard kualiti domestik dan antarabangsa.

kewangan sepunya, Malaysia komited to mengguna pakai sepenuhnya Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) menjelang 1 Januari 2012. Semasa tempoh peralihan, PLS digalakkan menaik taraf keupayaan mereka untuk mematuhi piawaian antarabangsa dalam pelaporan kewangan ini.

Meneruskan agenda tadbir urus korporat

SC mengendalikan beberapa sesi dialog tentang meningkatkan tadbir urus korporat dan aktivisme pemegang saham dalam kalangan pelabur institusi. Dengan pengaruh dan sumber yang ada, pelabur institusi dijangka

memainkan peranan lebih berkesan dalam mendukung standard tadbir urus korporat dalam kalangan PLC.

Di samping itu, kami terus menyokong dan menggalakkan MSWG dalam mengetengahkan kebimbangan pemegang saham melalui pelibatan mereka dengan lembaga dan melalui kehadiran mereka dalam mesyuarat agung tahunan. SC dan Bursa Malaysia turut meningkatkan pelibatan dengan lembaga PLC berhubung dengan isu tadbir urus korporat. Kami menjangka akan melihat lebih ramai pelabur, sama ada institusi atau runcit, meningkatkan pelibatan mereka dalam membangkitkan isu penting kepada lembaga korporat kerana ini merupakan pendekatan paling berkesan ke arah mengukuhkan amalan tadbir urus korporat.

SC mengambil bahagian secara aktif dalam forum tadbir urus korporat di peringkat serantau dan antarabangsa untuk berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar pandangan dengan pengawal selia dan badan antarabangsa yang lain. Untuk lebih memahami dan menghargai usaha kami untuk menambah baik tadbir urus korporat di Malaysia, kami mengambil bahagian dalam Rundingan Meja Bulat Asia OECD dan Persidangan Tahunan Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa (ICGN) 2009. Kami turut menyumbangkan artikel yang menggariskan pendekatan Malaysia untuk mengukuhkan kerangka kerja pengawalseliaannya dan usaha penguatkuasaan kami bagi buku tahunan ICGN 2009.

PENDIDIKAN PELABUR

Kami terus melaksanakan strategi pendidikan pelabur kami ke arah matlamat unggul untuk membina pangkalan pelabur bermaklumat dan berwaspada yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengambil bahagian dalam pasaran dengan selamat. Teras pelan tindak pendidikan pelabur kami bukan sahaja menangani keperluan untuk meningkatkan keseluruhan tahap celik kewangan merentasi segmen pelabur malah untuk menambahkan kefahaman mereka ke dalam satu keupayaan kewangan yang seiring dengan objektif pelaburan dan profil risiko mereka yang sedang berkembang.

Inisiatif yang dilaksanakan dirangka untuk menangani bukan sahaja keperluan semerta dan jangka sederhana pelabur tetapi keperluan jangka panjang memerlukan

Minggu Tadbir Urus Perdana

Dengan kolaborasi Bursa Malaysia, SC melancarkan Minggu Tadbir Urus Perdana pada 8 Jun. Minggu CG ini bertujuan menyediakan platform untuk menghimpunkan pihak berkepentingan yang terlibat dalam proses tadbir urus korporat untuk bertukar pengalaman dan pengetahuan tentang amalan terbaik. Bersempena dengan Minggu CG:

- Bursa Malaysia melancarkan *Panduan Tadbir Urus Korporat* untuk membantu pengarah lebih memahami peranan dan tanggungjawab mereka dan memenuhi obligasi mereka.
- Kumpulan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG), dengan perkongsian bersama University of Nottingham Business School, dan Pusat Tadbir Urus dan Pelaporan Kewangan di National University of Singapore, melancarkan *Malaysian Corporate Governance Indeks 2009*. Inisiatif ini dibiayai oleh Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDP);
- Gabungan Pengarah Korporat Malaysia (MACD)

ditubuhkan sebagai persatuan penyokong yang mewakili kepentingan pengarah korporat, profesional dan pemimpin perniagaan dengan wawasan untuk menggalakkan tadbir urus korporat di Malaysia dan meluaskan pengaruhnya di peringkat antarabangsa;

- Institut Akauntan Malaysia (MIA) melancarkan dua lembaga penetapan standard. Lembaga Jaminan Kualiti Audit dilancarkan untuk menyokong penggubalan standard profesional berkualiti tinggi dan peralihan penggunaan standard di peringkat antarabangsa. Lembaga Standard Etika menggalakkan pematuhan standard profesional dan etika yang berkualiti tinggi; dan
- Sesi dialog diadakan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM), MIA, Institut Juruaudit Dalam Malaysia (IIAM), Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA), Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG), Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun (MAICSA), dan MACD.

pembinaan pangkalan yang pengetahuan tersebut sudah tersedia ada. Malah, tujuan kami akan membantu pelabur untuk membantu diri mereka. Perlindungan bukan sekadar datang daripada kerangka kerja pengawalseliaan tetapi daripada pelabur yang memiliki pengetahuan dan kemahiran untuk mengambil pemilikan dan tanggungjawab atas keputusan pelaburan mereka.

Kami telah bergerak maju dalam pembangunan dan pelaksanaan inisiatif pendidikan pelabur untuk meningkatkan kecelikan dan keupayaan segmen kumpulan pelabur yang disasarkan. Dalam hal ini, kami dibantu oleh cawangan latihan dan pendidikan kami, SIDC. Cabaran terus menjadi suatu cakupan yang semakin berkesan merentasi segmen pelabur.

Melalui SIDC, kami melaksanakan program celik kewangan untuk tiga kumpulan sasaran utama yang terdiri daripada—

- sekolah;

- masyarakat luar bandar, pekerja kolar biru dan suri rumah; dan
- universiti, agensi kerajaan dan syarikat.

Pendidikan pelabur kami dalam tahun 2009 mencakup lebih daripada 28,000 peserta.

Laman web Pelabur Malaysia (www.min.com.my) mengalami rombakan besar-besaran supaya lebih fokus pelanggan dan sistematik. Laman web berwajah baru ini dipromosi dalam pelbagai media yang membawa kepada peningkatan pengunjung bagi tahun ini, dengan 1.5 juta kunjungan didaftarkan dalam bulan Disember dan menjadikan laman web Malaysian Investor sumber yang popular bagi maklumat pendidikan pelabur bagi orang awam.

PENGURUSAN ADUAN YANG BERKESAN

Sepanjang beberapa tahun ini, kami semakin memahami

bagaimana memanfaatkan nilai daripada mengurus aduan awam. Aspek ini memperkukuh kepentingan dalam hubungan kami dengan pelabur sebagai pemegang kepentingan utama. Aduan awam bukan sahaja menyediakan peluang kepada SC untuk membantu pelabur tentang isu tingkah laku dan amalan tidak adil tetapi juga memberikan maklumat berguna tentang bahagian yang mungkin memerlukan semakan pengawalseliaan atau semakan dasar.

Dalam proses aduan awam, kami mengkategorikannya sama ada sebagai kemusykilan atau aduan. Kami telah menyaksikan peningkatan dalam kualiti kemusykilan dan aduan yang diterima; mencerminkan pelabur lebih faham tentang hak mereka. Umumnya, kebanyakan kemusykilan berkisar tentang—

- status syarikat atau individu dan aktiviti mereka yang berlesen;
- sama ada satu-satu skim itu mempunyai ciri-ciri penipuan, sebelum melabur;

- hak mereka berhubung dengan pengantara; dan
- mendapatkan bantuan untuk memahami satu-satu produk atau proses atau peraturan pasaran.

Pengadu datang kepada kami umumnya ingin mengetengahkan penipuan yang mungkin berlaku, pelanggaran undang-undang, amalan pasaran yang tidak adil atau insiden tadbir urus korporat yang lemah. Umumnya, mereka menunjukkan kefahaman tentang hak pemegang saham dan amalan yang tidak adil dalam kalangan peserta pasaran. Pemberi maklumat berjaya mendedahkan maklumat khusus tentang pelanggaran undang-undang atau tentang hal tadbir urus korporat mereka. Aduan tersebut merupakan sumber yang sangat-sangat berharga bagi risikan pasaran dan membantu kami dalam mempercepat penguatkuasaan bagi aktiviti yang tidak dilesenkan, penzahiran palsu atau mengelirukan dan kemungkinan pelanggaran undang-undang sekuriti yang lain. Maklumat awal juga membantu kami dalam mengambil langkah proaktif dan membolehkan kami

Jadual 1
Inisiatif pendidikan pelabur

Program	Huraian	Capaian
Jerayawara dan pameran industri	SC mengambil bahagian dalam jerayawara atau pameran industri untuk menyediakan platform bagi kemusykilan dan aduan, dan mendidik pelabur. Contoh: (i) Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2009 di Johor Bahru dan MSAM mini 2009 di Kuching – forum pelabur yang dianjurkan oleh PNB; (ii) Minggu Halal Malaysia 2009 – dianjurkan oleh MITI; dan (iii) Minggu Kesedaran Kewangan 2009 (M2K) – Acara pendidikan kewangan yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia dan agensi lain.	279,000 pelabur awam
Ceramah dan pembentangan	Ceramah dan pembentangan tentang aktiviti yang tidak berlesen dan penipuan yang diadakan dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran dan mewujudkan pangkalan pelabur yang berpengetahuan dan berwaspada. Hadirin termasuk pelajar, anggota tentera dan polis, agensi kerajaan negeri dan daerah dari pelbagai negeri.	24 ceramah dan pembentangan 1,130 peserta
Artikel media	SC berkongsi dengan rakan media untuk menyampaikan pendidikan pelabur dan waspada pelabur, melalui artikel dalam media cetak dan majalah.	17 artikel
Wawancara media	Wawancara media tentang pendidikan pelabur, celik kewangan dan skim pelaburan tidak sah.	Wawancara TV: 2 Wawancara radio: 2 Wawancara akhbar: 4

mengambil langkah yang perlu pada peringkat awal untuk mencegah pertambahan isu dan untuk mengurangkan risiko yang mungkin timbul.

Kami percaya bahawa pendirian lebih proaktif dalam kalangan pelabur, kewaspadaan dan aktivisme mencerminkan faedah daripada program yang lalu untuk meningkatkan kesedaran pelabur dan juga keinginan dalam kalangan mereka untuk melengkapi diri mereka dengan pengetahuan dan kefahaman yang perlu untuk memastikan mereka membuat keputusan yang betul-betul

bermaklumat. Tahap kesedaran yang meningkat dalam kalangan pelabur ditunjukkan oleh nisbah pertanyaan kepada aduan yang meningkat dengan pertanyaan mengatasi aduan dalam dua tahun kebelakangan ini.

MEKANISME PENYELESAIAN PERTIKAIAN ALTERNATIF

SC melihat keperluan untuk menutup jurang sedia ada dalam mekanisme tebus rugi yang disediakan untuk

Jadual 2

Senarai program pendidikan pelabur

Program	Huraian	Capaian
Kids & Cash dan Teen & Cash	Program interaktif yang menyeronokkan dan menarik, yang bertujuan memupuk budaya pengurusan wang serta kefahaman asas tentang pelaburan.	20,187 pelajar
Seminar B.M.W (Bijak Mengurus Wang)	Program yang praktikal dan bijak, yang dijalankan melalui seminar yang membantu ibu bapa, komuniti luar bandar, pekerja kolar biru dan wanita memahami pengurusan wang, meningkatkan kebiasaan dengan pelaburan, mewujudkan kesedaran tentang hak dan tanggungjawab pelabur dan membina halangan terhadap penipuan.	5,788 peserta
Cash@Campus	Program yang dirancang khas untuk penuntut universiti bagi meningkatkan keupayaan mereka dalam menguruskan simpanan dan membina keupayaan pelaburan.	1,379 pelajar
Money@Work	Program praktikal asas yang kakitangan organisasi awam dan swasta belajar bagaimana mengawal kewangan mereka dan merancang masa depan yang selamat dan terjamin.	1,210 kakitangan
Artikel media	Satu siri atikel yang diterbitkan dalam akhbar utama dan majalah yang membincangkan pelaburan bijak, asas dalam pengurusan kewangan dan mengesan skim pelaburan yang menipu.	57 artikel
	Satu siri artikel tentang tadbir urus korporat dan tanggungjawab lembaga pengarah yang diterbitkan dalam akhbar <i>The Star</i> .	26 artikel
Risalah pendidikan	Sebanyak empat risalah dihasilkan, iaitu: • <i>How to Check Out a Listed Company;</i> • <i>Secrets of Savy Investors: Unit Trust Investing;</i> • <i>Questions that Every Unit Trust Investor Must Ask;</i> and • <i>How to Spot Scams.</i>	214,256 risalah diedarkan
Segmen TV	Satu siri infoiklan yang menggalakkan pengurusan wang dan pelaburan bijak disiarkan dalam pelbagai saluran TV.	1,139 spot TV dalam TV3, TV9, ASTRO dan Hot FM
Laman web Pelabur Malaysia (www.min.com.my)	Laman web berdedikasi yang menjadi tempat rujukan utama bagi orang awam dan pelabur. Kandungan dalam laman web ini memfokus kepada asas pengurusan wang dan teknik pelaburan. Pelabur yang memerlukan penjelasan juga boleh mengemukakan pertanyaan mereka dalam laman web ini.	• Jumlah kunjungan bulanan mencecah 1.5 juta. • 2 artikel baharu setiap bulan
Campus kaChing!	Pertandingan tahunan pengurusan wang antara universiti yang bertujuan untuk menilai kebolehan pelajar bagi menggalakkan konsep pengurusan kewangan dan melabur secara kreatif dan menyeronokkan melalui pendekatan kawan-ke-kawan.	15 universiti

pelabur runcit, dan untuk tujuan ini, kami menyokong penetapan badan penyelesaian pertikaian alternatif (ADR) untuk menyelesaikan pertikaian monetari yang melibatkan pengantara pasaran dengan pelabur runcit. Perundingan aktif dengan penggiat industri dan kajian

bidang kuasa yang komprehensif dilaksanakan untuk memudah cara reka bentuk konsep kerangka kerja ADR yang sesuai. Projek tersebut kini di peringkat pelaksanaan yang penggiat industri diambil sebagai ahli Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan bagi penubuhan badan ADR dalam tahun 2010.

Mendengar aduan pelabur

SC terus menambah baik proses pengurusan aduannya sepanjang tahun ini. Usaha dalam tahun 2009 terfokus kepada menambah baik kecekapan dan kualiti respons awal SC terhadap aduan dan pertanyaan semasa perkara itu diterima sama ada melalui surat, faks atau e-mel. Dalam tahun 2009, sebanyak 1,002 atau 80% pertanyaan dan aduan ditangani dengan berkesan dalam masa 15 hari selepas diterima. Daripada jumlah itu, kira-kira 256 atau 20% fail perlu dibuka, mencerminkan sama ada kekompleksan atau keseriusan pertanyaan tersebut yang memerlukan susulan lanjut.

Jadual 3

Analisis aduan dan pertanyaan dalam 2009

	2009	% jumlah*
Aduan diterima	493	39
Pertanyaan diterima*	765	61
Jumlah aduan dan pertanyaan diterima	1,258	100
Fail dibuka**	256	20
Aduan/pertanyaan ditangani dalam masa 15 hari bekerja	1,002	80

* Tidak termasuk pertanyaan telefon

** Tidak termasuk tuntutan SwissCash



Bahagian Dua

Menggalakkan pasaran yang adil, cekap dan teratur

Kerangka kerja pengawasan kami terus diperkukuh dalam bidang kestabilan sistemik, pengawasan yang berhemat dan tatalaku perniagaan. Objektif dasar di sebalik penstrukturan kerangka ini adalah bagi memperkukuh perlindungan pelabur. Kami juga melihat kepada pembangunan dalam kawal selia yang akan menggalakkan kecekapan pasaran.

MENG GALAKKAN PASARAN YANG ADIL, CEKAP DAN TERATUR

PENGENALAN

Tahun 2009 merupakan tahun yang mencabar bagi pasaran kewangan di seluruh dunia, dengan penyepaduan dan pembaharuan menjadi tumpuan utama. Kebimbangan global terhadap kebingkasan pasaran dan perlindungan pelabur mencetuskan pelbagai usaha pengawalseliaan. Dengan mengambil kira kesan luluh kredit adalah saksama ke atas perbezaan geografi dan demografi, kami dengan proaktif meletakkan fungsi pengawalseliaan kami pada tahap waspada yang tinggi dan mewujudkan langkah terdahulu untuk menjamin perlindungan pelabur, dan memelihara pasaran yang adil dan teratur.

Suku tahun pertama 2009 merupakan tempoh yang tidak menentu bagi pasaran global, rentetan peristiwa yang berlaku dalam 2008. Ekuiti, komoditi dan bon jatuh merudum dan ramai yang meramalkan Kemelesetan Besar akan berulang. Ketaktentuan dan hilang keyakinan diterjemahkan dalam risiko yang meningkat bagi pasaran kita. Kami meningkatkan kewaspadaan kami untuk menguruskan risiko yang meningkat dan untuk mengelak apa-apa kejutan yang akan mengganggu pasaran. Kami turut meningkatkan usaha pengawasan pasaran untuk memastikan pasaran kekal adil dan teratur. Apabila pasaran global kembali pulih dalam bulan Mac 2009 dan kekal meningkat sepanjang tahun, pelabur kembali yakin dan kita menikmati pemulihan pasaran yang kukuh dalam suku tahun kedua. Bagaimanapun, kami tetap berwaspada terhadap aktiviti manipulasi dan terus-menerus mengambil langkah terdahulu untuk mengekalkan keteraturan pasaran. Usaha pengawasan kami terarah kepada mengesan penyalahurusan pasaran di peringkat awal dan mengambil tindakan untuk mencegah keruntuhan pasaran.

Sebagaimana yang dibuktikan oleh pembangunan

pengawalseliaan di luar negara, kebergantungan pada kaedah pematuhan pemantauan berasaskan senarai semak dan mengguna pakai kaedah pengawalseliaan reaktif terbukti tidak memadai. Alat dan metodologi pengawalseliaan terus diperkukuh untuk mengesan risiko terdahulu. Walaupun pendekatan pengawalseliaan kami telah ditingkatkan dengan progresif sejak krisis kewangan Asia, SC terus memperkenalkan penyusunan semula pengawalseliaan yang beransur-ansur dan memperuntukkan sumber yang besar ke arah menokok fungsi pengawalseliaan kami.

Antaranya, pendekatan pengawalseliaan berasaskan risiko kami dikembangkan mengatasi menilai pematuhan pengantaraan dan tatalaku pasarannya, untuk mengenal pasti sumber risiko sistemik yang mungkin timbul – dengan memberikan penekanan ke atas pengantara yang menimbulkan risiko signifikan dan menanggung kepentingan sistemik. Untuk mencapai fokus khusus ini, kami memperteguh alat pengawalseliaan sedia ada dengan gabungan kaedah daripada ujian tekanan, semakan analisis hinggalah meningkatkan keperluan pelaporan. Ini membolehkan penilaian yang jitu dan tepat pada masanya dapat dibuat bagi tumpuan stres yang mungkin, sambil memastikan penggunaan sumber pengawalseliaan yang optimum.

Elemen asas untuk memastikan pengawalseliaan yang berkesan terletak pada maklumat yang jitu, tepat pada masanya dan relevan. Oleh itu, untuk mempercepat aliran maklumat tersebut, kami memperkukuh kerjasama dan urusan dengan pihak berkepentingan yang relevan. Melalui hubungan interaktif ini, kami berupaya mengenal pasti jurang dan mengurangkan risiko yang timbul, sambil memastikan industri ini sejajar dengan harapan dan jangkaan kami. Satu lagi perkembangan yang positif adalah menjalankan lebih banyak penilaian

ke atas hal ehwal industri, terutamanya ke atas isu yang berkaitan dengan infrastruktur, sumber, serta keupayaan operasi dan teknikal dalam memenuhi cabaran melalui semakan bertema.

Secara kolektif, langkah ini terbukti berkesan dalam menambah baik kebingkasan pasaran modal Malaysia yang beroperasi teguh semasa krisis dan pulih pada kadar lebih pantas. Tiada gangguan sistemik yang timbul, tiada kompromi dalam tatalaku pasaran dan tiada kesan buruk yang memudaratkan minat pelabur dan tahap perlindungan.

Melangkah ke hadapan, kami berhasrat untuk terus meningkatkan pendekatan pengawalseliaan sedia ada untuk mengisi landskap operasi yang pantas berubah. Yang lebih penting lagi adalah terus-menerus membekalkan sumber untuk menyemak dan mengukuhkan prosedur dan proses. Ini akan membolehkan kami melaksanakan tanggungjawab pengawasan kami dengan berkesan dan cekap.

Kerangka kerja pengawalseliaan kami terfokus kepada kestabilan sistemik, pengawalseliaan dan tatalaku perniagaan berhemat dan dalam hal ini, kami akan melihat bagaimana kami telah menguruskan hal ini sepanjang tahun lalu. Kami juga akan melihat penggubalan peraturan yang menggalakkan kecekapan pasaran.

MEMASTIKAN KESTABILAN SISTEMIK

Perkembangan dalam pasaran modal global telah menyerlahkan kesulitan dan saling bergantung institusi kewangan dengan pasaran, yang jelas terbukti daripada krisis kewangan global, menekankan peranan penting bagi pengawalseliaan risiko sistemik. Ini melibatkan peningkatan kewaspadaan dan pengawasan dalam kesalinghubungan syarikat dan kesan limpahan yang boleh timbul daripada pengantara, institusi dan pasaran kita, serta risiko sistemik dalam seluruh pasaran.

Sebagai sebahagian daripada pengawasan berterusan kami ke atas Bursa Malaysia, kami memberikan perhatian khusus kepada kecekapan operasi dalam sistem dagangan, penjelasan dan penyelesaiannya. Platform dagangan Sekuriti Dagangan Bursa yang dilancarkan tahun lalu beroperasi dengan lancar dan mencatatkan tiada gangguan dagangan, penjelasan dan penyelesaian. Dalam menilai

kecukupan sokongan operasi, kami menyemak keupayaan teknologi maklumat (IT) Bursa Malaysia dari segi kemahiran personel dan sokongan vendor. Kami turut memantau perkembangan Pelan Pemulihan Bencana Kesenambungan Perniagaan Bursa Malaysia untuk memastikan kebersediaan dalam menangani peristiwa luar jangka atau krisis.

Semasa Bursa Malaysia melangkah dalam tahun kelimanya sejak disenaraikan, kerja pengawalseliaan SC merangkumi memastikan bursa mengimbangi secukupnya fungsinya dalam mengendalikan pasaran sebagai pengawal selia barisan hadapan dan PLC yang menjana keuntungan. Operasi Bursa Malaysia terus-menerus dinilai bagi keakurannya dengan keperluan undang-undang dan harapan pihak berkepentingan. Ini dilengkapi oleh penilaian pengawalseliaan tahunan ke atas aktiviti Bursa Malaysia, yang merangkumi memeriksa kebingkasan pengurusan risiko kerangka kerja rumah penjelasan Bursa Malaysia terhadap apa-apa risiko sistemik yang muncul daripada krisis kewangan. Mengorak langkah ke hadapan, fokus utama SC adalah memperhebat pemantauan risiko dan meningkatkan proses pengawasan, termasuk mengukuhkan pasaran dan mekanisme swadisiplin institusi pasaran.

Bagi industri pembrokeran, kami telah meningkatkan pendekatan berasaskan risiko dengan alat pengawalseliaan mikro. Ini termasuk lebih kerap menjalankan pemantauan ke atas posisi kewangan dan kecukupan modal pengantara pembrokeran untuk mengenal pasti risiko pada peringkat awal. Ini dilengkapi dengan pemprofilan risiko yang berterusan, pemeriksaan pengantara pasaran dan pemakaian ujian tekanan untuk menilai keteguhan industri, dengan penekanan ke atas kebingkasan firma yang berasingan terhadap kejutan pasaran.

Untuk lebih memahami isu firma tersebut, kebimbangan dan trend perkembangan, kami terus terlibat dengan pengantara pembrokeran dalam pelan perniagaan mereka dan risiko jangkaan. Pada masa yang sama, kami cuba mendapatkan jaminan dan menilai bahawa mereka telahpun mempunyai kawalan dan prosedur pengurangan untuk menangani cabaran ini. Sesi ini juga menjadi platform interaktif untuk mengukuhkan hubungan pengawalseliaan dengan pengantara kami, khususnya dalam hal yang melibatkan kesalingfahaman isu industri, dasar dan jangkaan pengawalseliaan. Untuk kekal menangani keperluan untuk meningkatkan hubungan

pengawalseliaan-pengantara, kami mewujudkan wakil perhubungan yang jelas dan berdedikasi dalam SC untuk menyediakan platform komunikasi yang interaktif.

Pelibatan langsung dengan pengantara pengurusan pelaburan turut dikendalikan bersama dengan amalan pemeriksaan. Skop pengawalseliaan SC diperluas untuk memfokus kepada hal-hal penting yang menjejaskan kebingkasan pengurus. Ini merangkumi hal seperti pengurusan kecairan dan penebusan, pendedahan pelaburan, kekukuhan kewangan, kecukupan sumber, trend dan pelan perniagaan, dan amalan penjualan. Amalan ini terbukti berkesan untuk mengesan awal bahagian berisiko dan dapatan yang memudaratkan, sambil membolehkan kami mengendalikan penilaian pemprofilan risiko dan pengagihan sumber dengan berkesan.

Dengan jangkaan potensi kesan limpahan daripada krisis kewangan global ke atas pasaran bon korporat domestik kita, seiring dengan segmen pasaran modal domestik yang lain, SC mengukuhkan penilaian risiko ke atas pasaran bon korporat dan meningkatkan pengawasan ke atas pengantara pasaran bon domestik. Kami memperhebat analisis kami ke atas dagangan bon dan melaksanakan penilaian risiko ke atas turun naik harga untuk mengenal pasti apa-apa faktor risiko baharu muncul dalam pasaran sekunder. Langkah ini perlu untuk memastikan pasaran bon korporat domestik terus memainkan peranan pentingnya dalam menyediakan pendanaan berkesan kos yang besar untuk sektor ekonomi yang produktif. Berikutan ini, kami memerhatikan pertumbuhan yang mantap dalam pasaran bon dalam tahun 2009, mencatatkan peningkatan sebanyak RM58 bilion kepada RM644 bilion yang RM301 bilion ialah sekuriti hutang swasta (PDS) (Dis 2008: RM586 bilion yang RM283 bilion ialah PDS).

Pada penghujung bulan Disember 2009, jumlah bon yang mungkir ialah RM1.1 bilion, lebih tinggi daripada RM0.6 bilion yang dicatat pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, ini adalah kurang daripada 1% daripada jumlah bon belum tebus yang bernilai RM644 bilion. Kemungkinan ini kebanyakannya berlaku dalam kalangan syarikat daripada industri terpilih, iaitu pembuatan, sektor dorongan eksport dan hartanah. Sehubungan ini, SC terus-menerus terlibat dengan pemegang amanah bon untuk meningkatkan kewaspadaan mereka dalam pemantauan pematuhan kovenan dengan penerbit bon. Tindakan yang tepat pada masanya dan wajar daripada pemegang amanah

bon adalah penting untuk melindungi minat pemegang bon apabila berlaku peristiwa kredit atau pelanggaran kovenan.

Dalam tahun ini, penarafan kredit bagi terbitan sekuriti hutang swasta yang berjumlah RM9.3 bilion diturunkan gred oleh agensi penafaran kredit domestik (CRA), lebih tinggi daripada RM5.7 bilion yang dicatat tahun lalu. Bagaimanapun, kadar penurunan yang diperhatikan dalam kualiti kredit dalam pasaran bon domestik melembapkan kadar dalam separuh tahun kedua 2009. Di samping itu, kebimbangan tentang pasaran bon korporat dihadkan kepada sektor industri tertentu dalam ekonomi dan tidak dijangka menimbulkan apa-apa risiko sistemik kepada pasaran kewangan.

SC mengambil bahagian sebagai ahli dalam Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) yang memulakan operasi dalam bulan Julai 2009. CDRC menyediakan platform bagi peminjam dan pemiutang korporat untuk mengusahakan penyelesaian hutang boleh laksana tanpa menggunakan prosiding undang-undang. Pada masa ini, CDRC menyemak sebilangan permohonan daripada syarikat untuk menyelesaikan skim penstrukturan semula hutangnya.

Kumpulan Kestabilan Kewangan dan Pasaran Tahap Tinggi; dipengerusikan bersama oleh SC dan BNM, kerap bermesyuarat untuk memastikan isu yang boleh meninggalkan impak ke atas pasaran kewangan dan modal dikenal pasti dan diurus baik terlebih dahulu. Ia bertujuan menjaga kestabilan dan isu sistemik.

PENGAWALSELIAAN BERHEMAT BAGI INSTITUSI DAN PENGANTARA PASARAN

Sifat dinamik pasaran modal dan pengenalan instrumen kewangan yang inovatif telah menyumbang ke arah peningkatan kekompleksan pasaran. Justeru, kami terus meningkatkan dan mengukuhkan pengawalseliaan sehari-hari kami ke atas institusi dan pengantara kami, sejajar dengan perkembangan pengawalseliaan global.

Pengantara digalakkan memainkan peranan mereka untuk mencapai pasaran yang adil dan tersusun. Dalam pelibatan kami, kami jelaskan harapan kami untuk mengekalkan usaha kolektif dalam mencegah salah urus pasaran, dan mengingatkan pengantara bahawa

mereka bertanggungjawab mengenal pasti risiko, dengan mempertimbangkan pasaran kewangan secara keseluruhan dan membangunkan sistem dan kawalan yang sesuai untuk menguruskan risiko ini.

Kami meningkatkan pendekatan pengawalseliaan kami ke atas industri pengurusan dana dengan menggunakan gabungan dasar berhemat makro dengan usaha pengawalseliaan berhemat, dengan mengurangkan pendedahan industri pengurusan dana kepada krisis kewangan sambil kembali pulih seiring dengan kebangkitan semula pasaran yang berkenaan.

Pendekatan berasaskan risiko yang diguna pakai dalam proses pengawalseliaan dalam tapak dan luar tapak dilengkapi langkah lebih baik yang difokus kepada bahagian berisiko yang utama, seperti perlindungan aset pelanggan dan pendedahan pelaburan kepada kelas aset bukan tradisional. Oleh itu, di samping dapat mengakses keadaan pematuan pengawalseliaan dan pertumbuhan aset, interaksi proaktif dengan peserta dalam industri pengurusan dana melancarkan penetapan langkah yang wajar untuk menyediakan dan mengemas kini pihak berkepentingan yang relevan.

Berdasarkan pengajaran daripada badan perundangan lain tentang risiko yang ditimbulkan oleh instrumen pelaburan yang kompleks dengan pembahagian pemilikan asas yang tidak jelas, kami mengukuhkan penilaian pelaburan kami oleh pengurus dana ke dalam kelas aset alternatif. Ini melibatkan semakin keperluan pengemukaan untuk mendapatkan penaksiran yang tepat pada masanya dan jitu ke atas pemegangan pelaburan dan melantik penjaga untuk memastikan mereka memahami kepentingan menetapkan langkah perlindungan aset pelanggan yang cukup dan unik kepada pelaburan tersebut. Hasil daripada usaha ini, kami menjalankan penaksiran terperinci ke atas sifat dan jenis kelas aset bukan tradisional. Untuk menangani jurang pengawalseliaan, kami memerlukan pengurus dana mendapatkan kelulusan bagi pelaburan langsung atau tidak langsung bagi aset selain yang dibenarkan dalam *Licensing Handbook*.

Di samping itu, pengurus dana yang menghimpunkan wang pelanggan melalui wadah tujuan khas atau struktur seumpamanya dikehendaki mengatur persetujuan menurut kerangka kerja dalam *Guidelines on Wholesale Funds*.

Sejajar dengan perubahan pengawalseliaan yang dibuat

ke atas peraturan perlindungan aset pelanggan oleh rakan pengawalseliaan lain, langkah proaktif digariskan untuk menyemak dan meningkatkan keperluan pengawalseliaan kami yang sedia ada, khususnya perlindungan aset pelanggan. Untuk mengawal aset pelanggan dengan berkesan, penekanan diberi ke atas peranan pengurus dana supaya penjaga dana melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Di samping itu, usaha pengawalseliaan lain yang dilaksanakan termasuk meningkatkan keperluan pengemukaan dengan memasukkan pengisytiharan penjaga aset tentang aset di bawah kawalan mereka dan pelibatan dengan pengurus dana dan penjaga dana.

MENGURUSKAN TATALAKU PERNIAGAAN UNTUK MENGGALAKKAN INTEGRITI PASARAN

Penekanan utama kami ke atas pengawalseliaan sepanjang tahun ini bagi semua pengantara adalah pematuan “standard tatalaku pasaran yang wajar” yang bermaksud lebih daripada sekadar cuba mengelak daripada terlibat dalam aktiviti salah urus pasaran. Pengantara dijangka mengambil berat tentang operasi pasaran modal secara keseluruhan khususnya apabila, melalui saham pasaran keseluruhan mereka atau keupayaan mereka untuk memperdagang posisi saiz, mereka boleh mendorong pasaran dalam arah tertentu atau mengganggu keberkesanan operasinya. Standard yang dipatuhi oleh “pengantara pasaran yang penting dari segi sistematik” akan meninggalkan impak ke atas seluruh kualiti pasaran dari segi kecukapan dan daya saing dan justeru menjejaskan keseluruhan keyakinan dalam pasaran. Kami mengatur satu siri dialog dengan pengantara untuk menyampaikan harapan kami tentang “standard tatalaku pasaran yang wajar”.

SC menjangka pengantara akan konsisten memelihara standard profesionalisme yang tinggi, berdikari dan mengelakkan konflik kepentingan semasa melaksanakan tugas mereka. Pengantara juga mesti mempunyai sumber yang cukup, sistem operasi yang baik dan keupayaan teknikal yang mantap pada sepanjang masa untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diharapkan daripada mereka.

Peranan pengawasan telah menjadi satu tugas yang semakin mencabar, memerlukan peningkatan berterusan dalam

skop dan fungsi pengawasan kami. Fokus yang lebih besar ditetapkan untuk membongkar salah urus pasaran dan mengesan awal salah laku pasaran yang merangkumi manipulasi pasaran, jualan singkat, salah guna maklumat, penzahiran tidak wajar, pemasangan dan tingkah laku yang mengelirukan.

Kami mengulang-ulangi kepentingan pegawai pematuhan dalam memastikan pembentukan dan pelaksanaan yang betul dalam kawalan dan prosedur dalaman. Untuk membina kefahaman yang mantap tentang peranan dan tanggungjawab mereka, kami berpegang pada pendirian fasilitatif dengan menyediakan saluran komunikasi terbuka dengan pegawai pematuhan untuk membincangkan dapatan dan keprihatinan pematuhan. Kami juga menyemak keperluan kemasukan dan peperiksaan bagi pegawai pematuhan sebagai sebahagian daripada inisiatif kami untuk melancarkan aliran mantap kemahiran baharu ke dalam komuniti pematuhan pasaran modal tanpa bertolak ansur dalam soal kualiti. Keperluan baharu ini merangkumi pilihan untuk mengikuti kursus persediaan dan keperluan tamat kursus dengan jayanya sekurang-kurangnya bagi tiga kursus Inisiatif Transformasi Industri (ITI) yang relevan.

Konsisten dengan pendekatan tiga serampang dalam pengawalseliaan, disiplin diri dan pasaran, kami meningkatkan usaha pengawasan kami untuk memastikan PLC patuh pada maksud Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS). Kami terlebih dahulu membangkitkan dan membahaskan isu pelaksanaan melalui kolaborasi dengan juruaudit, penasihat dan pihak relevan lain untuk memupuk kesedaran tentang peranan, kewajipan dan obligasi masing-masing. Mesej utama yang disampaikan berkait dengan tanggungjawab mereka dalam memastikan penyebaran maklumat yang jitu dan tepat pada masanya kepada orang awam yang melabur, terutamanya berhubung dengan kenyataan yang bercanggah dan mengelirukan yang dikeluarkan oleh PLC tertentu dan rakan niaga mereka bagi urus niaga yang sama, yang kami kesan melalui aktiviti pengawasan kami.

Sebagai langkah ke arah meningkatkan tadbir urus korporat dan aktivisme pemegang saham dalam kalangan pelabur institusi, beberapa sesi dialog telah dijalankan. Sesi ini memberikan peluang yang berharga untuk menyebarkan harapan kami terhadap pelabur institusi sebagai barisan hadapan peneraju tadbir urus korporat, terutamanya dengan pengaruh pelaburan dan sumber mereka serta

meneroka langkah fasilitatif untuk terus meningkatkan standard tadbir urus korporat dalam syarikat.

Fokus pengawalseliaan kami dalam tahun ini turut diberi kepada kebingkasan dan kesediaan pengantara pasaran bon dalam mendokong minat pelabur dan memelihara integriti pasaran. Dalam pasaran bon sekunder, kami dengan aktif mendapatkan corak perdagangan luar biasa yang dilaksanakan oleh pengantara tempatan sebagai langkah mendahulu dalam mengekalkan integriti pasaran. Pengawasan rapi kami ke atas pasaran bon domestik disokong baik oleh penambahbaikan baharu yang dibuat dalam sistem pengawasan yang memberikan ciri pengawasan tambahan dan data pasaran. Ini meningkatkan keupayaan kami untuk melaksanakan pemantauan aktif dan memperincikan analisis perdagangan dalam aktiviti pasaran sekunder.

Dalam tahun ini, kami memulakan lawatan tapak ke semua 15 pemegang amanah bon berdaftar. Melalui lawatan ini, kami berpuas hati bahawa pemegang amanah bon ini telah hampir sepenuhnya mematuhi keperluan pengawalseliaan yang relevan. Untuk terus mengukuhkan pengawasan SC ke atas pemegang amanah bon, kami akan melaksanakan pemeriksaan lebih terperinci ke atas pengantara ini dengan tujuan memastikan pematuhan mereka terhadap keperluan pengawalseliaan dalam bidang yang kritikal, iaitu struktur tadbir urus, audit dalaman dan fungsi pengurusan risiko, serta keupayaan pematuhan dan pemantauan.

Memastikan agensi penarafan kredit (CRA) mengekalkan standard profesionalisme yang tinggi merupakan suatu yang kritikal dalam usaha kami untuk memelihara keyakinan pelabur dalam pasaran bon domestik. Oleh itu, kami mengambil langkah proaktif untuk memastikan CRS di Malaysia beroperasi menurut amalan terbaik antarabangsa. Dua CRA domestik, iaitu RAM Rating Services Bhd (RAM) dan Malaysian Rating Corporation Bhd (MARC) dikehendaki menanda aras syarikat masing-masing berdasarkan *Kod Tatalaku Agensi Penarafan Kredit IOSCO* (Kod IOSCO) dan memakai kod ini dalam kod tatalakunya sendiri. RAM dan MARC memenuhi keperluan ini, meletakkan syarikat mereka mendahulu banyak CRA lain berdasarkan keputusan semakan yang dijalankan oleh Pasukan Petugas Khas IOSCO ke atas Agensi Penarafan Kredit dalam bulan Mac. Hanya tujuh daripada 21 CRA yang disemak, termasuk tiga CRA antarabangsa terbesar, telah melaksanakan peruntukan Kod CRA IOSCO 2008,

Jadual 1

Meningkatkan pengawalseliaan ke atas pengantara pasaran modal berlesen

Fungsi pengawalseliaan	Perincian
Pasaran	1. Semakan berhemat dijalankan ke atas 53 kes melibatkan salah laku pasaran yang disyaki, yang 32 kes melibatkan lebih daripada 300 suspek dipertimbangkan untuk tindakan penguatkuasaan. 2. Mengesan dua kaunter yang menjalankan dagangan palsu dan mengelirukan. Kami mengambil langkah yang menghendaki dua kaunter ini dibubarkan dengan teratur untuk meminimumkan apa-apa impak buruk yang mungkin berlaku ke atas pasaran. Siasatan sedang dijalankan. 3. Pengenalpastian dagangan mencurigakan yang melibatkan lima kaunter, dengan aktiviti dagangan <i>Proprietary Day Trader</i> yang bersifat dominan dan tidak seimbang. Kami mengarahkan Bursa Malaysia campur tangan pada peringkat awal untuk mencegah masalah ini daripada bertambah buruk dan pada masa yang sama bagi menjelaskan dan menggalakkan amalan dagangan yang baik dalam industri. 4. Mengesan awal dagangan yang dijalankan tanpa kebenaran yang perlu daripada pelanggan dan diurus niaga tanpa mengubah pemilik warisan. Ini dilakukan dengan niat untuk mempengaruhi jumlah harga purata berlawanan pada masa dagangan dijalankan. Selepas pertemuan dengan SC dan Bursa Malaysia, broker terbabit terus mengambil sendiri tindakan pentadbiran terhadap wakilnya yang didapati telah melakukan pecah amanah.
Pelesenan	1. Sepanjang tahun ini, sebanyak 43 syarikat telah membaharui lesen mereka dengan dikenakan beberapa syarat. Kira-kira separuh daripada syarikat ini terlibat dalam aktiviti pengurusan dana, yang syarat ketat dikenakan sejajar dengan penekanan lebih yang diberi ke atas perlindungan aset pelanggan. Hasil peningkatan pemantauan kami, lima pemegang CMSL yang terlibat dalam pengurusan dana mempertimbangkan semula model operasi mereka dan mengambil peluang ini untuk keluar daripada pasaran modal. 2. Kami tidak membaharui lesen satu pengurus dana di bawah seksyen 64 CMSA. Sebaliknya, kami menyingkirkan pengarah berlesennya di bawah seksyen 65 CMSA. 3. Kami turut mengambil tindakan terhadap mereka yang tidak mematuhi disiplin pasaran seperti kesalahan menjual singkat intrahari dan kecuaihan mengendalikan perdagangan, yang menyaksikan kami menggantung lesen dan mengenakan syarat kepada pemegang CMSRL.
Pengawasan Pengurusan Pelaburan	1. Berdasarkan pemeriksaan kami, empat pengurus dana diberikan amaran, terutamanya kerana tidak mempunyai kerangka kerja pematuhan yang memadai, dan pelaksanaan dasar dan prosedur yang lemah. 2. Mengendalikan perhubungan strategik dengan 11 pengurus dana, memfokuskan kepada perjanjian penjagaan mereka, daya saing perniagaan dan pelaburan dalam aset bukan tradisional.
Pemantauan Kewangan dan Korporat	1. Usaha pengawasan kami menemui kesalahan yang berikut: • Kenyataan bercanggah dikeluarkan oleh PLC tertentu dan rakan PLC-nya yang lain atas kesalahan yang sama. Kami rujuk mereka kepada Bursa Malaysia. • PLC memohon FRS dengan hanya memenuhi syarat di kertas tanpa sebenar-benarnya mengamalkan apa yang dinyatakan, justeru, mereka mengemukakan penyata kewangan yang mengelirukan. Kami bertemu dengan PLC yang berkenaan dan juruauditnya.

Fungsi pengawalseliaan	Perincian
	- PLC memulukkan penyata kewangannya dengan mengambil tafsiran sempit mereka sendiri tentang FRS untuk mengehadkan tahap kerugian yang diperlukan untuk dicam. Kami bertemu dengan PLC terbabit dan juruauditnya. - Pelbagai isu tadbir urus korporat, antaranya termasuk representasi palsu oleh pegawai utama PLC, urusan korporat yang tidak telus dan mengelak keperluan pengawalseliaan. Kami bertemu dengan PLC terbabit dan juruauditnya, mengeluarkan surat tunjuk sebab, dan merujuk mereka kepada Bursa Malaysia.
Pengawasan pengantara	- Menyelesaikan peperiksaan berasaskan risiko bagi lima syarikat pembrokeran saham, memfokuskan kepada pematuhan keperluan pengawalseliaan, termasuk sistem dan kawalan anti-penyalahgunaan pasaran syarikat. - Menganjurkan pelbagai mesyuarat dengan pengurusan kanan syarikat pembrokeran saham untuk membincangkan hal ehwal pengawalseliaan yang dikenal pasti melalui pengawalseliaan jarak jauh kami dan untuk mendapatkan maklumat terkini tentang strategi perniagaan mereka dan merancang pemantauan berterusan kami. - Berdasarkan pemantauan jarak jauh, kami menegur satu pengantara pembrokeran dan mengenakan denda RM100,000 berhubung dengan kesalahan jualan singkat. - Menganjurkan forum seluruh industri bersama ketua pematuhan dan audit dalaman untuk bertukar-tukar fikiran dan maklumat tentang isu pematuhan dan pengawalseliaan, isu dan perkembangan semasa untuk melindungi pelabur dengan lebih baik lagi.
Pasaran Bon	Melaksanakan lawatan ke atas kesemua 15 pemegang amanah bon berdaftar.

sementara 14 CRA yang disemak tidak menangani semakan 2008 dalam Kod CRA IOSCO.

Kami mengambil perhatian tentang usaha berterusan oleh badan perundangan dalam meningkatkan pengawasan ke atas CRA selepas krisis kewangan global. Sehubungan ini, SC akan menyemak kerangka kerja pendaftaran CRA untuk mengharmonikannya dengan amalan terbaik antarabangsa dan akan terlibat dengan pihak berkepentingan berhubung dengan semakan yang wajar.

Pengantara pasaran modal berlesen di Malaysia kekal bingkas dalam tahun 2009 hasil guna pakai mod pengawalseliaan yang dipertingkat. Dalam menilai daya saing pengantara berlesen, fokus ditumpukan kepada status pematuhan mereka terhadap keperluan pelesenan dan pengawalseliaan, khususnya dalam hal yang berkait dengan kawalan dalaman dan perlindungan pelabur. Di samping menguatkuasakan garis masa yang ketat dalam pematuhan keperluan pelesenan kami, peningkatan dibuat kepada usaha pengawalseliaan kami dengan memfokus

kepada pengantara yang mengurangkan operasi, baik dari segi sumber atau aktiviti perniagaan. Apabila keraguan terhadap hal semasa timbul, kami menggunakan syarikat ini untuk melaksanakan penilaian lanjut dan memantau model operasinya dan daya saing perniagaan dalam iklim ekonomi yang melanda.

Untuk memastikan penggiat pasaran modal kami mengekalkan tahap pematuhan pengawalseliaan yang tinggi, dan persekitaran perniagaan yang beroperasi kukuh, pelbagai kaedah pengawalseliaan digunakan, termasuk pelibatan dan peningkatan penaksiran pembaharuan lesen. Syarat pelesenan lebih ketat dikenakan, sekiranya perlu, bagi memantapkan kewangan dan operasi pengantara berlesen kami.

Dalam menangani salah laku pasaran dan mendukung integriti pasaran, kami mengenakan beberapa langkah terhadap pengantara berlesen (Jadual 1).

Kami juga aktif terlibat dengan Persekutuan Pengurus

Pelaburan Malaysia (FIMM) dalam menilai persediaan untuk memikul peranan organisasi swakawal selia. Sebagai langkah interim, FIMM diberikan pengiktirafan sebagai badan yang diluluskan di bawah seksyen 76(1) (d) CMSA selama satu tahun sehingga 27 September 2010.

PERKEMBANGAN PENGAWALSELIAAN MENGALAKKAN KECEKAPAN PASARAN

Kerjasama Bursa

Dalam bulan September, Bursa Malaysia menyertai perkongsian dengan CME Group Inc, pasaran derivatif terbesar dan paling luas di dunia, untuk terus mengembangkan industri derivatif Malaysia dan melihat pasaran global dengan lebih jelas. Perjanjian perkongsian strategik ini melibatkan tiga usaha kerjasama – penyertaan ekuiti, pelesenan penetapan harga niaga hadapan minyak sawit mentah Bursa Malaysia Derivatives Bhd dan peruntukan perkhidmatan CME Globex. Perkongsian ini didasarkan pada pengglobalan pasaran FCPO Malaysia dan melancarkan pemindahan kepakaran dan pengetahuan untuk membangunkan bursa derivatif yang berdaya saing dan teguh. Menilai kerjasama strategik Bursa Malaysia dengan rakan niaga global adalah di bawah skop pengawalseliaan SC. SC akan meneruskan pengawasannya ke atas perkongsian ini dalam fasa selepas pelaksanaan.

Mengalakkan pembayaran elektronik

Untuk meningkatkan kecekapan operasi dalam industri pembrokeran, dua bidang dorongan teknologi telah diuntukkan bagi pembangunan, khususnya Electronic Share Payment dan e-Dividends. Bidang ini dijangka

menghasilkan penjimatan kos lebih besar bagi pasaran pengantara dan menjana keyakinan yang lebih tinggi, dan mempercepat kebolehdapatan dana kepada pelabur.

Bagi projek Pembayaran Saham Elektronik, kami sama-sama menguruskan kumpulan kerja dengan BNM untuk menyelesaikan isu berkaitan serta mengenal pasti pelan tindakan. Kumpulan kerja ini juga merangkumi wakil dari Bursa Malaysia, Persatuan Syarikat Pembrokeran Malaysia, Persatuan Bank-bank Malaysia dan Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd (MEPS). Kepentingan inisiatif ini diulang dalam pembentangan Belanjawan 2010, yang menetapkan bahawa semua syarikat pembrokeran akan menyediakan opsyen e-Payment untuk pelanggan menerima dan membuat pembayaran. Sasaran pelaksanaan selengkapnya bagi projek ini dijadualkan dalam separuh pertama tahun 2010.

Bagi e-Dividends, SC dan Bursa Malaysia sedang bekerjasama membangunkan model e-dividen yang akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pasaran modal kita. Perkhidmatan e-dividen dijangka akan dilancarkan dalam suku tahun ketiga 2010.

Liberalisasi komisen pembrokeran

Sejajar dengan proses penyahkawalseliaan pasaran, kami telah meliberalisasikan persetujuan perkongsian komisen antara syarikat pembrokeran dengan remisier dalam dua peringkat. Peringkat pertama, yang telah pun berkuat kuasa, membolehkan perkongsian fleksibel dengan kadar minimum 40% bagi remisier. Perkongsian komisen akan diliberalisasikan sepenuhnya dalam peringkat kedua, yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2011. Langkah ini akan memberikan gambaran yang lebih baik tentang prestasi industri dan imbuhan, yang sepadan dengan struktur pengantara dan model perniagaan.



Bahagian Tiga

Mengukuhkan daya saing pasaran

Kebangkitan menyerlah Asia sebagai persekitaran kondusif bagi aktiviti pasaran modal bakal menarik banyak peserta global dan serantau, dan persaingan akan lebih hebat di rantau ini. Pengantara pasaran modal domestik memperoleh manfaat daripada kelebihan berada “beraksi di tempat sendiri” dan hampir dengan peluang pertumbuhan baharu tetapi mereka mestilah cepat menyesuaikan diri untuk beroperasi dalam persekitaran rentas sempadan yang semakin meningkat.

MENGUKUHKAN DAYA SAING PASARAN

PENGENALAN

Perubahan struktur dalam ekonomi global memberikan petunjuk peralihan pengantaraan simpanan dari pusat pasaran di Barat ke Asia. Populariti Asia yang semakin meningkat sebagai lubuk aktiviti pasaran modal akan menarik banyak penggiat global dan serantau dan pastinya persaingan akan menjadi sengit antara pengantara dengan pasaran di rantau ini.

Namun begitu, pengantara, penerbit dan pelabur pasaran modal domestik akan mendapat faedah kelebihan “di tempat sendiri” dan kedudukan mereka yang hampir dengan peluang pertumbuhan. Oleh itu, pengantara dan pelabur amat perlu membuat pengubahsuaian untuk beroperasi dalam persekitaran yang semakin bersifat rentas sempadan. Sehubungan ini, peluasan sempadan geografi memberi pengantara dan pelabur peluang untuk meraih kesan skala positif dan kesan kepelbagaian dengan mengembangkan rangkaian produk dan saluran pengagihan kepada pangkalan pelanggan yang semakin membesar hasil penyepaduan serantau.

PEMBAHARUAN STRUKTUR UNTUK MEREBut PELUANG PERTUMBUHAN SERANTAU

Malaysia telah pun mencapai ekonomi terbuka yang berdaya saing dan berada pada kedudukan yang baik untuk menyesuaikan diri dengan landskap serantau. Untuk merebut peluang serantau, kerajaan telah memulakan satu siri pembaharuan sebagai sebahagian daripada strateginya untuk pertumbuhan yang lebih tinggi dan perubahan struktur. Perdana Menteri telah mengumumkan pembaharuan besar untuk meningkatkan penyertaan

antarabangsa dalam pasaran modal melalui liberalisasi sepenuhnya pemilikan asing bagi pengurusan dana borong, kewangan korporat dan perancangan kewangan sambil menaikkan had pemegangan saham asing dalam pengurusan dana runcit dan pembrokeran kepada 70%. Langkah-langkah untuk mempercepat permohonan visa turut diumumkan untuk memudahkan pencarian bakat dalam industri pasaran modal Malaysia.

LIBERALISASI KEPERLUAN EKUITI BUMIPUTERA BAGI PLC

Keperluan ekuiti Bumiputera bagi syarikat yang ingin disenaraikan di Bursa Malaysia diliberalisasikan untuk meningkatkan daya saingnya sebagai destinasi penyenaraian. Pada 30 Jun, keperluan ekuiti bagi syarikat yang operasinya berpangkalan di Malaysia dan cuba mendapatkan penyenaraian dalam Pasaran Utama telah dicakupi di bawah keperluan spread awam untuk menawarkan peluang yang besar kepada pelabur Bumiputera runcit untuk meningkatkan pemilikan ekuiti mereka. Keperluan ekuiti Bumiputera bagi syarikat yang cuba mendapatkan penyenaraian dalam Pasaran ACE diwajibkan dengan syarikat tersebut kini hanya perlu memperuntukkan 12.5% daripada modal saham diterbitkan dan modal saham berbayar yang ditambah kepada pelabur Bumiputera yang ditauliah MITI dalam masa satu tahun selepas mencapai rekod keuntungan yang diperlukan atau lima tahun selepas penyenaraian.

Di samping itu, amalan pengumpulan dana sekunder tidak lagi tertakluk kepada keperluan ekuiti untuk memudahkan syarikat tersenarai mendapatkan dana yang mudah dikumpulkan untuk mengembangkan operasinya dan meminimumkan kos pematuhan ekuiti pascasenaraian.

PLATFORM PENGUMPULAN DANA BERDAYA SAING BAGI SYARIKAT DI MALAYSIA DAN SYARIKAT ASING

Rombakan komprehensif dilaksanakan dalam kerangka kerja pengumpulan dana ekuiti dan struktur papan dagangan untuk menambah baik akses kepada pasaran modal dan untuk memposisikan Bursa Malaysia sebagai platform pengumpulan dana yang menarik bagi syarikat

domestik dan asing. Struktur papan dagangan yang baharu menyaksikan percantuman Papan Utama dan Papan Kedua Bursa Malaysia menjadi satu papan dagangan yang dikenal sebagai “Pasaran Utama” sementara Pasaran MESDAQ ditransformasi kepada “Pasaran ACE”, satu pasaran alternatif yang terbuka kepada syarikat pelbagai saiz dan daripada semua sektor ekonomi di bawah sistem berasaskan penaja. Struktur ini menawarkan kefleksibelan yang lebih tinggi bagi mengumpulkan dana yang diimbangi

Kerangka pengumpulan dana dan struktur papan baharu

Pada 6 Februari, SC dan Bursa Malaysia mengeluarkan kertas perundingan untuk mendapatkan maklum balas daripada orang ramai berhubung dengan cadangan kerangka kerja baharu untuk penyenaraian dan pengumpulan dana ekuiti di Malaysia. Penyusunan semula yang komprehensif ini bertujuan membolehkan modal dan pelaburan diakses dengan efisien, dan menjadikan Bursa Malaysia sebuah platform penyenaraian dan pengumpulan dana yang lebih menarik baik bagi syarikat Malaysia mahupun syarikat asing.

Pada 8 Mei, SC dan Bursa Malaysia melancarkan kerangka pengumpulan dana baharu yang dikenali sebagai Pasaran Utama, yang turut membawa kepada penggabungan Papan Utama dan Papan Kedua Bursa Malaysia menjadi satu papan bagi syarikat mapan. Ia turut terlibat mentransformasikan Pasaran MESDAQ kepada Pasaran ACE yang merupakan pasaran alternatif

yang terbuka kepada syarikat pelbagai saiz dan daripada semua sektor ekonomi. Kedua-dua pasaran ini mula beroperasi pada 3 Ogos.

Struktur baharu ini diperlengkap dengan pendekatan pengawalseliaan berasaskan pasaran terbesar dan seterusnya peraturan dan proses bagi pengumpulan dana ekuiti diperkemas untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan yang lebih tinggi tanpa sebarang tolak ansur dalam soal perlindungan pelabur.

Di bawah pendekatan pengawalseliaan baharu, kelulusan SC di bawah seksyen 212 *Aktia Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007* akan hanya diperlukan bagi cadangan syarikat pasaran utama yang berikut:


- IPO;
- Pemerolehan daripada perubahan besar dalam hala tuju perniagaan atau dasar syarikat tersenarai (pengambilalihan berbalik dan penyenaraian pintu belakang);
- Penyenaraian sekunder dan penyenaraian silang bagi syarikat asing; dan
- Pemindahan penyenaraian daripada Pasaran ACE kepada Pasaran Utama.

Dalam penyemakan cadangan korporat, SC akan memberikan tumpuan kepada aspek yang berikut:

- Pematuhan keperluan minimum;
- Standard tadbir urus korporat;

Rajah 1

Penggabungan Papan Utama dan Papan Kedua menjadi Pasaran Utama dan transformasi Pasaran MESDAQ kepada Pasaran ACE



- Penyelesaian konflik kepentingan;
- Pemeliharaan kepentingan awam; dan
- Penzahiran yang mencukupi untuk membolehkan pelabur membuat keputusan pelaburan yang termaklum.

Semua cadangan korporat berasaskan ekuiti yang lain, seperti pemerolehan (selain pengambilalihan berbalik dan penyenaraian pintu belakang), pelupusan dan penempatan sekuriti, penawaran hak dan pengeluaran waran tidak lagi memerlukan kelulusan SC. SC akan terus menyemak dan mendaftarkan prospektus untuk memastikan pendedahan yang tepat, lengkap dan bermakna bagi semua kenyataan dan maklumat yang penting kepada pelabur. Bursa Malaysia akan memainkan peranan yang lebih aktif sebagai pengawal selia barisan hadapan bagi pengumpulan dana ekuiti pasaran sekunder, dengan SC mengawasi Bursa Malaysia dalam pelaksanaan fungsi ini.

Bagi Pasaran ACE pula, di samping bersifat didorong penaja dan terbuka kepada syarikat yang pelbagai saiz dan daripada semua sektor, sejarah operasi minimum atau keperluan rekod prestasi keuntungan tidak ditetapkan untuk memasuki pasaran ini. Peranan dan tanggungjawab penaja akan ditingkatkan dengan banyaknya untuk merangkumi penaksiran kualiti dan kesesuaian pemohon penyenaraian. Penaja akan diberikan kuasa dengan keflexibelan dan ketentuan yang lebih tinggi untuk menasihati syarikat prospektif tentang akses kepada pasaran modal pada masa penyenaraian dan seterusnya melalui pengumpulan dana yang berterusan. Penaja akan kekal bersama penerbit tersenarai bagi suatu tempoh waktu sekurang-kurangnya tiga tahun selepas penyenaraian untuk membimbing penerbit tersenarai dan mengarahnya mematuhi peraturan penyenaraian. Untuk penyenaraian dalam Pasaran ACE, kelulusan daripada Bursa Malaysia dan pengemukaan prospektus diperlukan untuk mendaftar di SC.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk masuk secara meluas dan mendalam ke dalam pasaran modal Malaysia, SC dan Bursa Malaysia turut memperkenalkan peraturan bagi penyenaraian syarikat-syarikat pemerolehan tujuan khas (SPAC). SPAC ialah syarikat yang tiada operasi atau

perniagaan yang menjana pendapatan pada tahap IPO. Seajar dengan objektifnya untuk meningkatkan nilai pemegang saham, SPAC perlu melaksanakan amalan korporat, seperti bergabung atau mendapatkan syarikat atau perniagaan yang beroperasi dengan memanfaatkan sejumlah besar hasil IPO dalam suatu tempoh yang ditetapkan, iaitu pasca-IPO. Penyenaraian SPAC akan meningkatkan aktiviti ekuiti persendirian, menggalakkan transformasi korporat dan menggalakkan percantuman dan pemerolehan.

Sejumlah lima garis panduan dikeluarkan untuk memberikan kesan ke atas pendekatan pengawalseliaan baharu, iaitu *Equity Guidelines*, *Principal Adviser Guidelines*, *Prospectus Guidelines*, *Asset Valuation Guidelines* dan *Structured Warrants Guidelines*. Di samping itu, Bursa Malaysia turut merombak keperluan penyenaraian bagi Pasaran Utama dan Pasaran ACE.

Garis panduan baharu dan rombakan keperluan penyenaraian ini berkuat kuasa pada 3 Ogos. Ini memberikan masa yang cukup kepada peserta industri untuk membiasakan diri dengan kerangka pengumpulan dana ekuiti baharu. *Structured Warrants Guidelines* dan keperluan prospektus waran berstruktur yang berkaitan berkuat kuasa pada 8 Mei.

Kerangka pengawalseliaan baharu dan struktur papan dagangan baharu ini membawa kepada perkembangan yang besar dalam pasaran modal bagi pengumpulan dana di Malaysia, menjajarkan kerangka berkenaan dengan kerangka pasaran maju di rantau ini. Untuk kekal berdaya saing dalam pasaran semasa yang memerlukan instrumen kewangan yang pelbagai, pelabur dan penerbit, peranan semua pemain pasaran, termasuk syarikat tersenarai, penasihat dan juruaudit kewangan korporat ditingkatkan dengan ketara di bawah kerangka pengawalseliaan baharu untuk memberikan kepastian yang jauh lebih baik, masa-ke-pasaran yang lebih singkat dan kos pengawalseliaan yang lebih rendah. Pendekatan baharu ke atas pengawalseliaan ini disandarkan pada keupayaan pengawalseliaan yang lebih kukuh di samping pengawasan yang dipertingkat ke atas pasaran dan kebingkasan yang lebih tinggi dalam penguatkuasaan. Objektif SC dalam peraturan kekal tidak boleh dikompromi – untuk memelihara keyakinan pelabur dan integriti pasaran modal.

kebertanggungjawaban yang jelas untuk penaja dan semakimbang lain bagi melindungi pelabur.

Dalam pelaksanaan kerangka baharu ini, peraturan dan proses bagi pengumpulan dana ekuiti diperkemas untuk memendekkan masa-ke-pasaran, mengurangkan kos pengawalseliaan dan memudahkan akses yang lebih baik kepada ekuiti serta pasaran bon. Ini merangkumi:

- Terbitan hak oleh syarikat tersenarai yang dikecualikan daripada kelulusan SC;
- Penerbitan dan penawaran sekuriti ekuiti oleh syarikat awam tidak tersenarai yang dikecualikan daripada kelulusan SC sedangkan Kod Pengambilalihan tidak lagi terpakai kepada syarikat sendirian berhad;
- Keperluan pelaporan yang dipermudah bagi bon dan sukuk bagi pindaan ke atas terma dan syarat yang sudah diluluskan oleh pemegang bon; dan
- Bon boleh tukar dan bon boleh ubah dikecualikan daripada perkadaran mandatori.

Peningkatan turut dilaksanakan ke atas mekanisme “*green shoe*” dengan pindaan ke atas *Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Mekanisme Penstabilan Harga) 2008* untuk memperluas kegunaannya kepada semua sekuriti tersenarai dan untuk mengurangkan had kelayakan kepada RM100 juta.

MENGEMBANGKAN RANGKAIAN PRODUK

Untuk terus meningkatkan daya tarikan bursa, beberapa usaha yang berterusan dijalankan untuk meluaskan rangkaian produk untuk memenuhi keperluan pelabur dan penerbit. Peraturan penyenaraian disemak untuk memudahkan penyenaraian IPO asing dan ini diikuti oleh penyenaraian tiga IPO yang berpangkalan di China dalam Bursa Malaysia. Penubuhan SPAC memudahkan untuk memberikan lebih banyak ruang dan peluang untuk mengumpulkan dana.

Pada 8 Mei, rangkaian dasar bagi waran berstruktur dikembangkan untuk merangkumi dana dagangan bursa tempatan dan asing. Berikutnya, dalam bulan Ogos, penerbitan waran jual beli bagi saham tempatan dan asing,

ETF dan indeks telah dimudahcarakan. Untuk memelihara pasaran yang adil dan tersusun, penerbitan waran jual beli bagi saham dasar tempatan dihadkan kepada sekuriti yang diluluskan oleh Bursa Malaysia di bawah kerangka kerja jualan singkat yang dikawal selia.

Kefleksibelan turut diberi kepada penerbit waran berstruktur untuk memilih pergerakan pasaran di sebalik keperluan *spread* yang dipenuhi dengan memastikan *spread* bida-tawaran yang lebih ketat bagi terbitan cair yang kurang. Penerbit juga dibenarkan melantik penggerak pasaran yang berdaftar dengan Bursa Malaysia dan mendedahkan obligasi pergerakan pasaran dalam prospektus supaya ia telus kepada pelabur. Berikutan kerangka waran berstruktur tersebut, 104 penyenaraian baru dibuat antara bulan Mei dan Disember. Pada penghujung bulan Disember, terdapat 172 waran berstruktur disenaraikan dalam Bursa Malaysia.

Pada 12 Jun, SC menyemak *Guidelines on Exchange-traded Funds* (Garis Panduan ETF) untuk membolehkan dana dagangan bursa daripada bidang kuasa yang diiktiraf disenarai silang di Bursa Malaysia. Peruntukan Garis Panduan ETF turut dikemas kini dengan semakan yang dilaksanakan ke atas *Guidelines on Unit Trust Funds* dan *Guidelines on Real Estate Investment Trusts* supaya lebih mudah dirujuk. Pada bulan Disember, terdapat tiga ETF disenaraikan dalam Bursa Malaysia Securities Bhd, iaitu ABF Malaysia Bond Index Fund, FBM 30 ETF dan MyETF Dow Jones Islamic Market Malaysia Titans 25.

Untuk menyokong pengenalan produk tersenarai yang bukan denominasi ringgit, pada 31 Julai, Bursa Malaysia melaksanakan kerangka sekuriti berbilang mata wang untuk menyokong penyenaraian, dagangan, penjelasan dan penyelesaian sekuriti bukan ringgit dan produk tersenarai. Penubuhan platform berbilang mata wang ini akan memudahkan pelabur domestik mempelbagaikan portfolio mereka di pesisir dan akan memudahkan rangkaian serantau masa akan datang yang memerlukan penyelesaian dalam berbilang mata wang.

MENINGKATKAN KECEKAPAN PASARAN SEKUNDER

Inisiatif turut dilaksanakan untuk memperkukuh kecairan pasaran sekunder melalui pelbagai skim yang disasarkan agar dapat memastikan penemuan harga yang lebih

efisien. Saiz produk ekuiti yang besar telah dikurangkan dan kerangka kerja penggerakan pasaran untuk ETF dan waran berstruktur diperkenalkan untuk memudahkan spread bida-tawaran. Model Transaksi Dirunding Sekuriti (SBLNT) diperkenalkan pada 17 Ogos untuk menawarkan opsyen bagi transaksi SBL yang dilaksanakan di kaunter (OTC) sebagai satu alternatif kepada Agensi Pemberian Pinjaman Pusat (CLA). Garis Panduan SBL yang disemak oleh SC turut memberikan penjelasan tentang pencukaian yang terpakai kepada SBLNT.

INISIATIF TRANSFORMASI INDUSTRI

Inisiatif Transformasi Industri (ITI), yang dibiayai CMDF, telah dilancarkan pada bulan Julai 2007 dengan objektif meningkatkan profesionalisme pasaran dengan mengukuhkan kemahiran teknikal dan kecekapan pengantara pasaran untuk meningkatkan keyakinan pelabur. Sejak dilancarkan dalam tahun 2007, sebanyak 25,983 peserta telah dilatih di bawah ITI. Dalam tahun 2009, 14 modul dikendalikan dengan 188 kursus berjaya dijalankan berbanding dengan hanya lapan modul dengan 114 kursus dalam tahun 2008. Sejumlah 16,589 peserta menghadiri kursus ITI dalam tahun 2009, peningkatan sebanyak 86% berbanding dengan tahun sebelumnya.

MEMUDAHCARAKAN PERTUMBUHAN LANJUT DALAM INDUSTRI PENGURUSAN PELABURAN

Garis panduan *Guidelines on Wholesale Funds* diperkenalkan untuk menawarkan keflexibelan yang lebih tinggi kepada pengurus dana untuk menghasilkan lebih banyak produk inovatif, termasuk produk yang merangkumi strategi pelaburan alternatif. Garis panduan dana borong yang baharu ini menggantikan *Guidelines on Restricted Investment Schemes* dan peruntukan ke atas dana borong yang terkandung dalam *Guidelines on Unit Trust Funds* dan menawarkan kewajaran bagi garis panduan tentang produk borong dan runcit.

Sehubungan ini, dana borong kini boleh ditawarkan kepada pelabur yang layak dan keflexibelan diberi dengan melonggarkan sekatan ke atas pengumpulan, mengembangkan senarai pelabur layak, menghapuskan had kepada bilangan pelabur dengan keflexibelan lain bagi sesetengah keperluan pentadbiran.

Sejajar dengan tahap kepuasan produk yang tinggi, pengawasan pelabur diperkukuh dengan peruntukan pendedahan yang lebih ketat. Pengurus dana dikehendaki memberikan pendedahan yang jelas kepada pelabur dan mematuhi keperluan kandungan minimum dalam memorandum maklumat. Kekerapan pelaporan kepada pelabur juga ditingkatkan daripada tahunan kepada suku tahunan.

SC juga diberi tugas mengemukakan cadangan untuk membangunkan industri persaraan swasta yang merupakan tonggak ketiga dalam kerangka persaraan berbilang tonggak. Perkembangan industri persaraan swasta yang cergas merupakan syor utama dalam *Pelan Induk Pasaran Modal* yang membayangkan peningkatan peranan sektor swasta dalam menawarkan wahana penabungan tambahan kepada penabung Malaysia untuk memenuhi keperluan persaraan mereka.

PASARAN MODAL ISLAM

Malaysia terus mengukuhkan kedudukannya sebagai pasaran modal Islam yang terbesar dan paling komprehensif melalui inovasi berterusan untuk meningkatkan cadangan nilainya.

Pelancaran Bursa Suq Al-Sila'

Kedudukan Malaysia sebagai pusat inovasi diperkukuh dengan terlancarnya Platform Komoditi Berasaskan Syariah yang pertama di dunia pada 17 Ogos. Inisiatif ini diterajui oleh MIFC melalui usaha kolaboratif SC, BNM, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Persatuan Minyak Sawit Malaysia, Majlis Minyak Sawit Malaysia dan Bursa Malaysia.

Platform dagangan berbilang mata wang elektronik ini membolehkan pembiayaan berasaskan Syariah dan pengurusan kecairan berdasarkan prinsip *murabahah*, *tawarruq* dan *musawamah*. MPS SC telah meluluskan kontrak Islam untuk memudahkan penggunaan strategi pelaburan alternatif yang konsisten dengan prinsip Syariah. Platform dagangan ini dikendalikan oleh Bursa Malaysia Islamic Services Sdn Bhd. Komoditi asas yang awal ialah minyak sawit mentah dan rangkaian komoditi ini dirancang akan dikembangkan pada masa akan datang.

Mencapai tahap lebih tinggi dalam pasaran sukuk

Kejatuhan yang disebabkan oleh krisis kewangan global telah melembapkan aktiviti penerbitan sukuk domestik dengan merosotnya cadangan sukuk yang diluluskan oleh SC kepada RM34 bilion dalam 2009 daripada RM43 bilion dalam tahun sebelumnya.

Namun begitu, Malaysia terus mengambil langkah serius untuk menggalakkan pasaran sukuk. Dalam masa satu tahun kerangka kerja penyenaraian yang bersifat fasilitatif bagi sukuk diperkenalkan, Bursa Malaysia telah mengatasi NASDAQ Dubai, Bursa Saham London dan bursa saham antarabangsa lain untuk muncul sebagai bursa yang mempunyai nilai penyenaraian sukuk terbesar. Pada penghujung tahun 2009, Bursa Malaysia mempunyai 12 penyenaraian sukuk dengan nilai RM60.1 bilion (AS\$17.6 bilion).

Petroleum Nasional Bhd (Petronas) dan Cagamas MBS Bhd (Cagamas MBS) merupakan syarikat pertama menyenaraikan sukuk, dalam bulan Ogos. Melalui perantara tujuan khasnya (SPV), Petronas menyenaraikan Sukuk Emas global mata wang asing sulungnya bernilai AS\$1.5 bilion EMAS Sukuk berdasarkan *ijarah* dan bon konvensional berjumlah AS\$3 bilion di Bursa Malaysia, Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX) dan Bursa Saham Luxembourg, masing-masing bagi tempoh lima dan sepuluh tahun.

Cagamas MBS menyenaraikan sukuk bernilai RM4 bilion berdasarkan *musharakah* dan bon bernilai RM6 bilion diterbitkan di bawah lima urus niaga penselamatan berdasarkan gadai janji kediaman (RMBS) dengan tempoh

antara tiga hingga 20 tahun. Dalam tahun 2009, kami turut menyaksikan penyenaraian asing sulung bagi sukuk bernilai AS\$500 juta yang diterbitkan oleh GE Capital yang berasaskan *ijarah*.

Dalam pasaran sukuk domestik, antara kejayaan terbaik kami termasuk kelulusan penerbitan sehingga RM20 bilion yang terdiri daripada program nota tempoh sederhana Islam dan program kertas komersial Islam oleh Pengurusan Air SPV Bhd. Syarikat ini ialah syarikat subsidiari milik penuh Pengurusan Aset Air Bhd untuk membiayai pemerolehan aset air di Semenanjung Malaysia dan Labuan.

Untuk mengekalkan daya saing pencukaian ICM Malaysia, kerajaan meluaskan lagi potongan cukai ke atas perbelanjaan penerbitan sukuk. Di samping itu, kerajaan telah menubuhkan sebuah institusi jaminan kewangan untuk memberikan peningkatan kredit bagi sukuk¹ yang akan meningkatkan kebernilai kredit sukuk Malaysia dan mengurangkan masa yang diperlukan untuk menerbitkan sukuk baharu. Seiring dengan ini, SC memperkenalkan beberapa langkah untuk terus mengurangkan masa-ke-pasaran dan kos urus niaga, seperti memudahcarakan semakan ke atas terma yang diluluskan bagi sukuk.²

Hab pengurusan dana Islam

Daya tarikan Malaysia sebagai hab bagi pengurusan dana Islam telah disahkan dengan kelulusan yang diberi kepada tujuh lesen baharu untuk menubuhkan syarikat pengurusan dana Islam. (Nama syarikat-syarikat yang diberikan lesen boleh dilihat di muka surat 6-56)

Jadual 1
Kelulusan sukuk terpilih dalam tahun 2009

Penerbit	Prinsip Syariah	Jumlah (bilion)
Pengurusan Air SPV Bhd	<i>Ijarah, Musharakah</i>	RM20.0
Petronas	<i>Ijarah</i>	AS\$1.5
Sime Darby	<i>Musharakah</i>	RM4.5
Cagamas MBS	<i>Musharakah</i>	RM4.0
CIMB Islamic Bank Bhd	<i>Musharakah</i>	RM2.0

¹ Juga diguna pakai dalam bon konvensional.

² SC akan terlebih dahulu menilai kewajaran pindaan/semakan, impak ke atas perkadaran kredit dan asas penzahiran lain.

Malaysia turut menandatangani satu lagi perjanjian pengiktirafan bersama (MRA) pengagihan rentas sempadan bagi produk dana Islam. SC dan Securities and Futures Commission of Hong Kong (SFC) menandatangani MRA untuk memudahkan pengantara pasaran modal mengagihkan produk Islamnya di kedua-dua negara dengan campur tangan pengawalseliaan yang minimum. Kedua-dua pengawal selia juga bersetuju untuk bekerjasama dalam bina upaya dan perkongsian maklumat bagi membangunkan kerangka kerja pengawalseliaan skim pelaburan kolektif Islam.

Majlis Penasihat Syariah

MPS terus meningkatkan reputasinya sebagai pusat rujukan sarjana bagi isu yang berkaitan dengan Syariah ICM. Sepanjang tahun 2009, 15 mesyuarat telah diadakan untuk membincangkan beberapa isu dengan beberapa resolusi penting seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Peluasan kerangka pengawalseliaan dan pencukaian

SC terus mengukuhkan kerangka pengawalseliaan Syariah bagi memberikan kejelasan yang lebih kepada pematuan Syariah serta menawarkan kefleksibelan yang lebih tinggi seperti yang berikut:

- *Registration of Shariah Advisers Guidelines* – Proses pendaftaran telah diperkemas untuk membolehkan penasihat Syariah memberikan nasihat tentang pelbagai rangkaian produk dan perkhidmatan berasaskan Syariah yang dikawal selia oleh SC.

- *Guidelines on Wholesale Funds* – Garis panduan ini memberikan kesan ke atas keperluan bagi pengurus dana yang menguruskan dana borong Islam untuk mematuhi *Guidelines on Islamic Fund Management* dan resolusi MPS.

Dalam Belanjawan 2010, Kementerian Kewangan menggariskan beberapa langkah untuk memastikan perkembangan pesat pasaran modal Islam dengan melanjutkan insentif yang berikut sehingga tahun 2015:

- Pengecualian duti setem sebanyak 20% ke atas instrumen pembiayaan Islam;
- Potongan berganda ke atas perbelanjaan yang ditanggung dalam mempromosi Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa;
- Potongan ke atas perbelanjaan yang ditanggung semasa penubuhan syarikat pembrokeran saham Islam; dan
- Potongan ke atas perbelanjaan yang ditanggung semasa penerbitan sekuriti Islam yang diluluskan oleh SC.

Mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan bina upaya

SC memperhebat usahanya untuk mengukuhkan perbincangan dan kerjasama antarabangsa antara sarjana Syariah untuk menggalakkan pertumbuhan ICM di peringkat global. Beberapa persidangan berprofil tinggi dan pelbagai program bina upaya dilaksanakan untuk

Jadual 2

Resolusi penting oleh MPS dalam tahun 2009

Menamakan sukuk yang melibatkan pemakaian berbilang prinsip Syariah	MPS bersetuju bahawa sukuk harus dinamakan menurut nama penerbit atau <i>sukuk istithmar</i> , sekiranya berkenaan, bagi kes yang melibatkan berbilang prinsip Syariah diguna pakai dalam satu struktur sukuk. Ini bertujuan mengelakkan kekeliruan dan unsur maklumat mengelirukan kepada pelabur yang mungkin berlaku.
Menggunakan prinsip <i>wakalah</i> dalam penstrukturan sukuk	MPS memutuskan bahawa prinsip <i>wakalah</i> boleh diguna pakai dalam penstrukturan sukuk di Malaysia dan bersetuju dengan penerbitan <i>sukuk wakalah bi al-istithmar</i> .
Penstrukturan <i>sukuk murabahah</i> berdasarkan kombinasi kadar tetap dan terapung	MPS bersetuju dengan struktur <i>sukuk murabahah</i> yang didasarkan pada kombinasi kadar tetap dan terapung yang tertakluk kepada syarat.
Waran berstruktur Islam	MPS memutuskan bahawa hanya waran berstruktur bercagar dibenarkan. Sekiranya rujukan aset pendasaran terdiri daripada indeks patuh Syariah, komponen pendasar indeks tersebut mesti mempunyai ciri kebolehsaraan sebelum mana-mana penyelesaian tunai dicapai.

mendalami pengetahuan dan mengembangkan kumpulan bakat bagi ICM.

- Program Sarjana Pelawat di bawah pengawasan SC dan UM telah membawa masuk sarjana antarabangsa tersohor yang ditempatkan di UM. Dalam tahun 2009, Profesor Mervyn Lewis dari University of South Australia dan Dr Abbas Mirakhor, mantan Pengarah Eksekutif Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), turut serta dalam program dan ceramah SC dan membantu dalam penyelidikan akademik dan memberikan khidmat runding tentang desertasi dan tesis pelajar ijazah lanjutan
- Program Pasaran Islam (IMP) Keempat merupakan program latihan kendalian SIDC dan diberi tema “Merebut Peluang Sambil Mengukuhkan Kebinglasan”. Program ini menaikkan reputasi Malaysia sebagai pusat kewangan Islam bagi kecemerlangan pendidikan yang menyampaikan ilmu dalam bidang utama seperti tadbir urus korporat, penselamatan, pengurusan risiko dan proses urus niaga untuk menggalakkan pertumbuhan mampan bagi ICM. Program ini dihadiri oleh lebih 40 delegasi dari pelbagai negara termasuk Australia, Kemboja, Cote d’Ivoire, Croatia, Gambia, Iran, Laos, Republik Kyrgyz, Maghribi, Pakistan, Filipina, Republik Djibouti, Turki dan Uganda.
- Forum Pasaran Modal Islam Antarabangsa Ketiga tentang “Produk Berstruktur Islam dan Isu Semasa dalam Kewangan Islam” yang membincangkan pandangan dan landskap semasa, pendekatan dan falsafah pengawalseliaan dan kajian kes yang disemak. Forum ini berjaya menarik lebih daripada 250 peserta yang terdiri daripada penggiat industri, penasihat Syariah, pengawal selia dan ahli akademik.
- Skim Latihan Siswazah Pasaran Modal Islam (ICMGTS) selama tujuh minggu yang julung kali diadakan dijayakan bersama oleh SC dan SIDC untuk memberikan ruang kepada siswazah bagi mendapatkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan tentang ICM untuk menceburi industri ini. Peserta diserapkan dalam industri selama 11 bulan untuk menimba pengalaman praktikal.
- Tiga siri Bicara Pakar telah diadakan untuk mendidik industri tentang pelbagai topik, khususnya modal teroka Islam, rumah komoditi Bursa dan peranan pemegang amanah dalam penstrukturan sukuk.
- Bengkel Penasihat Syariah Tentang Dana Strategi Alternatif Islam dianjurkan untuk meningkatkan pengetahuan penasihat Syariah tentang isu pematuhan Syariah dalam strategi pelaburan alternatif.

Pelbagai usaha turut disalurkan ke arah menyediakan sumber yang berkuasa bagi maklumat dan rujukan tentang amalan, konvensyen dan proses pasaran Islam. Bahan penerbitan ini yang dikeluarkan untuk kebaikan pelbagai pihak berkepentingan, merangkumi:

- Buletin suku tahunan *Malaysian ICM* – 14 terbitan telah dikeluarkan oleh SC sejak terbitan pertamanya pada tahun 2006.
- Siri buku pasaran modal Islam – siri buku ini menjadi modul asas bagi ICMGTS dan disasar untuk memberikan kefahaman tentang konsep asas dan falsafah kewangan Islam. Ia meneroka isu pengawalseliaan, perundangan dan kerangka kerja perakaunan serta prinsip tadbir urus undang-undang komersial Islam. Ia turut membincangkan ciri istimewa dan struktur ekuiti Islam dan sukuk.
- *Sukuk* ialah jilid pertama dalam satu lagi siri buku *Pasaran Modal Islam* oleh SC. Buku ini mengandungi beberapa artikel yang ditulis oleh golongan profesional dalam industri kewangan Islam serta ulama Syariah dan pengamal undang-undang, di dalam dan di luar negara. Buku ini bertujuan memberikan panduan dan kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca mengenai fiq, praktikal pelaksanaannya daripada kedua-dua perspektif instrumen dan peserta pasaran termasuk pelbagai struktur dan cirri, pandangan perundangandan pakar perkadaran serta prospek sukuk dalam konteks global.
- *Malaysian Debt Securities and Sukuk Market – A Guide for Issuers and Investors*. SC bekerjasama dengan BNM untuk menerbitkan buku panduan komprehensif tentang sekuriti hutang dan pasaran

sukuk Malaysia. Buku panduan ini boleh didapati di www.sc.com.my.

Menggalakkan ICM Malaysia

Pemasaran tahap tinggi di peringkat antarabangsa, terutamanya di bawah nama MIFC, telah dijalankan untuk melebarkan sayap ICM Malaysia dan membuka peluang baharu untuk menarik penerbit dan pelabur dari seluruh dunia. Jerayawara telah diadakan di UK, Perancis, Emiriyah Arab Bersatu, Singapura, Qatar, Bahrain, Arab Saudi, Korea dan Australia.

Di samping itu, SC turut mengambil bahagian dalam persidangan tahap tinggi, seperti:

- Seminar tentang kewangan Islam di Seoul, Korea;
- Potensi dan peluang dalam Pengurusan Aset Islam – Pascakrisis global 2008, Kuala Lumpur;
- Dana Islam Ketiga Asia 2009, Kuala Lumpur;
- Konvensyen Baitulmal Kebangsaan: Baitulmal masihkah relevan?, Kuala Lumpur;
- Pameran Halal Antarabangsa Malaysia 2009 (MIHAS), Kuala Lumpur;
- Persidangan Modal Teroka Islam Kedua, Kuala Lumpur;
- Sidang Kemuncak Asia Kewangan Islam 2009, Kuala Lumpur;
- Sidang Kemuncak Sukuk London 2009;
- Forum Kewangan Malaysia-UK, Kuala Lumpur;
- Forum Penerbit & Pelabur Asia IFN 2009, Kuala Lumpur;
- Seminar Tentang Isu Perundangan dalam Industri Kewangan Islam IFSB Keempat, Kuala Lumpur; dan
- Forum Kewangan Islam Antarabangsa Keenam Kuala Lumpur 2009.

Dengan pengiktirafan peranan pembangunan Malaysia di peringkat antarabangsa, Pengerusi SC menerima anugerah “Sumbangan Paling Cemerlang dalam Pembangunan Pasaran Modal Islam” semasa Sidang Kemuncak Sukuk London 2009 dalam bulan Julai.

INDUSTRI MODAL TEROKA

Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh SC dan MVCDC untuk menggalakkan industri modal teroka.

Untuk terus meningkatkan kesedaran tentang industri modal teroka, *Malaysian Venture Capital & Private Equity Directory 2009* yang pertama telah diterbitkan oleh MVCDC dengan kerjasama MVCA dalam bulan Mei. Direktori ini menjadi rujukan bagi usahawan dan pelabur serta mengandungi artikel tentang perkembangan industri, statistik industri dan keperluan pengawalseliaan. Ia turut memberikan perincian tentang syarikat modal teroka

Anggota MVCDC dalam tahun 2009

- **Tan Sri Zarinah Anwar (Pengerusi)**
Pengerusi SC
- **Datuk Latifah Datuk Abu Mansor**
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- **Dato' Madinah Mohamad**
Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
- **Darawati Hussain**
Pengarah, Ekuiti Persendirian, CIMB Investment Bank Bhd
- **Chok Kwee Bee**
Pengarah Urusan, Teak Capital Sdn Bhd
- **Husni Salleh**
Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia Venture Capital Management Bhd
- **Norhalim Yunus**
Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Technology Development Corporation

berdaftar (VCC) dan syarikat pengurusan modal teroka (VCMC) yang beroperasi di Malaysia.

Sesi dialog dengan tema “Modal Teroka dan Ekuiti Persendirian – Satu Alternatif Pelaburan Berdaya Maju” diadakan dalam bulan Jun untuk menggalakkan pelaburan dalam dana modal teroka kepada syarikat insurans dan dana persaraan.

Pada 29 September, *Venture Capital Tax Incentives Guidelines* disemak untuk memasukkan insentif baharu yang memberikan pengecualian cukai selama lima tahun bagi VCC yang melabur sekurang-kurangnya 30% daripada dana yang dilaburkan dalam bentuk modal semai, peringkat permulaan dan/atau awal pembiayaan dalam syarikat penerima pelaburan yang layak.

PERKEMBANGAN ANTARABANGSA

Penetapan standard pengawalseliaan antarabangsa

SC terus memberikan sumbangan besar ke arah pembangunan standard pengawalseliaan antarabangsa IOSCO. Sebagai Naib Presiden Jawatankuasa Pasaran Pesat Membangun³ IOSCO (EMC) sejak Mei 2008, Pengerusi SC turut mempengerusikan Pasukan Petugas Khas Krisis EMC yang menyemak pengalaman dalam badan perundangan pasaran pesat membangun berhubung dengan krisis kewangan. Dapatan ini disediakan untuk Kumpulan 20 Pemimpin untuk mesyuarat mereka dalam bulan April. Dalam bulan September, pasukan petugas khas ini menerbitkan laporannya bertajuk *Impact on and Responses of the Emerging Markets to the Financial Crisis*. Laporan ini mengenal pasti cabaran utama dalam pengawasan dan pengawalseliaan yang dihadapi oleh pasaran pesat membangun dan memberikan syor untuk menangani kerentanan dalam pasaran ini serta pandangan berdasarkan pendekatan pengawalseliaan masa akan datang.

Pengerusi SC juga merupakan ahli Pasukan Petugas Khas Hala Strategik IOSCO, kumpulan tahap tinggi yang dibentuk untuk menyemak matlamat utama dan keutamaan IOSCO dalam tempoh lima tahun akan datang. Isu

yang sedang dipertimbangkan merangkumi pemeriksaan semula risiko sistemik dan ancaman lain kepada kestabilan sekuriti, pendekatan untuk mengukuhkan keupayaan pengawalseliaan melalui pelaksanaan sistematik bagi Prinsip Pengawalseliaan IOSCO, penyiapan pelaksanaan Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala berhubung dengan Perundingan dan Kerjasama dan Pertukaran Maklumat dan pembinaan keupayaan penyelidikan dalam IOSCO.

Sebagai pengerusi Kumpulan Kerja IOSCO EMC terhadap Pengawalseliaan Pasaran Sekunder, SC mengetuai kerja merangka draf laporan EMC bertajuk *Approaches to Market Surveillance in Emerging Markets* (Pendekatan Pengawasan Pasaran dalam Pasaran Pesat Membangun) yang diterbitkan oleh IOSCO dalam bulan Disember. Laporan ini mengenal pasti isu pengawalseliaan yang utama dan cabaran yang menjejaskan pengawasan pasaran dan isu kritikal yang khusus dalam pasaran pesat membangun. Laporan ini turut mengkaji pendekatan yang diguna pakai oleh pengawal selia dan bursa untuk memantau pasaran dan mengesan situasi yang tidak baik; pembangunan modal insan; dan set kemahiran pengawasan. Ia juga mengenal pasti usaha tambahan yang diperlukan untuk melengkapi fungsi pengawasan.

Kumpulan kerja ini juga diberikan tugas menyemak “Keberkesanan Campur Tangan Perdagangan dalam Pasaran Baharu Muncul”, yang akan mengkaji pengalaman pasaran baharu muncul dalam melaksanakan campur tangan perdagangan, seperti pemutus litar, jeda dalam pasaran dan keberkesanan langkah-langkah ini dalam menangani keadaan pasaran yang ekstrem.

Sepanjang tahun ini, SC menunjukkan komitmennya untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuannya dengan rakan pengawal selia dengan menawarkan latihan dan bentuk bantuan teknikal lain kepada pengawal selia pelawat. Program Pasaran Pesat Membangun Tahunan (EMP) Ke-10 dengan tema “Menguruskan Peralihan Pengawalseliaan – Mencapai Keseimbangan” telah diadakan pada 24–30 Oktober 2009. Seramai 51 pengawal selia kanan dalam pasaran modal antarabangsa daripada 19 ekonomi pasaran pesat membangun menghadiri program selama seminggu ini untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka tentang isu pengawalseliaan yang menjejaskan pasaran modal.

³ IOSCO EMC mempunyai kira-kira 80 ahli, mencakupi lebih daripada 70% jumlah keahlian IOSCO.

Dalam tahun 2009, SC turut menerima 38 lawatan kajian tentang hal-hal yang merangkumi pengawalseliaan pasaran, skim pelaburan kolektif, isu sekuriti, pasaran modal Islam dan pendidikan pelabur oleh pengawal selia antarabangsa dari Kemboja, China Taipei, Korea, Indonesia, Arab Saudi, Tanzania, Uganda dan Pakistan. Lawatan pegawai tinggi turut diterima dari Laos, Republik Rakyat China, dan delegasi perniagaan yang diketuai oleh Datuk Bandar London. SC melayani sekitar 200 pertanyaan dari negara asing berhubung dengan pelbagai aspek kerangka kerja pengawalseliaan yang mengawal tadbir pasaran modal Malaysia.

Menggalakkan kerjasama serantau

SC dengan aktif menyokong Kementerian Kewangan melalui pembabitannya dalam proses yang dilaksanakan Menteri Kewangan ASEAN untuk meluaskan peranan pasaran modal dalam menggalakkan pertumbuhan di rantau ini. Dalam Mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN ke-13 di Thailand dalam bulan April, Menteri Kewangan ASEAN mempersetujui perkongsian antara Bank Dunia dengan ASEAN untuk menubuhkan Rangkaian Kewangan Infrastruktur ASEAN (IFN).

IFN menyediakan platform perkongsian pengetahuan bagi pendekatan inovatif dalam menggerakkan kewangan, menyebarkan pengetahuan tentang amalan terbaik global, mengukuhkan dialog dasar dengan sektor swasta dan pakar-pakar global, mewujudkan budaya kredit dalam operasi infrastruktur sektor awam dan membina keupayaan sektor awam di peringkat nasional dan subnasional.

Dalam bulan Mei, SC bekerjasama dengan Bank Dunia dan Kementerian Kewangan Indonesia untuk menganjurkan seminar dasar IFN yang pertama di Bali, Indonesia. Seminar dasar ini memfokus kepada meningkatkan peranan kerajaan tempatan dan kerajaan pusat serta agensi multilateral untuk mempercepat pembangunan infrastruktur dalam krisis kewangan semasa. Bengkel “Bagaimana” yang pertama tentang “Persiapan Asas bagi Kerajaan Subnasional Berhubung dengan Penerbitan Bon Perbandaran” melalui Rangkaian Pembelajaran Jarak Jauh Global Bank Dunia dengan penyertaan dari Jakarta, Manila dan Kuala Lumpur dalam bulan Jun.

SC juga merupakan penggerak utama dalam pembangunan

Pelan Pelaksanaan untuk menggalakkan perkembangan pasaran modal serantau yang bersepadu di bawah pengawasan Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) – sekumpulan pengurus pengawal selia sekuriti ASEAN. Pelan ini telah dipersetujui oleh Menteri-menteri Kewangan ASEAN di Thailand dalam bulan April.

Pelan Pelaksanaan ini menyediakan pelan tindakan yang jelas dan mengenal pasti set inisiatif strategik yang komprehensif dengan tindakan pelaksanaan khusus dan menjadi titik tolak untuk menggalakkan penyepaduan pasaran modal di rantau ini. Inisiatif ini bertujuan:

- mewujudkan persekitaran yang membolehkan penyepaduan serantau melalui saling iktiraf dan proses pengharmonian skop dan liputan negara yang semakin berkembang;
- mewujudkan infrastruktur pasaran untuk mewujudkan perdagangan intra-ASEAN serta produk dan pengantara yang memfokus kepada rantau;
- mengukuhkan proses pelaksanaan dengan menjajarkan pelan pembangunan pasaran modal domestik di setiap negara ASEAN; dan
- mengukuhkan mekanisme kerja ASEAN untuk menyelaraskan inisiatif penyepaduan serantau dan memantau dan menyokong pelaksanaannya di peringkat negara.

Di bawah Pelan Pelaksanaan ini, SC menerajui Kumpulan Kerja bagi menggalakkan penyenaian bersilang di ASEAN. Dalam bulan Jun, SC bersama-sama dengan pengawal selia sekuriti di Singapura dan Thailand telah melaksanakan Skim Standard ASEAN dan Tambahan bagi penawaran sekuriti rentas sempadan dalam ASEAN. Skim ini, yang dibangunkan oleh ACMF pada masa SC menjadi pengurusinya, memudahkan penawaran berbilang badan perundangan dengan menyatakan standard penzahiran sepunya yang dikenali sebagai Standard ASEAN dengan keperluan tambahan yang terhad oleh badan perundangan yang berkenaan (Standard Tambahan).

SC turut menjadi tuan rumah bagi Persidangan Pasaran Bon Asia pada 2–3 Disember dan sekitar 100 orang penggubal dasar Asia dan peserta pasaran bon berhimpun untuk membincangkan standard pengawalseliaan dan

amalan pasaran untuk memudahkan urusan niaga rentas sempadan dan kerjasama untuk memperluas pasaran bon Asia. Persidangan ini dianjurkan bersama dengan Kementerian Kewangan dan dengan kerjasama Bank Pembangunan Asia (ADB). Dapatan daripada persidangan ini akan dipanjangkan oleh SC, yang akan menjadi pengerusi bersama pasukan petugas khas dengan Kementerian Kewangan Jepun berhubung dengan pembangunan kerangka kerja pengawalseliaan, dalam mesyuarat Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI).

Promosi di peringkat antarabangsa

Dalam tahun 2009, SC bekerja rapat dengan Bursa Malaysia dan Unit Promosi MIFC dalam pelbagai jerayawara pelabur antarabangsa, acara promosi dan pertemuan dengan pihak media di pusat kewangan di seluruh Eropah, Amerika Utara, Timur Tengah dan rantau Asia Pasifik. Jerayawara ini merangkumi banyak mesyuarat bersemuka dengan pelabur, penerbit dan pengawal selia serantau. Promosi pasaran yang intensif ini membawa kepada beberapa firma global memulakan operasi pengurusan dana Islam, MRA baharu ditandatangani

atau dibincangkan dengan badan perundangan lain dan meningkatnya minat dalam kalangan syarikat asing untuk meningkatkan ekuiti atau pembiayaan hutang di Malaysia.

SC turut bekerjasama dengan Wisma Putra dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) untuk menganjurkan sesi taklimat dan meneliti kesempatan rangkaian antarabangsa yang sedia Malaysia bagi menggalakkan pasaran modal. SC terus menerima maklum balas positif tentang *Capital.My* yang menawarkan kemas kini pengawalseliaan dan isu yang penting di Malaysia kepada pihak berkepentingan antarabangsa. Sebagai sebahagian daripada strategi yang diperluas untuk menggalakkan jerayawara balas dengan membawa pelabur yang sangat berpengaruh ke Malaysia, SC menganjurkan Simposium Pasaran Modal Dunia (WCMS) pada 10–11 Ogos. WCMS merupakan satu kejayaan besar dalam menjana liputan media antarabangsa yang sangat positif yang mengetengahkan dasar liberalisasi negara. Simposium ini juga merangkaikan peluang secara meluas daripada perhimpunan Menteri-menteri Kewangan serantau, penggubal dasar terkemuka dan pengawal selia sekuriti global, pemikir global serta pelabur dan ahli perniagaan terkemuka di rantau ini. (Lihat artikel dalam kotak)

Simposium Pasaran Modal Sedunia

SC menganjurkan Simposium Pasaran Modal Sedunia yang pertama dengan tema “Krisis Kewangan Global – Melangkah ke Hadapan”, pada 10–11 Ogos di Kuala Lumpur, Malaysia. Ia diposisikan sebagai inisiatif kepimpinan pemikiran untuk menetengahkan pandangan Asia terhadap pengacuan semula reka bentuk pengawalseliaan rentetan daripada krisis kewangan global. Penceramah ternama termasuk Paul Krugman (Penerima Anugerah Nobel; Profesor Ekonomi, Princeton University), Laura D’Andrea Tyson (Profesor, Haas School of Business; dan Penasihat Ekonomi kepada Presiden Barack Obama), Raghuram Rajan (Profesor Kewangan, University of Chicago; Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri India; dan mantan Ketua Ekonomi IMF), Charles Prince (mantan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif – Citigroup Inc. dan Penasihat Kanan, Albright Stonebridge Group dan Albright Capital Management) dan Mark Mobius (Pengerusi Eksekutif Templeton).

Simposium ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, yang menyampaikan ucapan utama yang menyeru kepada pembentukan wawasan yang jelas dan dikongsi bersama bagi peraturan global. Simposium ini menyediakan sesi khas untuk menteri-menteri kewangan dari rantau ini dan pengawal selia pasaran modal sedunia membincangkan perlunya ekonomi Asia mengukuhkan penyusunan semula pasaran kewangan untuk menangani ketidakimbangan struktur global, bagi meningkatkan kestabilan kewangan dalam rantau ini dan perlunya Asia bersikap lebih tegas dalam

mengatur agenda penyusunan semula di peringkat global. Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr Nazrin Shah, Raja Muda Perak dan duta bagi MIFC, bertitah tentang perlunya “mengembalikan keyakinan dalam kewangan” dan tentang meningkatkan kepentingan kewangan Islam untuk menyumbang dalam sistem kewangan global yang lebih stabil.

Simposium ini berjaya menarik lebih daripada 500 peserta peringkat tinggi. Ini termasuk 24 pengerusi dan pegawai kanan pengawal selia sekuriti, kira-kira 20 ketua pegawai eksekutif/presiden bursa saham dan pegawai kanan lain kerajaan, agensi, kedutaan, syarikat tersenarai awam, firma guaman, institusi kewangan dan pengurus dana. Beberapa mesyuarat sampingan turut diadakan antara penggubal dasar kanan, penceramah utama dan penggiat industri atasan, melonjakkan reputasi WCMS sebagai acara perangkaan tahap tinggi.

Simposium ini menerima sangat banyak pemprofilan positif bagi Malaysia di peringkat antarabangsa dengan lebih daripada 152 media berdaftar, termasuk rakan media CNN, CNBC, International Herald Tribune, Dow Jones, WSJ, Bloomberg, Reuters, FT dan Economic Times of India, yang membuat liputan acara tersebut. Publisiti praacara juga dijalankan dengan meluas dalam bentuk fokus, editorial, wawancara dan iklan khas. Liputan media kekal memberangsangkan sepanjang simposium ini berlangsung dengan lebih daripada 70 wawancara dengan penceramah utama dan delegasi.

“Cabaran yang timbul daripada krisis masa kini seharusnya dilihat sebagai satu peluang untuk menangani usaha yang tidak berhasil dalam persekitaran ekonomi kita yang bersifat tempatan, serantau dan global. Dengan memilih peluang dan bekerjasama, kita dapat menjamin gelombang ekonomi yang melanda ini akan memberikan manfaat kepada kita semua, dan dengan berganding bahu, kita boleh membina asas bagi komuniti yang benar-benar bersifat global”

*Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak,
Simposium Pasaran Modal Sedunia*



Bahagian Empat

Meningkatkan keupayaan dan keberkesanan kami

Kami fokus terhadap pembinaan keupayaan secara menyeluruh, dengan penekanan ke atas pengawasan, penguatkuasaan dan kepimpinan, supaya sejajar dengan pembangunan global pasca krisis. Proses kerja dijadikan lebih cekap agar kami kekal tangkas dalam menghadapi persekitaran ekonomi yang berkembang. Komunikasi dengan pihak berkepentingan diperhebat bagi menyediakan pemahaman yang lebih baik dalam isu-isu penting dan membina keyakinan.

MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KEBERKESANAN KAMI

PENGENALAN

Keadaan pasaran yang semakin mencabar dalam tahun 2009 menyerlahkan kepentingan membina keupayaan yang perlu untuk menghadapi isu yang timbul dalam peraturan dan pengawalseliaan peserta pasaran modal. SC menambah baik program bina upayanya untuk mengukuhkan kemahiran dan keupayaan institusi dengan memberikan penekanan khusus ke atas fungsi pengawalseliaan dan pengawasan penyeliaan.

SC turut memberikan penekanan ke atas daya responsif terhadap keperluan pihak berkepentingan dan pasaran, dan program yang sesuai telah dimulakan untuk mengukuhkan kecekapan kakitangan dan menambah baik tahap kecekapan penyampaian produk dan perkhidmatan. Satu daripada bidang yang diberikan tumpuan ialah pembelajaran sokongan dan bimbingan pembangunan yang akan mengukuhkan kemahiran dan pengalaman individu dan organisasi. SC turut melengkapkan inisiatif bagi meningkatkan keupayaan dan kecekapan organisasi dengan inisiatif komunikasi yang disasarkan.

BINA UPAYA DAN KECEKAPAN

Mengukuhkan kecekapan organisasi

Dengan komitmen kami untuk melabur dalam latihan untuk tenaga kerja kami, SC konsisten menguntukkan 4% daripada gaji tahunan kakitangan untuk pembelajaran dan pembangunan. Satu program latihan intensif, yang terdiri daripada program latihan-sambil-kerja dan kursus, yang diganding dengan pelan tindak peningkatkan kemahiran disasarkan dalam pembentukan pakar dan kepimpinan dan penyediaan peluang untuk memajukan kerjaya.

Dalam tahun 2009, penekanan khas diberi untuk meningkatkan kemahiran dalam penyeliaan, penguatkuasaan dan kepimpinan. Peruntukan program dalam bidang ini telah dinaikkan sehingga kira-kira 75% daripada belanjawan latihan; sekali ganda berbanding dengan tahun sebelumnya. Program untuk pengawalseliaan dan penguatkuasaan dirumus khusus untuk kakitangan SC yang terlibat dalam pengendalian peperiksaan berasaskan risiko ke atas pengantara pasaran dan institusi.

SC melancarkan program Pembangunan Kecemerlangan dan Kepimpinan (LEAD) yang memfokus kepada mengukuhkan kemahiran pengurusan dan kepimpinan dalam 13 bidang utama. Program LEAD diikuti oleh 260 kakitangan dalam tahun 2009. Siswazah baru yang diambil diserapkan ke dalam Program Eksekutif Pengurusan Siswazah (GMEP) dan mereka yang baru diambil bekerja turut mendapat faedah daripada penyertaan besar pasukan pengurusan kanan SC dalam Program Induksi.

Di samping itu, kakitangan SC juga diserap dalam khidmat sementara dan menghadiri pelbagai bengkel dan persidangan di dalam dan di luar negara agar mereka dapat mengikuti dan memahami perkembangan baharu dalam industri. Pakar industri yang ternama di dalam dan luar negara serta pengawal selia sekuriti yang berpengalaman didatangkan dari Hong Kong Securities and Futures Commission, Australian Securities and Investments Commission dan Securities and Exchange Commission AS untuk menyampaikan ceramah tentang isu pasaran modal yang bersifat topikal dan kompleks. Ceramah ini menyentuh pelbagai rangkaian produk dan perkhidmatan canggih, pengawasan, penguatkuasaan dan isu yang berkait dengan krisis kewangan global. Dua puluh enam kakitangan mengikuti program pembangunan dan pengawalseliaan pasaran sekuriti yang dianjurkan oleh

Financial Services Authority UK dan IOSCO. Sebelas kakitangan ditempatkan sementara di bank pelaburan, rumah penyelidikan dan Bursa Malaysia sebagai sebahagian daripada program latihan mereka.

Di peringkat pegawai kanan, pendekatan berstruktur dilaksanakan untuk penyediaan pelapis pengurusan bakat manakala pemimpin berpotensi masa akan datang dikenal pasti untuk dikembangkan.

Sistem prestasi kakitangan

SC menggunakan sistem pengurusan prestasi untuk memberikan panduan tentang kecekapan kerja di setiap tahap untuk membantu kakitangan mengenal pasti kemahiran khusus yang diperlukan untuk merapatkan jurang kecekapan. Beberapa penambahbaikan dilaksanakan berikutan semakan menyeluruh yang dilaksanakan oleh SC terhadap kecekapan teknikal dan teras serta deskripsi kerja. Penambahbaikan ini memberikan kejelasan yang lebih dan langkah-langkah wajar untuk mencapai matlamat organisasi dan perniagaan, lebih banyak pelaksanaan terfokus dalam fungsi strategik, urusan dan operasi, serta memberikan kefahaman yang lebih baik tentang standard prestasi.

Program Peningkatan dan Pembangunan Eksekutif SC

Sehubungan inisiatif yang diumumkan semasa Pakej Rangsangan Kedua, Menteri Kewangan II melancarkan

Program Peningkatan dan Pembangunan Eksekutif SC (SEED) pada 26 Mei. Program ini disasarkan pada meningkatkan kebolehgunaan dan mobiliti kerjaya dalam pasaran modal bagi 500 siswazah dalam masa dua tahun akan datang melalui latihan dan khidmat sementara dalam kerja.

SEED merupakan program unik yang disasarkan pada meningkatkan bilangan bekalan siswazah mahir. Program latihan ini dibahagikan kepada tiga skim seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Ia melibatkan pembelajaran berstruktur untuk memperoleh pengetahuan dan pembelajaran daripada pengalaman untuk membina kemahiran. Pendekatan ini terbukti berkesan kerana siswazah berupaya memenuhi keperluan kecekapan yang ditetapkan oleh majikan.

Pengumpulan teknologi

Infrastruktur IT dan pelbagai sistem aplikasi di SC merupakan satu aspek penting dalam proses urusan teras dan penyampaian perkhidmatan pengawalseliaan kami. Kami terus-menerus menambah baik aplikasi web SC dan mengembangkan rangkaian kemudahan dalam talian untuk menambah baik tempoh penepatan masa dan kecekapan dengan memudahkan pengemukaan maklumat statistik dan pematuhan bagi mereka yang di bawah pengawalseliaan SC.

Satu program simulasi, yang calon boleh mengikuti kursus persediaan untuk membantu mereka membuat persiapan

Jadual 1

Skim	Perihal	Status
Latihan Eksekutif Siswazah (GET)	Program untuk membangunkan siswazah sebagai pengawal selia peringkat kemasukan melalui perkhidmatannya di SC, SIDC dan Bursa Malaysia.	Seramai 46 siswazah diambil sejak latihan ini dimulakan dalam bulan Julai.
Latihan Siswazah Pasaran Modal Islam (ICMGTS)	Program untuk membina siswazah menjadi profesional pasaran modal Islam. Program ini memberikan gambaran keseluruhan tentang ICM berdasarkan pelbagai metodologi pengajaran untuk membantu melengkapkan mereka dengan pengetahuan teknikal dan kemahiran yang diperlukan untuk menceburi industri ini.	Bermula pada 1 Julai, sejumlah 37 pemegang ijazah mengikuti latihan kelas intensif dan 29 orang berjaya ditempatkan dalam industri.
Program Pembangunan Siswazah (GDP)	Program untuk merekrut 180 profesional tingkat kemasukan. Siswazah mendapat faedah daripada latihan kelas intensif dan menduduki peperiksaan pelesenan SC.	32 peserta berjaya ditempatkan di pelbagai pengantara berlesen.

peperiksaan pelesenan dimasukkan dalam sistem peperiksaan kami yang berasaskan komputer (CBE). Sistem rekrut awam dalam talian turut dibangunkan yang dengannya pemohon luar boleh mengemukakan permohonan kepada SC melalui laman web.

Infrastruktur pengetahuan

Untuk mengukuhkan pengurusan pengetahuan, SC memformalkan dasar pengurusan rekodnya dan memulakan pelaksanaan infrastruktur pengurusan rekod tiga tahun. Dasar pengurusan rekod ini digubal untuk menambah baik kecekapan pengurusan rekod sejajar dengan amalan antarabangsa bagi pemerolehan, penyimpanan, perolehan semula dan pelupusan rekod organisasi. Projek ini akan memperbaiki pengurusan kesinambungan urusan SC dan memudahkan pengelolaan harta intelek kami.

Penyampaian perkhidmatan

SC terus memberikan penekanan yang serius untuk menambah baik proses dalaman dan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan daripada perspektif ketepatan masa, kualiti dan memastikan kawalan yang memadai telah disediakan.

Proses permohonan lesen SC disemak untuk menilai kecekapan dari segi proses penaksiran dan ketepatan masa penyampaian. Dengan penambahbaikan proses ini, 99% daripada permohonan lesen yang diterima dalam tahun 2009 telah disemak dan diproses dalam jangka masa yang dijanjikan oleh SC. Proses dalaman untuk menilai cadangan korporat turut disemak seiring dengan pelancaran kerangka kerja pengumpulan dana dan struktur papan dagangan yang baharu. Hasil semakan ini, proses cadangan korporat mencapai 94% siap dalam masa yang dipegang sambil mengekalkan standard penaksiran teliti.

Kami turut melaksanakan semakan komprehensif terhadap proses pengurusan aduan kami untuk menambah baik saluran komunikasi antara orang awam dengan SC. Ini merangkumi penambahbaikan terhadap sistem perakuan berautomasi bagi sistem respons yang lebih berkesan dan mesra pelanggan serta menambah baik tumpuan pelanggan yang diberi kepada setiap pengadu.

KOMUNIKASI DAN PEMBABITAN YANG BERKESAN

Sokongan dan kerjasama antara SC dengan semua pihak berkenaan sentiasa kritikal dalam memastikan keberkesanan kami dalam membangunkan dan mengawal selia pasaran modal Malaysia. Usaha untuk berganding bahu ke arah matlamat yang sama timbul daripada pembabitin yang berkesan dengan pihak berkepentingan yang membolehkan kami mencapai kejayaan dalam kebanyakan inisiatif yang diperkenalkan selama ini.

Dalam tahun 2009, pengurusan kanan kami mengambil bahagian dalam hampir 80 acara strategik, termasuk persidangan tahap tinggi di dalam dan luar negara untuk berkongsi falsafah dan inisiatif bagi pasaran modal, mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan dan pelabur global dan memupuk kerjasama yang lebih baik dalam pasaran modal. Bagi kerangka kerja pengumpulan dana ekuiti dan struktur papan dagangan yang baharu, kami mengadakan berbilang sesi sumbang saran dan perbincangan kumpulan tumpuan dengan pelbagai pihak berkepentingan.

Kami turut mengukuhkan perkongsian kami dengan media untuk:

- berusaha ke arah menangani situasi yang semakin mencabar dalam tahun 2009;
- meningkatkan kefahaman awam tentang isu penting dalam pasaran modal;
- mengukuhkan keyakinan pelabur; dan
- menambah baik persepsi antarabangsa tentang pasaran modal Malaysia.

Sepanjang tahun 2009, SC mengeluarkan hampir 60 kenyataan media dan mengadakan 30 sidang akhbar, wawancara dan taklimat yang meliputi pelbagai topik termasuk inisiatif dasar baharu, kes penguatkuasaan dan pengeluaran berkala kad skor SC. SC turut mengundang media menghadiri program latihan terpilih supaya mereka juga dapat meningkatkan pengetahuan teknikal mereka tentang pelbagai isu yang memberi kesan terhadap pasaran modal.

Selepas rombakan laman web kami, SC berjaya mencapai hampir 25 juta kunjungan maya dalam 2009, peningkatan lebih daripada 30% berbanding dengan tahun 2008. Kami juga menghasilkan video korporat untuk mengukuhkan

jenama SC dan memberikan kefahaman yang lebih baik kepada orang awam dan mereka yang bakal kami ambil bekerja tentang SC dan pelaksanaan fungsi pengawalseliaan dan pembangunan di SC.



Bahagian Lima

Tinjauan dan prospek pasaran modal

TINJAUAN DAN PROSPEK PASARAN MODAL

PERKEMBANGAN GLOBAL

Ekonomi dunia tidak menguncup dalam tahun 2009 seperti yang dijangkakan disebabkan oleh sokongan besar daripada kerajaan dan pihak berkuasa monetari. Output global mula pulih dalam separuh tahun kedua dengan pertumbuhan kukuh oleh China dan ekonomi Asia lain dan ekonomi yang kembali stabil dalam kalangan ekonomi

maju yang lebih besar (Jadual 1).

Pihak berkuasa monetari mengekalkan kadar faedah pada paras paling rendah sepanjang tahun (Jadual 2), dengan pihak berkuasa monetari AS dan negara besar lain mengekalkan program “pelegaan kuantitatif” – pada dasarnya, mencetak wang – untuk merangsang ekonomi mereka. Perbelanjaan kerajaan terus meningkat pada kadar

Jadual 1
Output dan inflasi (perubahan % tahunan)

KDNK sebenar	2008	2009e	2010f
Dunia	3.0	-1.1	3.1
Ekonomi maju	0.6	-3.4	1.3
– AS	0.4	-2.7	1.5
– Kesatuan Eropah	1.0	-4.2	0.5
– Jepun	-0.7	-5.4	1.7
Ekonomi maju lain	1.2	-2.7	2.1
Ekonomi pesat membangun dan membangun	6.0	1.7	5.1
Asia membangun	7.6	6.2	7.3
– Malaysia	4.6	-3.6	2.5
Harga pengguna	2008	2009e	2010f
Ekonomi maju	3.4	0.1	1.1
– AS	3.8	-0.4	1.7
– Kesatuan Eropah	3.7	0.9	1.1
– Jepun	1.4	-1.1	-0.8
Ekonomi maju lain	3.8	1.3	1.6
Ekonomi pesat membangun dan membangun	9.3	5.5	4.9
Asia membangun	7.5	3.0	3.4
– Malaysia	5.4	-0.1	1.2

e = anggaran; f = unjuran

Sumber: World Economic Outlook October 2009, International Monetary Fund.

Jadual 2
Kadar dasar (tempoh akhir)

	2008	2009
Kanada	1.50	0.25
AS	0.25	0.25
Denmark	3.75	1.20
Kesatuan Eropah	2.50	1.00
Norway	3.00	1.75
Rusia	13.00	8.75
Sweden	2.00	0.25
Switzerland	0.50	0.25
Turki	15.00	6.50
UK	2.00	0.50
Australia	4.25	3.75
China	5.31	5.31
India	6.50	4.75
Indonesia	9.25	6.50
Jepun	0.10	0.10
Korea	3.00	2.00
Malaysia	3.25	2.00
New Zealand	5.00	2.50
Filipina	5.50	4.00
Taiwan	2.00	1.25
Thailand	2.75	1.25
Brazil	13.75	8.75

Sumber: Reuters, Bank Negara Malaysia.

Jadual 3

Imbangan fiskal kerajaan pusat (% KDNK)

	2008	2009	2010
Ekonomi maju	-2.7	-7.1	-6.3
– AS	-4.5	-11.4	-9.1
– Kesatuan Eropah	-1.7	-3.9	-4.2
– Jepun	-3.6	-5.5	-5.3
Ekonomi maju lain	-0.4	-4.5	-4.9
Ekonomi pesat membangun dan membangun	0.1	-3.5	-2.4
Asia membangun	-1.7	-3.5	-3.2
– Malaysia	-4.8	-7.4	-5.6


Sumber: World Economic Outlook October 2009, Tabung Kewangan Antarabangsa, Kementerian Kewangan, Malaysia.

yang pesat di AS, Kesatuan Eropah dan Jepun, dan melonjak tinggi dalam ekonomi maju lain dan dalam kalangan ekonomi pesat membangun dan membangun (Jadual 3).

Carta 1

Penghindaran risiko

Indeks CBOE VIX kemudahubahan tersirat opsi indeks Standard & Poor's 500



Sumber: Thomson Reuters Datastream


Di tengah-tengah perkembangan ini, pasaran aset menstabil, kemudian memantul apabila pelabur memperoleh semula selera terhadap risiko. Menjelang permulaan suku tahun kedua, indeks VIX, ukuran ketaktentuan pasaran, telah merosot lebih daripada separuh puncaknya pada penghujung tahun 2008, manakala trend kemudahubahan dalam kebanyakan pasaran menghalu ke bawah (Carta 1). Benifisiari utama dalam pusingan ini adalah pasaran ekuiti dan bon baru muncul, terutamanya yang disebut sebagai ekonomi BRIC¹ (Carta 2 hingga 5). Pasaran komoditi turut mengalami pantulan mendadak, dengan logam dan minyak meraih perolehan terbesar (Carta 6 hingga 7).

Beberapa negara, termasuk Brazil, dipaksa mengenakan kawalan modal *ad hoc* memandangkan negara ini berdepan dengan permintaan yang berpusu-pusu bagi

Carta 2

Kemudahubahan pasaran saham (% tahunan)

Kemudahubahan indeks MSCI Malaysia dan kemudahubahan purata indeks pasaran lain terpilih dalam dolar AS




Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

¹ Brazil, Rusia, India dan China.

Carta 3

Harga saham dunia (31 Dis 2008 = 100)

Indeks Pasaran Pesat Membangun Morgan Stanley Capital International, Dunia dan Malaysia dalam dolar AS




Sumber: Thomson Reuters Datastream

Carta 5


Harga bon kerajaan dunia (31 Dis 2008 = 100)

Indeks JPM EMBI + Pasaran Pesat Membangun dan Malaysia, Indeks CGBI World WCGBI dalam dolar AS



Sumber: Thomson Reuters Datastream

Carta 4

Indeks pasaran saham (% perubahan dalam tahun 2009)

Sumber: Thomson Reuters Datastream

Carta 6

Harga komoditi global

Indeks komoditi Goldman Sachs




Sumber: Bloomberg

Carta 7

Harga minyak (1 Jan 2009 = 100)

Brent 1-mo. forward (dolar AS); Niaga hadapan Kuala Lumpur. nr mo. contract (RM)




Sumber: Thomson Reuters Datastream

Carta 9


Kolerasi antarabangsa saham Malaysia dengan pasaran lain

Kolerasi purata pulangan indeks MSCI Malaysia dengan pasaran lain terpilih dalam dolar AS



Source: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Carta 8

Aktiviti dagangan harian pasaran saham Malaysia

Sumber: Bursa Malaysia

asetnya. Sebanyak AS\$80.3 bilion dipercayai mengalir ke dalam pasaran baru muncul dalam tahun 2009.² Namun begitu, pasaran kekal bingkas walaupun isu kualiti pasaran timbul dalam beberapa pasaran besar, apabila pembelian besar-besaran dilaporkan menaikkan kos urus niaga.³

PERKEMBANGAN DOMESTIK

Di Malaysia, kadar faedah yang berkurang dengan banyaknya, satu program komprehensif tentang rangsangan fiskal dan penggunaan persendirian yang agak bingkas menyumbang kepada pemulihan bentuk V dalam ekonomi. Selepas menguncup lebih daripada 6% dalam suku tahun pertama, output sebenar merosot lebih perlahan dalam suku tahun berikutnya yang disokong oleh prestasi lebih baik dalam sektor luaran.

Trend global juga dapat dilihat dalam pasaran modal Malaysia, dengan harga saham dan bon yang melonjak naik seiring dengan pasaran dunia (Carta 8). Korelasi Malaysia dengan pasaran saham dunia kekal tinggi dan positif, terutamanya dengan rakan di Asia (Carta 9). Pasaran primer mengalami pemulihan signifikan dari tahun 2008 dan menarik lebih banyak penerbit merentasi spektrum sekuriti – termasuk amalan pengumpulan modal terbesar di Malaysia, dalam bentuk tawaran awam awal Maxis Bhd yang bernilai RM11.2 bilion. Malaysia terus menjadi pasaran bon mata wang domestik yang ketiga terbesar di Asia (kecuali Jepun). Jumlah keseluruhan belum lunas sekuriti hutang dan sukuk meningkat 10% dalam tahun 2009, mencecah RM644 bilion berbanding


² Angka EPFR Global.

³ Elkin/McSherry Newsletter, Ogos 2009.

Carta 10

Nilai perolehan pasaran bon Malaysia

(sebagai perkadaran bon belum tebus)




Sumber: Bank Pembangunan Asia

RM586 bilion dalam tahun 2008. Sekuriti hutang swasta membentuk RM301 bilion atau 47% daripada jumlah belum lunas ini, pertumbuhan 6% dalam keseluruhan pasaran bon domestik dalam tahun 2009. Pasaran primer bagi kredit korporat kekal aktif; nilai bon korporat dan sukuk yang diterbitkan ialah RM61 bilion dalam tahun 2009 berbanding RM50 bilion dalam tahun 2008. Terdapat juga minat yang kukuh dalam pasaran sukuk Malaysia – dalam tahun 2009, jumlah penerbitan sukuk ialah RM32 bilion berbanding RM24 bilion dalam tahun 2008. Aktiviti pasaran sekunder juga turut timbul, terutamanya bagi saham dan bon kerajaan, manakala perolehan bon korporat terus stabil tetapi rendah berbanding dengan saiz pasaran (Carta 10).

Persaingan yang semakin sengit bagi modal portfolio antarabangsa sepanjang tahun ini membawa kepada susutan dalam penyertaan pelabur asing kepada bawah 30%. Bagaimanapun, pelabur institut meningkatkan bahagian mereka dengan banyak, merangkumi lebih daripada 50% daripada perolehan pasaran stok tahunan bagi kali pertama, apabila semakin ramai pelabur runcit mengambil skim pelaburan kolektif (Carta 11).

Kualiti pasaran bagi pasaran stok, dari segi kos perdagangan dan impak pasaran, menstabil selepas mengalami trend merosot sejak tahun 2007. Pelbagai petunjuk ketegangan

Carta 11


Pelabur pasaran saham Malaysia (% nilai perolehan)

Sumber: Bursa Malaysia

Carta 12

Petunjuk kecairan pasaran saham

Indeks keketatan berdasarkan tebaran purata antara bida akhir bulan dan harga yang diminta bagi stok komponen IKKL; Kedalaman didasarkan atas nilai perolehan pasaran dan kemudahan bulanan IKKL. Tahap melebihi 1.5 menunjukkan tekanan pasaran modal, sementara tahap kurang daripada -1.5 menunjukkan pasaran yang tenang.



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

pasaran stok mencadangkan kos purata bagi bekalan pesanan yang sepadan dengan permintaan telah merosot dengan banyaknya di tengah-tengah pemulihan pasaran stok.⁴ Kekuatan pasaran, iaitu kemampuan pasaran stok untuk menyerap aliran pedagang yang lebih besar tanpa

⁴ Ini biasanya diukur oleh perbezaan, atau tebaran, antara bida stok dengan harga minta.

Carta 13

Petunjuk tekanan pasaran Malaysia

Mengukur tekanan yang timbul daripada ketaktentuan pasaran, risiko perkhidmatan kewangan dan risiko kecairan pasaran. Tahap melebihi 1.5 menunjukkan tekanan pasaran modal, sementara tahap kurang daripada -1.5 menunjukkan pasaran yang tenang.



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

meninggalkan impak besar ke atas harga, kekal konsisten sekitar paras normal sepanjang tahun.⁵ (Carta 12)


Kejadian tekanan besar tidak berlaku dalam pasaran modal sepanjang tahun ini. Tekanan yang timbul daripada ketaktentuan pasaran, risiko perkhidmatan kewangan, dan risiko kecairan pasaran berada dalam julat boleh diterima (Carta 13).

PROSPEK

Pertumbuhan dalam output dunia diunjur memesat dalam tahun 2010, dengan ekonomi maju menikmati perolehan paling cepat. Asia yang sedang membangun sekali lagi dijangka menerajui dunia dengan kadar pertumbuhan ekonomi paling tinggi. Bagaimanapun, kemampuan pertumbuhan akan bergantung pada sebaik mana penggubal dasar menangani sebilangan tukar ganti yang penting.

Pihak berkuasa monetari perlu mengimbangi antara mengekalkan keadaan monetari yang membantu dengan menguruskan risiko gelembung kredit dan inflasi. Hasil bon jangka panjang dalam ekonomi maju dilaporkan mula menetapkan harga dalam premium inflasi,

Carta 14

Arah aliran pasaran buruh dunia (pengangguran sebagaimana % GDP dan pertumbuhan guna tenaga)

Sumber: World Economic Outlook Oktober 2009, Tabung Kewangan Antarabangsa

sementara pemerhati menyaksikan kenaikan mendadak dalam pertumbuhan kredit China. Walaupun pihak berkuasa dijangka meningkatkan kadar polisi pada tahap tertentu, pasaran akan memantau rapi pemasaan dan magnitud keputusannya.

Tukar ganti kedua melibatkan bagaimana kerajaan menangani keperluan untuk kekal berbelanja sambil memastikan posisi fiskal tidak merosot banyak. Cabaran yang besar khususnya bagi ekonomi maju adalah keseimbangan kadar pengangguran yang semakin meningkat, meningkat mendadak dalam dua tahun kebelakangan ini dan diunjur mencecah melebihi 9% dalam tahun 2010 (Carta 14).

Sementara itu, prospek pekerjaan dalam negara-negara maju ini kekal malap, dengan pertumbuhan guna tenaga dijangka tergenang tahun hadapan selepas jatuh lebih daripada 2% dalam tahun 2009. Situasi ini tidaklah seteruk ekonomi negara Asia yang baru menjadi negara industri, walaupun keadaan pasaran buruh tidak dijangka meningkat dengan ketara dalam 12 bulan.

Penyelesaian yang tegas dan berkesan terhadap tukar ganti ini dan cabaran lain akan menambah baik kemungkinan pemulihan yang terjamin sepanjang laluan pertumbuhan

⁵ Ukuran biasa bagi ini, dan yang digunakan di sini, adalah nisbah nilai perolehan kepada kemudahubuhan harga.

yang lazim. Namun begitu, walau bagaimana bermanfaat sekalipun prospek ini, ia boleh mengundang masalah pada masa depan jika pasaran tidak menangani isu yang diketengahkan oleh krisis 2007–08, seperti struktur insentif yang bercanggah dan penyeliaan yang lemah.

Kemungkinan kejatuhan mendadak kali kedua dalam pasaran akan meningkat jika usaha global dan domestik semasa untuk mengekalkan pertumbuhan dan menangani isu struktur dicapai dengan pelbagai halangan besar. Dalam keadaan begini, kekuatan asas dan struktur akan menjadi kunci kepada kebingkasan pasaran. Peluang untuk

menemui posisi yang baik mungkin dicapai, secara yang tidak bersifat semula jadi.

Bagaimanapun, situasi yang di dalamnya usaha dasar dikekang atau diperlahankan oleh geseran yang melibatkan tekanan awam dan halangan politik boleh meningkatkan prospek pasaran bear menjadi berpanjangan, diselang-seli dengan “pantulan” dan pembetulan sesudahnya. Walaupun mungkin tampak menarik kepada pedagang, jika pasaran bear berpanjangan, pemantauan teliti dan pendirian proaktif akan diperlukan untuk menyokong keyakinan dan mengekalkan daya tahan pasaran modal.



Bahagian Enam

Penyata dan statistik

AHLI SURUHANJAYA



TAN SRI ZARINAH ANWAR

Dilantik pada 1 Disember 2001

Tan Sri Zarinah Anwar dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada 1 April 2006. Beliau telah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Eksekutif Suruhanjaya dan ahli Suruhanjaya sejak 1 Disember 2001. Tan Sri Zarinah juga merupakan Naib Pengerusi Jawatankuasa Pesat Pasaran Membangun IOSCO dan Pengerusi Forum Pasaran Modal ASEAN dari tahun 2006–2008. Pada masa ini, Tan Sri Zarinah mempengerusikan Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia (MVCDC) dan Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDf). Beliau juga ialah ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF), Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC), dan lembaga pengarah Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Asian Institute of Finance Malaysia.

Sebelum menyertai SC, Tan Sri Zarinah merupakan Timbalan Pengerusi Shell Malaysia. Beliau memperoleh LLB (Kepujian) daripada Universiti Malaya.

TAN LEH KIAH @ FRANCIS TAN

Dilantik pada 18 Mei 1999

Francis Tan ialah jururunding Azman, Davidson & Co Advocates and Solicitors. Beliau merupakan Rakan Urusan dari tahun 1986 hingga 2008. Beliau ialah ahli bersekutu Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA) dan Institut Percukaian Malaysia. Beliau juga merupakan peguam cara Mahkamah Agung England dan Wales.



**DATO' MUHAMMAD IBRAHIM**

Dilantik pada 15 Mei 2004

Dato' Muhammad Ibrahim ialah Penolong Gabenor BNM yang bertanggungjawab dalam sektor pengawalseliaan. Sektor pengawalseliaan tersebut merangkumi bank Islam dan takaful, insurans dan pembangunan institusi kewangan dan pasaran kewangan. Beliau telah bersama BNM sejak 1984 dan telah berkhidmat dalam bidang perbankan pusat termasuk kewangan, pengawasan dan pengawalseliaan perbankan, perancangan strategik, sistem pembayaran, insurans, perbankan luar pesisir, perbendaharaan dan pasaran kewangan. Beliau juga pernah menyandang jawatan Pengarah Urusan Danamodal Nasional Bhd. Beliau ialah pemegang amanah Majlis Kerusi Tun Ismail Ali dan Dana Syariah, mantan ahli majlis Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan felo bersekutu Institute of Bankers Malaysia. Beliau merupakan ahli lembaga Kumpulan Wang Persaraan. Dato' Muhammad memperoleh ijazah perakaunan daripada Universiti Malaya, diploma lanjutan perbankan dan kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan ijazah sarjana muda daripada Universiti Harvard.

DATO' GUMURI HUSSAIN

Dilantik pada 1 Ogos 2004

Dato' Gumuri ialah Pengerusi SME Bank sejak Oktober 2005. Beliau pernah menjadi Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Penerbangan Malaysia Bhd dari tahun 2002 hingga 2004. Sebelum itu, beliau merupakan Rakan Kanan dan Timbalan Pengerusi Lembaga Tadbir Urus PricewaterhouseCoopers Malaysia. Beliau menganggotai lembaga pengarah Kurnia Setia Bhd, Metrod (Malaysia) Bhd dan Media Prima Bhd. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai pengarah bukan eksekutif Bank Industri & Teknologi Malaysia Bhd, Malaysia Airline System Bhd dan Sabah Bank Bhd. Dato' Gumuri ialah felo Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) dan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).

**DATO' MOHD BAKKE SALLEH**

Dilantik pada 1 Ogos 2004

Dato' Mohd Bakke ialah Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Felda Global Ventures Holdings Sdn Bhd dan Pengarah Urusan Kumpulan Felda Holdings Bhd. Sebelum itu, beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji dan Pengarah Bahagian Harta di Pengurusan Danaharta Nasional Bhd. Beliau juga pernah berkhidmat dengan beberapa anak syarikat Permodalan Nasional Bhd. Beliau pernah berkhidmat di Citibank Malaysia sebagai Ketua Bahagian Audit dan Penolong Naib Presiden di Bahagian Hartanah. Dato' Mohd Bakke ialah Pengerusi Bank Islam Malaysia Bhd dan Pengarah BIMB Holdings Bhd dan beberapa syarikat tidak tersenarai lain di Malaysia dan di luar negara. Beliau ialah felo ICAEW dan ahli MIA. Beliau membuat *articleship*nya di London Office of Grant Thornton selepas memperoleh ijazah sarjana muda sains (ekonomi) dari London School of Economics and Political Science.

DATUK WIRA ISMAIL SALEH

Dilantik pada 15 Julai 2008

Datuk Wira Ismail Salleh ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Beliau merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka dari tahun 2005 hingga 2008. Datuk Wira Ismail mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam sektor kerajaan. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan termasuk Timbalan Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Dagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Pengarah Kanan, Bahagian Dua Hala dan Hubungan Serantau Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Datuk Wira Ismail pernah berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Singapura, Perancis dan AS.

**FAZLUR RAHMAN EBRAHIM**

Dilantik pada 1 Mei 2006

Fazlur Rahman Ebrahim ialah Pengarah Urusan Prokhas Sdn Bhd, sebuah syarikat milik penuh Kementerian Kewangan, Incorporated. Sebelum itu, beliau ialah Ketua Pegawai Operasi Bank Islam Malaysia Bhd dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Bhd. Beliau kini ialah ahli lembaga pengarah Pengurusan Danaharta Group, Pelaburan Hartanah Bhd, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Bhd dan Credit Counselling and Debt Management Agency. Beliau memperoleh ijazah sarjana muda pentadbiran perniagaan daripada Ohio University, Athens, AS dan ijazah sarjana dalam pentadbiran perniagaan (Kewangan) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

DATUK LATIFAH DATUK ABU MANSOR

Dilantik pada 14 Jun 2009

Datuk Latifah ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Kewangan. Sebelum ini beliau merupakan Pengarah Bahagian Pengurusan Bajet kementerian tersebut. Datuk Latifah ketika ini menganggotai lembaga pengarah Lembaga Tabung Haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Lembaga Kumpulan Wang Amanah Negara, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, CMDF, UDA Holdings Bhd dan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Bhd. Beliau juga merupakan ahli ganti lembaga pengarah Malaysian International Shipping Corporation Bhd dan pernah menganggotai lembaga pengarah Johor Corporation. Datuk Latifah ialah ahli MVCDC dan pemegang amanah International Partnership Against Cyber Threat (IMPACT). Beliau memperoleh MBA dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1992.



PENGURUSAN KANAN



DATO DR NIK RAMLAH MAHMOOD

Pengarah Urusan
dan Pengarah Eksekutif, Penguatkuasaan



DATUK RANJIT AJIT SINGH

Pengarah Urusan
dan Pengarah Eksekutif, Pengawasan Pasaran



GOH CHING YIN

Pengarah Eksekutif
Strategi dan Pembangunan



DATIN TEH IJA MOHD JALIL


Pengarah Eksekutif
Sumber Korporat



EUGENE WONG WENG SOON

Pengarah Eksekutif
Terbitan Sekuriti dan Pelaburan

STRUKTUR ORGANISASI 2009



PERNYATAAN TADBIR URUS

SC ditubuhkan di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993* (SCA) untuk mengawal selia dan membangunkan pasaran modal Malaysia. Fungsi, kuasa dan cara bagaimana kami menggunakan hak kuasa, dan peraturan tadbir urus dinyatakan dalam SCA.

Sebagai pengawal selia berkanun bagi pasaran modal Malaysia, SC menyokong standard tadbir urus korporat yang tinggi dan menyokong sepenuhnya prinsip dan amalan terbaik *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia*. Kami berusaha mematuhi prinsip kod dan amalan terbaiknya, termasuk mengeluarkan Pernyataan Tadbir Urus, dengan penyesuaian yang perlu dalam konteksnya.

SC juga merupakan ahli Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO) dan komited kepada prinsip IOSCO pengawalseliaan sekuriti untuk mengurangkan risiko sistemik, melindungi pelabur dan memastikan pasaran yang saksama, cekap dan telus.

AHLI SURUHANJAYA

Ahli Suruhanjaya terdiri daripada Pengerusi, empat ahli mewakili kerajaan, dan tiga yang lain. Pengerusi diberikan kuasa eksekutif. Tan Sri Zarinah Anwar menyandang jawatan Pengerusi sejak 1 April 2006.

Satu profil ahli-ahli disediakan pada muka surat 6-1 hingga 6-3. Ahli-ahli ini turut menganggotai pelbagai jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya. Semua ahli Suruhanjaya dilantik oleh Menteri Kewangan. Syarat pelantikan mereka termasuk:

- Seorang ahli tidak boleh menyandang jawatan sepenuh masa dalam mana-mana PLC;
- Seorang ahli dilantik tidak lebih dari tiga tahun;
- Seorang ahli layak untuk dilantik semula;
- Menteri Kewangan boleh membatalkan pelantikan mana-mana ahli pada bila-bila masa;
- Semua ahli mesti menzahirkan kepentingan mereka, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan yang berkaitan dengan sebarang perkara yang dibincangkan oleh Suruhanjaya; dan
- Imbuhan dan elaun yang dibayar kepada ahli Suruhanjaya ditentukan oleh Menteri Kewangan.

FUNGSI SURUHANJAYA

Fungsi kawal selia SC termasuk:

- Mengawasi bursa, rumah penjelasan dan depositori pusat;
- Badan berkuasa bagi kelulusan penerbitan sekuriti;
- Badan berkuasa bagi pendaftaran prospektus syarikat;
- Mengawal selia semua perkara berhubung dengan sekuriti dan kontrak niaga hadapan;
- Mengawal selia pengambilalihan dan percantuman syarikat;
- Mengawal selia semua perkara berhubung dengan skim unit amanah;

- Memberi lesen dan mengawasi semua orang yang diberi lesen;
- Pengawasan ke atas organisasi yang dikawal selia sendiri; dan
- Memastikan tatalaku yang betul bagi institusi pasaran dan orang berlesen.

SC menjalankan tugas pengawalseliaan dengan hala tuju ke arah pencapaian objektif utama perlindungan pelabur, pasaran yang saksama dan teratur dan kestabilan pasaran. SC juga mempunyai obligasi berkanun untuk menggalakkan dan mempromosikan pembangunan pasaran sekuriti dan niaga hadapan di Malaysia.

MESYUARAT SURUHANJAYA

Sepuluh mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan pada tahun 2009. Kuorum yang diperlukan ialah lima. Rekod kehadiran disenaraikan di Jadual 1.

JAWATANKUASA SURUHANJAYA

Suruhanjaya menyerahkan beberapa tanggungjawab kepada Jawatankuasa-jawatankuasanya yang disenaraikan dalam Jadual 2.

PROSEDUR MESYUARAT

Notis diberikan mengenai isu-isu yang akan dibincangkan dengan pengedaran agenda dan kertas bagi pertimbangan di mesyuarat Suruhanjaya dan Jawatankuasa. Mesyuarat ini menyediakan satu forum bagi perbincangan yang seimbang terhadap isu-isu dan membuat keputusan yang telus. Wakil daripada pihak pengurusan mungkin dijemput untuk menghadiri mesyuarat Suruhanjaya dan Jawatankuasa apabila perlu, untuk memberi nasihat atas sebarang perkara yang dibincangkan.

Semua ahli Suruhanjaya mempunyai akses kepada Setiausaha Suruhanjaya yang memastikan ahli mendapat maklumat sokongan dan sumber yang cukup untuk membuat keputusan yang termaklum. Setiausaha Suruhanjaya dan Sekretariat bagi pelbagai jawatankuasa tersebut menyimpan satu set lengkap minit semua

Jadual 1

Kehadiran pada Mesyuarat Suruhanjaya pada tahun 2009

Ahli Suruhanjaya	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Tan Sri Zarinah Anwar	10
Datuk Siti Hadzar Mohd Ismail (bersara pada 13 Jun 2009)	5
Datuk Latifah Datuk Abu Mansor (dilantik pada 14 Jun 2009)	2
Dato' Muhammad Ibrahim	8
Dato' Mohd Bakke Salleh	9
Datuk Wira Ismail Saleh	7
Francis Tan Leh Kiah	9
Dato' Gumuri Hussain	8
Fazlur Rahman Ebrahim	9

mesyuarat Suruhanjaya dan Jawatankuasa masing-masing.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

SCA memperuntukkan yang Pengerusi dipertanggungjawabkan dengan pentadbiran harian SC. Sejak 6 Februari 2008, Pengarah Urusan (Dato Dr Nik Ramlah Nik Mahmood dan Datuk Ranjit Ajit Singh) telah dilantik oleh Suruhanjaya untuk membantu Pengerusi dengan operasi harian berhubung dengan pengawalseliaan dan pembangunan yang merangkumi bidang tugas yang luas. Jawatankuasa Pengurusan, suatu badan eksekutif tertinggi dan dipengerusikan oleh Pengerusi, bermesyuarat secara am setiap minggu dan disokong oleh jawatankuasa-jawatankuasa lain termasuk Jawatankuasa Sanksi, Jawatankuasa Sumber dan Jawatankuasa Pemandu IT.

Pengurusan Risiko

Suruhanjaya menganggap pengurusan risiko adalah penting bagi memburu kejayaan misi, objektif dan matlamat SC. Kebertanggungjawaban terhadap kemampuan SC mengurus risiko ke arah misi, objektif dan matlamat SC, terletak di atas Jawatankuasa Pengurusan. Ia mentakrifkan pelbagai peranan dan tanggungjawab berhubung pengurusan risiko di seluruh organisasi, dan menyatakan profil risiko dan hasrat risiko. Jawatankuasa Pengurusan juga bertanggungjawab membentuk dan mengukuhkan budaya risiko SC.

Jadual 2

Jawatankuasa-jawatankuasa Suruhanjaya pada tahun 2009

Jawatankuasa	Tanggungjawab	Ahli
1. Jawatankuasa Audit	Menyemak keberkesanan kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko SC dan penyata kewangan.	- Dato' Gumuri Hussain (Pengerusi) - Francis Tan Leh Kiah - Fazlur Rahman Ebrahim - Datuk Wira Ismail Saleh (dilantik pada 20 Januari 2009)
2. Jawatankuasa Terbitan Sekuriti	Menilai sebarang cadangan terbitan dan penyenaraian sekuriti oleh PLC dan pelaksanaan korporat yang melibatkan pengambilalihan berbalik PLC.	- Tan Sri Zarinah Anwar (Pengerusi) - Datuk Siti Hadzar Mohd Ismail* - Francis Tan Leh Kiah - Fazlur Rahman Ebrahim - Dato' Gumuri Hussain - Dato' Muhammad Ibrahim
3. Jawatankuasa Pengambilalihan dan Percantuman	Menilai permintaan untuk pengecualian daripada obligasi tawaran awam mandatori. Menilai pengecualian daripada peruntukan dalam kod pengambilalihan dan percantuman.	- Tan Sri Zarinah Anwar (Pengerusi) - Datuk Siti Hadzar Mohd Ismail* - Francis Tan Leh Kiah - Dato' Gumuri Hussain
4. Jawatankuasa Pengurusan Tabung Amanah dan Pelaburan	Menilai dan meluluskan penubuhan dana unit amanah atau hartanah dan sebarang jenis skim pelaburan kolektif lain.	- Tan Sri Zarinah Anwar (Pengerusi) - Datuk Siti Hadzar Mohd Ismail* - Fazlur Rahman Ebrahim - Dato' Mohd Bakke Salleh - Dato' Muhammad Ibrahim
5. Jawatankuasa Pelesenan	Menilai dan meluluskan (atau menolak) permohonan untuk pemberian CMSL baru, bersama dengan CMSRL, pengarah, kakitangan pengurusan utama dan pegawai pematuhan. Jawatankuasa juga mempertimbangkan permohonan untuk pengecualian daripada pemeriksaan pelesenan SC, dan membincangkan serta memutuskan dasar-dasar berkaitan isu pelesenan.	- Tan Sri Zarinah Anwar (Pengerusi) - Dato' Muhammad Ibrahim - Dato' Mohd Bakke Salleh - Datuk Siti Hadzar Mohd Ismail* - Datuk Latifah Datuk Abu Mansur (dilantik pada 27 Oktober 2009)
6. Jawatankuasa Rayuan Dana Pampasan	Mendengar rayuan yang berbangkit daripada penentuan Jawatankuasa Pampasan Bursa Malaysia berhubung tuntutan ke atas Dana Pampasan Bursa Malaysia	- Francis Tan Leh Kiah (Pengerusi) - Dato' Muhammad Ibrahim - Dato' Mohd Bakke Salleh - Dato Dr Nik Ramlah Nik Mahmood
7. Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan	Merumuskan pakej imbuhan Pengerusi dan Timbalan Pegawai Eksekutif dan membuat cadangan yang berkenaan kepada Menteri Kewangan. Ia juga menentukan pakej imbuhan setiap Pengarah Urusan.	- Dato' Gumuri Hussain (Pengerusi) - Dato' Mohd Bakke Salleh - Francis Tan Leh Kiah - Fazlur Rahman Ebrahim

* Bersara pada 13 Jun 2009.

Kawalan dalaman

Suruhanjaya memperakui tanggungjawabnya bagi memastikan sistem kawalan dalaman tersedia dan menyemak kecukupan, integriti dan keberkesanannya. Pernyataan Kawalan Dalaman dinyatakan di muka surat 6-10 hingga 6-12.

Fungsi audit dalaman kami adalah bebas daripada operasi urusan dan melapor terus kepada Jawatankuasa Audit.

Pelaporan kewangan

Suruhanjaya mengambil langkah yang perlu dan munasabah untuk memastikan penyataan kewangan bagi tahun 2009 membentangkan penilaian saksama kedudukan kewangan SC dan keperluan piawaian perakaunan dipatuhi sepenuhnya. Suruhanjaya telah membuat keputusan untuk menerima pakai FRS 139 sejak awal lagi (sebelum tarikh kuat kuasanya) untuk menyiapkan penyata kewangan 2009.

Hubungan dengan juruaudit luar

Suruhanjaya memastikan adanya persetujuan yang formal dan telus untuk mencapai objektif dan mengekalkan hubungan profesional dengan juruaudit luar melalui Jawatankuasa Audit. Peranan Jawatankuasa Audit yang berkaitan dengan juruaudit luar dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit.

PEMEGANG KEPENTINGAN LUARAN DAN KOMUNIKASI AWAM

Komunikasi yang berkesan dan berterusan dengan peserta pasaran modal adalah perlu bagi memudahkan SC menjalankan tanggungjawabnya. Kami sering kali bertemu konstituen kami untuk membincangkan perkara-perkara operasi dan mengumpul maklum balas mengenai langkah-langkah jangka panjang untuk pembangunan pasaran modal. Semua kenyataan akhbar, terbitan, pelbagai garis panduan dipaparkan di laman web rasmi – www.sc.com.my

SC mempunyai Jabatan Hal Ehwal Pelabur dan Pengaduan yang menerima dan menyelesaikan aduan awam.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

SC menyokong kuat tanggungjawab sosial korporat yang merupakan aspek penting untuk tadbir urus yang baik. Pada tahun 2009, kami memperlihatkan komitmen ini dengan melaksanakan pelbagai aktiviti di peringkat organisasi yang membabitkan penyertaan kakitangan.

SC telah berjanji untuk menyokong inisiatif global oleh World Wildlife Foundation dalam menangani isu-isu alam sekitar. Kami menyertai 200 juta manusia di 88 buah negara untuk memadam lampu semasa *Earth Hour* pada 28 Mac 2009 (8.30 malam) sebagai satu undian simbolik untuk mendesak Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu supaya mengambil tindakan yang lebih berkesan terhadap perubahan iklim. SC meneruskan kempen *Earth*

*Hour*nya sendiri pada hari Jumaat minggu keempat setiap bulan yang mana semua lampu yang tidak digunakan dipadamkan antara jam 12.30 tengah hari hingga 2.30 petang untuk menjimatkan tenaga serta mengingatkan kakitangan bahawa sedikit usaha oleh setiap individu akan membuat satu perbezaan yang besar. Di samping itu, SC mengekalkan komitmennya ke arah persekitaran yang lebih hijau dengan meneruskan kempen kitar semula-guna semula (mengharamkan penggunaan bekas styrofoam di kafeteria) serta penyertaan dalam penanaman pokok di Taman Bukit Kiara.

Tahun 2009 turut menyaksikan pelbagai bahagian di SC menjalankan projek tanggungjawab korporat masing-masing bawah koordinasi Jawatankuasa Tanggungjawab Korporat. Pelbagai aktiviti dijalankan, memfokuskan kepada objektif mempromosikan sastera pendidikan dan kewangan, mempergunakan aset intelektual kami dan mencungkil himpunan besar bakat kakitangan kami.

Beberapa kumpulan yang kurang bernasib baik telah mendapat manfaat daripada projek tanggungjawab korporat yang dijalankan oleh bahagian-bahagian dalam SC. Kumpulan ini termasuklah Persatuan Orang-orang Buta Malaysia, Kampung Orang Asli Serendah, kanak-kanak berkeperluan khas di SMK Bandar Sunway, kanak-kanak mangsa dera di Rumah Shelter serta kumpulan ibu tunggal miskin.

Aktiviti tanggungjawab korporat ini memberi satu platform kepada kakitangan SC untuk menyalurkan masa dan usaha mereka dalam menyokong kerja-kerja wajar – mengendalikan sesi membaca dan kunjungan pendidikan ke Petrosains, menderma komputer terpakai dan buku kepada perpustakaan mini dan makmal komputer, memberi khidmat perakaunan percuma, memberi pendidikan yang mudah mengenai pengurusan kewangan/pelaburan (bagi orang cacat penglihatan, ini termasuk memudahkan pengeluaran bahan pelajaran dalam pita audio dokumen Braille). Semua aktiviti ini telah membantu menonjolkan keadaan individu yang kurang bernasib baik, serta mengukuhkan komitmen dan tanggungjawab SC terhadap masyarakat di sekelilingnya.

PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

PENGENALAN

SC komited sepenuhnya terhadap sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk memastikan operasinya sejajar ke arah pencapaian misi, matlamat dan objektif urusan SC. Sebagai pengawal selia berkanun pasaran modal Malaysia yang menggalakkan standard tinggi tadbir urus korporat, SC menyokong sepenuhnya prinsip dan amalan terbaik tadbir urus korporat, antara lain, termasuk pengendalian sistem kawalan dalaman yang kukuh. Walaupun tidak tertakluk kepada sebarang keperluan untuk membuat pernyataan kawalan dalaman, SC mengakui dan mengikut amalan terbaik tadbir urus.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

SC berikrar terhadap tanggungjawab dan kebertanggungjawaban secara keseluruhannya untuk memastikan yang SC mencapai misi yang tersurat dan matlamat dan objektif urusan organisasi. SC mengiktiraf bahawa secara umumnya, pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman SC direka bentuk untuk memberi jaminan berpatutan terhadap pencapaian misi, matlamat dan objektif organisasi.

Jawatankuasa Pengurusan SC bertanggungjawab kepada Suruhanjaya untuk memastikan pengendalian pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang utuh dan memberi jaminan kepada Suruhanjaya bahawa ia telah melaksanakannya.

Jawatankuasa Audit membantu Suruhanjaya dalam memenuhi tanggungjawab penyeliaan dengan menyemak kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko dan

sistem kawalan dalaman SC sebagaimana yang dinyatakan dalam Piagam Jawatankuasa Audit SC. Perincian mengenai terma dan rujukan Jawatankuasa Audit disediakan dalam laporan Jawatankuasa Audit.

PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Pengurusan telah menubuhkan rangka kerja risiko berdaya usaha untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko di peringkat strategi, urusan dan operasi organisasi. Risiko strategik ialah risiko pada keseluruhan organisasi atau mempunyai impak yang ketara pada objektif kawal selia teras SC. Risiko urusan adalah lebih spesifik kepada bahagian fungsi SC, sementara risiko operasi sebahagian besarnya berkenaan faktor dalaman.

Risiko dikenal pasti dan dinilai oleh fungsi urusan dan dicatat melalui sistem risiko dimensi. Jawatankuasa Pengurusan menyemak dan mengesahkan risiko ini secara agregat dan menetapkan strategi pengurangan risiko, yang disemak secara berkala. Suruhanjaya mengawasi keberkesanan pengurusan risiko, memberi panduan peringkat tinggi dan jalan untuk mencabar penilaian isu-isu risiko strategik.

Pada tahun 2009, rangka kerja Pengurusan Risiko Berdaya Usaha telah dipertingkatkan bagi menambah baik cara SC mengenal pasti dan menilai risiko dan kawalan, dan mengurus atau membuat maklum balas melalui kawalan pengurangan risiko urusan dan operasi dan pelan kontingensi. Rangka kerja Pengurusan Kesenambungan Urusan telah dirumuskan untuk menambah baik pengurusan risiko dan impak gangguan yang tiba-tiba terhadap kemampuan organisasi meneruskan

fungsinya. Pelan kesinambungan bagi proses urusan yang kritikal dibina untuk memberi keutamaan penerusan dan tapak pemulihan bencana telah dikenal pasti.

AUDIT DALAMAN

Jabatan Audit Dalaman membantu Jawatankuasa Audit dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Ia menyemak profil risiko dan proses kawalan yang dilaksanakan oleh pengurusan SC secara bebas, dan melaporkan terus kepada Jawatankuasa Audit sekurang-sekurangnya setiap suku tahun.

Amalan Audit Dalaman ditadbir oleh Piagam Audit Dalaman, yang tertakluk kepada penyemakan yang dijalankan secara berkala. Pelan Audit Tahunan dibuat pada dasarnya, menggunakan pendekatan berasaskan risiko dan tertakluk kepada maklum balas daripada Jawatankuasa Pengurusan; dan penyemakan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Audit. Ia disemak pada pertengahan tahun bagi kerelevanannya dan kemungkinan pemberian keutamaan semula.

Jawatankuasa Audit, antara lain, mengawasi kecukupan skop, fungsi dan sumber Jabatan Audit Dalaman.

PEMANTAUAN DAN PENYEMAKAN

Pemantauan keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dimasukkan ke dalam operasi SC. Proses yang diterima pakai untuk memantau dan menyemak keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman termasuklah:

- Penyerahan tanggungjawab kepada jawatankuasa-jawatankuasa Suruhanjaya melalui terma rujukan yang ditakrifkan dengan jelas;
- Pembentangan Jawatankuasa Pengurusan kepada Suruhanjaya mengenai persekitaran kawalan SC;
- Penyemakan nalar Jawatankuasa Pengurusan untuk membincangkan isu operasi dan strategik pada peringkat pengurusan kanan bagi memastikan tumpuan kepada pencapaian pelan urusan dan matlamatnya;
- Pelan Urusan SC, dipantau dengan rapi oleh Jawatankuasa Pengurusan dan melaporkannya kepada Suruhanjaya;
- Profil risiko SC dilaporkan kepada Suruhanjaya secara berkala;
- Penilaian bebas Audit Dalaman ke atas keberkesanan kawalan dalaman kepada bahagian yang dipilih mengikut Pelan Audit Tahunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Isu-isu penting dan cadangan untuk pembaikan diketengahkan daripada penilaian ini kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Jawatankuasa Audit, dan pelaksanaan pelan tindakan dipantau dan dilaporkan secara berkala; dan
- Jawatankuasa Audit menyemak isu kawalan dalaman yang dikenal pasti oleh Audit Dalaman dan laporan juruaudit luar, dan penilaian keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman SC.

PERSEKITARAN KAWALAN

Elemen utama lain yang merangkumi persekitaran kawalan SC termasuk:

- Suatu struktur organisasi yang mempunyai tanggungjawab dan penyerahan tanggungjawab yang ditakrifkan dengan jelas kepada jawatankuasanya bagi membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsi pengawalseliaan utamanya, yang juga dinyatakan dalam laporan tahunan ini;
- Pelan Urusan tahunan mengandungi matlamat urusan, strategi, projek utama, keperluan sumber dan belanjawan SC yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
- Kod Tatalaku dan Kod Etika (termasuk Kod Amalan Perlindungan dan Penghapusan Gangguan Seksual) yang dikehendaki daripada kakitangan terhadap tatalaku etika dan tingkah laku standard;
- Prosedur Pemberi Maklumat Dalaman yang diwujudkan pada tahun 2007 sebagai saluran komunikasi yang selamat untuk individu

mendedahkan atau melaporkan perbuatan salah dalaman atau disyaki melanggar undang-undang dalam organisasi;

- Dasar dan Prosedur Pemerolehan yang ditubuhkan bagi memastikan bahawa pembelian dikendalikan secara lancar dan teratur, mengikut satu standard dalam aktiviti pembelian, memastikan semua pembelian dibuat dalam lingkungan belanjawan yang diluluskan dan kelulusan diberi mengikut had bidang kuasa;
- Perjanjian Integriti dengan vendor dan penasihat di pelbagai peringkat proses pemerolehan, yang diperkenalkan pada bulan Julai 2008, sebagai satu langkah kawalan pencegahan untuk memaparkan dan memastikan transaksi tersebut dikendalikan tanpa apa-apa ikatan;
- Dasar Pengguna IT ditubuhkan untuk memastikan perlindungan yang berkesan dan penggunaan wajar sistem komputer. Ia adalah satu panduan untuk pengurusan cekap dan berdisiplin jabatan IT dan menyediakan rujukan yang jelas dan tepat bagi kakitangan jabatan IT dalam menjalankan tugas mereka dan untuk pengguna menggunakan sistem komputer;
- Dasar Pengurusan Rekod ditubuhkan untuk memberi panduan jelas standard dan prosedur yang harus dilakukan untuk memastikan rekod sesuai untuk digunakan sebagai bukti dan/atau maklumat oleh SC, dalam menjalankan operasi urusan atau obligasi undang-undang; dan

- Aliran Proses Urusan yang boleh didapati di intranet SC untuk dibuat sebagai panduan kepada semua kakitangan, khususnya kepada kakitangan baru, dalam memahami operasi SC.

PENYEMAKAN PERNYATAAN OLEH AHLI SURUHANJAYA

Suruhanjaya mengakui maklumat dalam pernyataan ini dan berpendapat bahawa pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman telah memberi gambaran yang cukup. Suruhanjaya dan Jawatankuasa Pengurusan akan terus mengukuhkan persekitaran kawalan dalaman di SC, dan memperbaiki lagi rangka kerja pengurusan risiko.

PENYEMAKAN PERNYATAAN OLEH JURUAUDIT LUARAN

Juruaudit luaran telah menyemak Pernyataan Kawalan Dalaman ini untuk dimasukkan ke dalam laporan tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

Berdasarkan pada penyemakannya, juruaudit luaran telah melaporkan kepada Jawatankuasa Audit bahawa tiada apa-apa yang menarik perhatian mereka yang boleh menyebabkan mereka percaya bahawa Pernyataan Kawalan Dalaman tersebut tidak konsisten dengan pemahaman proses yang Suruhanjaya menerima pakai dalam penyemakan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

SC dengan sukacitanya mengemukakan Laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

AHLI DAN MESYUARAT

Jawatankuasa Audit terdiri daripada ahli bukan eksekutif SC seperti berikut:

- Dato' Gumuri Hussain (Pengerusi);
- Francis Tan Leh Kiah (Pengerusi berganti);
- Fazlur Rahman Ebrahim; dan
- Datuk Wira Ismail Salleh (dilantik pada 20 Januari 2009).

Jawatankuasa tersebut mengadakan lima mesyuarat, yang dihadiri oleh majoriti ahlinya, sepanjang tahun kewangan. Ini merupakan suatu amalan sejak 6 Ogos 2009 untuk menjemput seorang anggota pengurusan kanan ke mesyuarat Jawatankuasa Audit.

TERMA RUJUKAN

Jawatankuasa Audit ialah sebuah jawatankuasa Suruhanjaya. Suruhanjaya menentukan keanggotaan dan melantik Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Audit.

Suruhanjaya bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun atau sekerap yang mungkin dan memerlukan kuorum dua orang. Suruhanjaya akan menjemput ahli pengurusan, juruaudit atau yang lain-lain untuk menghadiri

mesyuarat dan memberi maklumat yang penting, jika perlu. Prosiding Jawatankuasa dicatat dan minit mesyuarat dibentangkan dalam mesyuarat Suruhanjaya.

Tujuan, kuasa dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Piagam Jawatankuasa Audit.

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit ialah:

- (i) untuk membantu Suruhanjaya mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman SC;
- (ii) untuk menimbangkan dan mencadangkan pelantikan juruaudit luaran, yuran audit dan sebarang isu berhubung dengan prestasi mereka;
- (iii) untuk mengkaji semula skop pengauditan juruaudit luaran dan pelan audit, termasuk koordinasi usaha pengauditan dengan audit dalaman;
- (iv) untuk mengkaji semula dasar dan amalan perakaunan yang diterima pakai SC dalam penyediaan penyata kewangannya dan integriti proses pelaporan kewangan;
- (v) untuk mengkaji semula penyata kewangan tahunan dan membuat cadangan sewajarnya kepada Suruhanjaya mengenai penerimaan penyata kewangan tahunan SC dan tahap penzahiran, dengan fokus khususnya kepada:
 - pematuhan piawaian perakaunan yang diterima pakai;
 - perubahan dalam dasar dan amalan utama perakaunan;

- pelarasan signifikan yang berbangkit daripada pengauditan; dan
 - peristiwa luar biasa yang penting.
- (vi) untuk menyokong dan memberikan hala tuju kepada jabatan Audit Dalaman supaya memastikan keberkesanannya;
- (vii) untuk menimbangkan dan menyemak dapatan yang berbangkit daripada laporan juruaudit dalaman atau penyiasatan dalaman yang lain dan maklum balas daripada pihak pengurusan, serta menentukan tindakan susulan yang sewajarnya diambil oleh pihak pengurusan;
- (viii) untuk mengambil tindakan susulan berhubung dengan pelaksanaan semua cadangan yang dikemukakan oleh jabatan Audit Dalaman; dan
- (ix) untuk menyemak keberkesanan proses dan prosedur supaya memastikan pematuhan undang-undang, peraturan dan kontrak.

AKTIVITI JAWATANKUASA

Sepanjang tahun kewangan, aktiviti utama Jawatankuasa Audit termasuklah:

- Menyemak dapatan audit luaran, laporan audit dan surat pengurusan, serta maklum balas pengurusan yang berbangkit daripada pengauditan berkanun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008;
- Menyemak penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 sebelum dibentangkan kepada ahli Suruhanjaya;
- Menyemak dan meluluskan pelan audit luaran bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009. Pelbagai isu audit dan perakaunan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit;
- Menyemak dan meluluskan pelan audit dalaman bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010; dan
- Menyemak laporan audit dalaman, cadangan yang dibuat dan maklum balas pihak pengurusan kepada cadangan ini. Jawatankuasa turut mengawasi pelaksanaan tindakan yang dipersetujui dan cadangan untuk pembaikan yang berbangkit daripada pelaksanaan audit.

AUDIT DALAMAN

Jabatan Audit Dalaman membantu Jawatankuasa Audit dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawabnya. Sepanjang tahun kewangan berkenaan, jabatan Audit Dalaman membuat laporan secara tetap mengenai kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman dan pematuhan dasar dan tatacara kepada Jawatankuasa Audit. Jabatan ini turut mengawasi supaya memastikan cadangan untuk memperbaiki kawalan dipatuhi oleh pihak pengurusan. Di samping itu, jabatan Audit Dalaman memainkan peranan sebagai penasihat dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti audit.

PENYATA KEWANGAN

KUNCI KIRA-KIRA

pada 31 Disember 2009

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
Aset bukan semasa			
Harta, kelengkapan dan peralatan	3	198,222	201,178
Pajakan prabayar	4	7,772	7,864
Penghutang jangka panjang	5	23,824	36,878
Pelaburan lain	6	139,781	24,669
		<u>369,599</u>	<u>270,589</u>
Aset semasa			
Penghutang dan pelbagai penghutang	7	27,222	21,898
Tunai dan setara tunai	8	564,172	646,276
Aset cukai semasa		–	323
		<u>591,394</u>	<u>668,497</u>
Jumlah aset		<u>960,993</u>	<u>939,086</u>
Rizab			
Lebihan terkumpul		768,675	778,216
Rizab dana pampasan BMSB	9	100,000	100,000
Rizab dana Pembangunan Modal Insan (HCD)	10	10,000	10,000
Jumlah rizab		<u>878,675</u>	<u>888,216</u>
Liabiliti jangka panjang			
Manfaat persaraan	11	26,383	23,177
		<u>26,383</u>	<u>23,177</u>
Liabiliti semasa			
Pelbagai pemiutang	12	55,935	27,693
		<u>55,935</u>	<u>27,693</u>
Jumlah liabiliti		<u>82,318</u>	<u>50,870</u>
Jumlah rizab dan liabiliti		<u>960,993</u>	<u>939,086</u>

Nota yang terdapat pada muka surat 6-20 hingga 6-35 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
Pendapatan			
Levi		77,361	74,575
Yuran dan caj		19,524	33,507
Pendapatan daripada simpanan tetap dan pelaburan		23,757	23,867
Pendapatan lain		3,246	3,103
		123,888	135,052
Tolak: Perbelanjaan			
Perbelanjaan kakitangan	13	82,311	72,845
Perbelanjaan pentadbiran		27,504	27,254
Susut nilai harta, kelengkapan dan peralatan	3	11,805	13,219
Sewa		559	461
Pelunasan pajakan prabayar	4	92	92
Perbelanjaan Pembangunan Modal Insan	10	–	2,200
Elaun rosot nilai	3	–	20
		122,271	116,091
Lebihan bersih	14	1,617	18,961

Nota yang terdapat di muka surat 6-20 hingga 6-35 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

	Rizab dana pampasan BMSB RM'000	Rizab dana HCD RM'000	Lebihan terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2008	100,000	–	769,255	869,255
Lebihan bersih bagi tahun	–	–	18,961	18,961
Pemindahan daripada lebihan terkumpul ke rizab dana HCD	–	12,200	(12,200)	–
Caj bagi tahun	–	(2,200)	2,200	–
Perubahan dalam ekuiti tidak diambil kira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan	–	10,000	(10,000)	–
Pada 31 Disember 2008/1 Januari 2009				
– sebagaimana dinyatakan	100,000	10,000	778,216	888,216
– kesan menerima pakai FRS 139 (Nota 18)	–	–	(11,158)	(11,158)
Pada 1 Januari 2009, dinyatakan semula	100,000	10,000	767,058	877,058
Lebihan bersih bagi tahun	–	–	1,617	1,617
Pada 31 Disember 2009	100,000	10,000	768,675	878,675
	Nota 9	Nota 10		

Nota yang terdapat pada muka surat 6-20 hingga 6-35 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
Lebihan bersih		1,617	18,961
Pelarasan bagi:			
Susut nilai atas harta, kelengkapan dan peralatan	3	11,805	13,219
Peruntukan untuk manfaat persaraan	11	3,361	3,055
Pelunasan pajakan prabayar	4	92	92
Pendapatan daripada simpanan tetap dan pelaburan		(23,756)	(23,867)
Keuntungan dari jualan harta, kelengkapan dan peralatan	14	(120)	–
Elaun rosot nilai atas harta, kelengkapan dan peralatan	14	–	20
Lebihan operasi (defisit)/sebelum perubahan modal kerja		(7,001)	11,480
Perubahan dalam modal kerja:			
Penghutang dan pelbagai penghutang		(4,215)	5,398
Pelbagai pemiutang		28,241	3,888
Tunai diperolehi daripada operasi		17,025	20,767
Pemulangan cukai		323	–
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti operasi		17,348	20,767
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
Pembelian harta, kelengkapan dan peralatan	3	(8,905)	(3,292)
Pendapatan daripada penghutang jangka panjang		4,818	11,183
Pendapatan atas jualan harta, kelengkapan dan peralatan		176	–
Pelaburan tambahan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia		(115,112)	–
Pendapatan diterima daripada simpanan tetap dan pelaburan		19,726	24,563
Peningkatan dalam deposit terhadap		(25,189)	(2,850)
Manfaat persaraan dibayar	11	(155)	(163)
Tunai bersih (digunakan)/diperolehi daripada aktiviti pelaburan		(124,641)	29,441
(Penurunan)/peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai		(107,293)	50,207
Tunai dan setara tunai pada awal tahun		628,724	578,517
Tunai dan setara tunai pada penghujung tahun		521,431	628,724

Nota yang terdapat pada muka surat 6-20 hingga 6-35 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI (sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:			
Tunai dan baki di bank	8	8,403	1,236
Pelaburan di bank berlesen	8	518,769	613,040
Pelaburan di Malaysian Building Society Berhad (MBSB)	8	37,000	32,000
		564,172	646,276
Tolak: Pelaburan terhadap	8	(42,741)	(17,552)
		521,431	628,724

Nota yang terdapat pada muka surat 6-20 hingga 6-35 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) merupakan agensi pengawal selia bagi pengawalseliaan dan pembangunan pasaran modal. SC mempunyai tanggungjawab langsung bagi menyelia dan mengawasi kegiatan institusi pasaran termasuk bursa dan rumah penjelasan, dan mengawal selia setiap individu yang berlesen bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Alamat SC adalah seperti yang berikut:

3, Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Suruhanjaya pada 26 Januari 2010.

1. Asas penyediaan

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan SC telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan yang diluluskan oleh MASB di Malaysia untuk entiti-entiti selain Entiti Persendirian (FRS) dan prinsip perakaunan yang diterima umum di Malaysia.

SC belum menerima pakai piawaian perakaunan berikut, pindaan dan interpretasi yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang belum lagi berkuatkuasa atau wujud untuk diterima pakai secara awal:

FRS, Interpretasi dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2009

- FRS 8, *Operating Segments*

FRS, Interpretasi dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010

- FRS 4, *Insurance Contracts*
- FRS 7, *Financial Instruments: Disclosures*
- FRS 101, *Presentation of Financial Statement*
- FRS 123, *Borrowing Costs* (semakan semula)
- Pindaan kepada FRS 1, *First-time Adoption of Financial Reporting Standards*, dan FRS 127(2010), *Consolidated and Separate Financial Statements: Cost of an Investment in a Subsidiary, Jointly Controlled Entity or Associate*
- Pindaan kepada FRS 2, *Share-based Payment: Vesting Conditions and Cancellations*
- Pindaan kepada FRS 7, *Financial Instrument: Disclosure*
- Pindaan kepada FRS 132, *Financial Instruments: Presentation* dan FRS 101, *Presentation of Financial Statement – Puttable Financial Instrument and Obligation Arising on Liquidation*
- Penambahbaikan kepada FRS (2009)
- Interpretasi IC 9, *Reassessment of Embedded Derivatives*

- Interpretasi IC 10, *Interim Financial Reporting and Impairment*
- Interpretasi IC 11, FRS 2 – *Group and Treasury Share Transactions*
- Interpretasi IC 13, *Customer Loyalty Programmes*
- Interpretasi IC 14, FRS 119 – *The Limit on a Defined Benefit Asset, Minimum Funding Requirements and Their Interaction*

FRS, Interpretasi dan pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010

- FRS 1, *First-time Adoption of Financial Reporting Standards* (semakan semula)
- FRS 3, *Business Combinations* (semakan semula)
- FRS 127, *Consolidated and Separate Financial Statement* (semakan semula)
- Pindaan kepada FRS 2, *Share-based Payment*
- Pindaan kepada FRS 5, *Non-current Assets Held for Sale and Discontinued Operations*
- Pindaan kepada FRS 138, *Intangible Assets*
- Interpretasi IC 12, *Service Concession Agreements*
- Interpretasi IC 15, *Arrangement for the Construction of Real Estate*
- Interpretasi IC 16, *Hedges of a Net Investment in a Foreign Operation*
- Interpretasi IC 17, *Distribution of Non-cash Assets to Owners*
- Pindaan kepada IC Interpretation 9, *Reassessment of Embedded Derivatives*

Dalam set penyata kewangan ini, SC telah memilih untuk mengguna pakai awal FRS 139, *Financial Instruments: Recognition and Measurement*, yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Kesan menerima pakai awal FRS 139 dinyatakan dalam Nota 18.

SC akan menerima pakai piawaian, pindaan dan interpretasi di atas:

- Dari tempoh tahunan bermula 1 Januari 2010 bagi piawaian, pindaan atau interpretasi yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada tahun atau selepas 1 Julai 2009 atau 1 Januari 2010, kecuali bagi FRS 2, FRS 4, FRS 8, FRS 123, FRS 127, Interpretasi IC 9, Interpretasi IC 10, Interpretasi IC 11 dan Interpretasi IC 13 yang tidak diguna pakai di SC; dan
- Dari tempoh tahunan bermula 1 Januari 2011 bagi piawaian, pindaan atau interpretasi yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010, kecuali FRS 3, FRS 5, FRS 138, Interpretasi IC 12, Interpretasi IC 15, Interpretasi IC 16, Interpretasi IC 17 dan Pindaan kepada Interpretasi IC 9 yang diguna pakai di SC.

Kesan menerima pakai FRS 7 ke atas penyata kewangan pada penggunaan pertama seperti dikehendaki oleh perenggan 30(b) FRS 108, *Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors* tidak didedahkan

oleh kerana pengecualian diberi dalam FRS. Tindakan menerima pakai piawaian-piawaian lain, pindaan dan interpretasi, dijangka tidak memberi kesan ke atas penyata kewangan atau perubahan penting kepada dasar perakaunan.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan SC disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali yang dinyatakan dalam nota 2.

(c) Mata wang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu mata wang fungsi SC. Semua maklumat kewangan yang dibentangkan adalah dalam RM kecuali dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan dalam pematuhan dengan FRS memerlukan pengurusan bagi membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Penyemakan ke atas anggaran perakaunan dikira dalam tempoh yang anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang berkenaan.

Tidak terdapat kawasan ketidakpastian ketara pada anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara pada amaun yang dikira di dalam penyata kewangan.

2. Dasar perakaunan utama

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten pada tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, dan diguna pakai secara konsisten oleh SC, kecuali yang dinyatakan dalam Nota 2(a) - Instrumen Kewangan.

(a) Instrumen kewangan

Berbangkit daripada penggunaan pakai awal FRS 139, berkuat kuasa 1 Januari 2009, instrumen kewangan dikategorikan dan diukur menggunakan dasar perakaunan sepertimana yang dinyatakan di bawah. Sebelum 1 Januari 2009, dasar perakaunan yang berbeza telah diguna pakai. Perubahan ketara kepada dasar perakaunan dibincang dalam Nota 18.

(i) Pengiraan dan pengukuran awal

Instrumen kewangan dikira dalam penyata kewangan apabila, dan hanya apabila, SC menjadi parti kepada peruntukan kontraktual instrumen tersebut.

Instrumen kewangan dikira pada awalnya, pada nilai saksamanya campur, dalam perkara instrumen kewangan, bukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang secara langsung menyebabkan pengambilan atau penerbitan instrumen kewangan.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

SC mengkategorikan instrumen kewangan seperti berikut:

Aset kewangan

(a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian terdiri daripada aset kewangan yang dipegang untuk dagangan, termasuk derivatif (kecuali untuk derivatif yang direkabentuk dan instrumen perlindungan nilai yang efektif) atau aset kewangan yang khusus direkabentuk kepada kategori ini apabila pengiraan awal dibuat.

(b) Pelaburan dipegang hingga matang

Kategori pelaburan dipegang hingga matang terdiri daripada instrumen hutang yang disenaraikan di pasaran aktif dan SC mempunyai hasrat positif dan kebolehan untuk memegang hingga matang.

Aset kewangan yang dikategorikan sebagai pelaburan dipegang hingga matang berikutnya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif.

(c) Pinjaman dan penghutang

Kategori pinjaman dan penghutang terdiri daripada instrumen hutang yang tidak disenaraikan dalam pasaran aktif.

Aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan penghutang berikutnya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif.

(d) Aset kewangan yang boleh dijual

Kategori boleh dijual terdiri daripada pelaburan dalam ekuiti dan instrumen sekuriti hutang yang tidak dipegang untuk dagangan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga yang disenaraikan di pasaran aktif dan di mana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti, diukur pada kos. Aset kewangan yang lain yang dikategorikan sebagai boleh dijual, berikutnya diukur pada nilai saksamanya dengan keuntungan atau kerugian dikira dalam pendapatan komprehensif yang lain, kecuali untuk kerugian rosot nilai, keuntungan dan kerugian pertukaran wang asing berbangkit daripada perkara-perkara kewangan, dan keuntungan dan kerugian daripada perkara-perkara lindung nilai disebabkan risiko lindung nilai pada nilai saksama lindung nilai yang dikira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan. Apabila tidak diambil kira, keuntungan atau kerugian terkumpul yang dikira dalam pendapatan komprehensif yang lain, diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan dan perbelanjaan. Faedah yang dikira untuk instrumen hutang menggunakan kaedah faedah efektif dikira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Semua aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, adalah tertakluk kepada semakan untuk elaun rosot nilai. (lihat Nota 2[g]).

Liabiliti kewangan

Semua liabiliti kewangan berikutnya diukur pada kos pelunasan selain daripada yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Nilai saksama melalui kategori keuntungan atau kerugian terdiri daripada liabiliti kewangan yang dipegang untuk dagangan, derivatif (kecuali untuk derivatif kontrak jaminan instrumen atau instrumen yang direkabentuk dan instrumen lindung nilai yang efektif) atau liabiliti kewangan yang khusus direkabentuk kepada kategori ini apabila diambil kira pada peringkat awal.

(iii) Tidak diambil kira

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya tidak dikira apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindah kepada parti lain tanpa mengekalkan kawalan atau sebahagian besarnya semua risiko dan ganjaran aset tersebut. Apabila aset kewangan tidak diambil kira, perbezaan antara nilai bawaan dan nilai yang dalam pertimbangan terima (termasuk mana-mana aset baru yang diperolehi ditolak mana-mana liabiliti yang diambil alih) dan mana-mana keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah dikira dalam ekuiti, dikira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila, obligasi yang ditetapkan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Apabila liabiliti kewangan tidak diambil kira, perbezaan antara nilai bawaan liabiliti kewangan tersebut terpadam atau dipindahkan kepada pihak lain dan amaun dalam pertimbangan dibayar, termasuk mana-mana aset bukan tunai yang dipindah atau diambil alih liabilitinya, dikira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(b) Harta, kelengkapan dan peralatanPengiktirafan dan Pengukuran

Harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung menyebabkan pengambilan aset dan mana-mana kos secara langsung menyebabkan pembawaan aset kepada keadaan yang berfungsi untuk kegunaannya, dan kos menanggalkan dan mengalih aset tersebut dan mengekalkan tapak di mana aset tersebut terletak.

Perisian yang dibeli yang menjadi bahagian penting kepada kefungsihan peralatan berkenaan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada peralatan tersebut.

Apabila bahagian-bahagian signifikan, jika ada, bagi harta, kelengkapan dan peralatan mempunyai tempoh hayat berguna yang berbeza, ia akan dikira sebagai barang berasing (komponen utama) bagi harta, kelengkapan dan peralatan.

Keuntungan dan kerugian daripada penjualan harta, kelengkapan dan peralatan dikira dengan membandingkan pendapatan daripada penjualan dengan nilai bawaan harta, kelengkapan dan peralatan dan dikira bersih dalam "pendapatan lain" atau "perbelanjaan lain" dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Kos berikutan

Kos menggantikan sebahagian daripada unit harta, kelengkapan dan peralatan dikira dalam amaun bawaan bagi unit tersebut jika manfaat ekonomi akan datang yang berkemungkinan terangkum dalam bahagian tersebut, akan mengalir kepada SC dan kosnya dapat diukur dengan pasti. Kos untuk servis harian harta, kelengkapan dan peralatan dikira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan semasa ia berlaku.

Susut nilai

Susut nilai dikira pada amaun boleh susut nilai, iaitu kos aset, atau lain-lain amaun yang digantikan untuk kos, tolak nilai baki.

Susut nilai dikira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan berdasarkan kaedah garis lurus dalam tempoh hayat berguna yang dianggarkan bagi setiap bahagian unit harta, kelengkapan dan peralatan. Tempoh hayat berguna yang dianggarkan untuk tahun semasa adalah seperti yang berikut:

Bangunan	2%
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	10%–20%
Komputer dan sistem aplikasi	33 ¹ / ₃ %
Kenderaan bermotor	20%

Kaedah susut nilai, tempoh hayat berguna dan nilai baki disemak, dan diselaraskan sebagai sesuai pada tarikh pelaporan.

(c) Pajakan prabayar

Tanah milik pajak biasanya mempunyai hayat ekonomi yang tidak tertentu dan hak milik tidak dijangka akan diserahkan kepada penerima pajak pada penghujung tempoh pajakan, dianggap sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat untuk mendapatkan atau memiliki tanah milik pajak dianggap sebagai pajakan prabayar yang akan dilunaskan sepanjang tempoh pajakan mengikut tata manfaat yang disediakan.

SC sebelum ini telah mengklasifikasikan tanah milik pajak sebagai pajakan kewangan dan telah mengambil kira jumlah pajakan prabayar sebagai aset dalam harta, kelengkapan dan peralatannya. Sejak tahun 2007, SC kini mengklasifikasikan pajakan tersebut sebagai pajakan operasi, dengan nilai bawaan yang belum dilunaskan sebagai pajakan prabayar menurut peruntukan peralihan dalam FRS 117.67A.

Pajakan prabayar dilunaskan dalam tempoh pajakan selama sembilan puluh sembilan (99) tahun.

(d) Penghutang dan pelbagai penghutang

Sebelum 1 Januari 2009, penghutang pada awalnya dikira pada kosnya dan berikutnya, dinyatakan pada kos ditolak peruntukan hutang ragu.

Berikutan penerimaan pakai FRS 139, penghutang dan pelbagai penghutang dikategorikan dan diukur sebagai pinjaman dan penghutang mengikut dasar Nota 2(a).

(e) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada wang tunai, baki dan simpanan di bank dan pelaburan dengan kadar kecairan tinggi yang tidak memberi risiko nyata dalam perubahan nilai pelaburan. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dinyatakan selepas ditolak deposit terhad.

Tunai dan setara tunai dikategorikan dan diukur sebagai pinjaman dan penghutang mengikut dasar Nota 2(a).

(f) Pelaburan lain

Sebelum 1 Januari 2009, pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia yang dipegang sebagai pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos ditolak peruntukan bagi penghapusan nilai.

Berikutan penerimaan pakai FRS 139, pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dikategorikan dan diukur sebagai pegang hingga matang mengikut dasar Nota 2(a).

(g) Rosot nilai aset**(i) Aset kewangan**

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian) dinilai pada setiap tarikh pelampiran laporan sama ada terdapat sebarang bukti secara objektif pelunasan disebabkan oleh satu atau lebih daripada satu peristiwa yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai aset pada masa akan datang. Kerugian yang dijangka disebabkan peristiwa akan datang, walau bagaimana pastinya, tidak diambil kira.

Elaun rosot nilai berkenaan pinjaman dan penghutang dan pelaburan dipegang hingga matang dikira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dan diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset dan nilai terkini anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang asal. Nilai bawaan aset diturunkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Elaun rosot nilai bagi aset kewangan untuk dijual dikira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dan diukur sebagai perbezaan antara kos pengambilan aset (baki bersih sebarang pembayaran dan pelunasan) dan nilai saksama kini aset, ditolak mana-mana elaun rosot nilai yang dikira terdahulunya.

Elaun rosot nilai bagi instrumen yang tidak disenaraikan yang dibawa pada kos, dikira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dan diukur sebagai perbezaan nilai bawaan dan nilai kini anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran kini bagi aset kewangan yang sama.

(ii) Aset bukan kewangan

Nilai bawaan aset (kecuali bagi aset kewangan) disemak pada setiap penghujung tempoh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda-tanda rosot nilai.

Sekiranya tanda-tanda tersebut wujud, nilai boleh pulih dianggarkan. Untuk tujuan ujian rosot nilai, aset dikumpulkan kepada kumpulan yang paling kecil yang menjana aliran tunai daripada penggunaan berterusan yang bebas daripada aliran tunai masuk aset lain atau kumpulan aset ("unit penjanaan tunai").

Elaun rosot nilai dikira jika nilai bawaan aset atau unit yang menjana tunai melebihi nilai boleh pulih. Elaun rosot nilai dikira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan. Elaun rosot nilai dikira dalam tempoh sebelumnya dinilai pada penghujung setiap tempoh pelaporan untuk sebarang tanda-tanda yang elaun rosot nilai telah menurun atau tidak wujud lagi. Elaun rosot nilai dibalikkan jika ada perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan elaun nilai boleh pulih sejak elaun rosot nilai terdahulu dikira. Elaun rosot nilai dibalikkan hanya sehingga nilai bawaan aset tidak melebihi nilai bawaan yang mungkin telah ditentukan, susut nilai atau pelunasan bersih, jika tiada elaun rosot nilai telah dikira. Elaun rosot nilai yang dibalikkan dikreditkan ke dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan pada tahun di mana kebalikan tersebut dikira.

(h) Liabiliti

Sebelum 1 Januari 2009, pemiutang diukur pada awalnya dan berikutnya pada kos.

Berikutan penerimaan pakai FRS 139, pemiutang dikategorikan dan diukur sebagai liabiliti kewangan mengikut dasar Nota 2(a).

(i) Peruntukan

Peruntukan dikira jika, disebabkan satu peristiwa lalu, SC mempunyai obligasi semasa yang sah atau membina, yang boleh dianggarkan dengan pasti, dan aliran keluar manfaat ekonomi berkemungkinan diperlukan untuk melunaskan obligasi.

(j) Pencukaian

SC telah mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan untuk dikecualikan daripada cukai berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2007.

(k) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Semua pendapatan dan perbelanjaan dikira atas dasar pengakruan.

Pendapatan daripada deposit tetap dan pelaburan dikira semasa ia terakru, menggunakan kaedah faedah efektif.

(l) Manfaat pekerja**(i) Manfaat jangka pendek**

Upah dan gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan semasa dalam tahun kewangan yang perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan SC. Cuti jangka pendek berbayar terkumpul seperti cuti tahunan berbayar dikira apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan kelayakan mereka terhadap cuti berbayar masa depan, dan cuti berbayar jangka pendek tak terkumpul seperti cuti sakit diambil kira apabila cuti berlaku.

(ii) Pelan caruman wajib

Seperti yang termaktub dalam undang-undang, majikan yang layak di Malaysia dikehendaki membuat caruman kepada skim pencen kerajaan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman tersebut dikira sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan bila berlaku.

(iii) Manfaat perubatan selepas persaraan

SC memperuntukan manfaat perubatan selepas persaraan kepada kakitangan yang layak, yang diambil bekerja sebelum 1 Januari 2003. Obligasi SC dalam skim ini berdasarkan penilaian tahunan aktuari (dijalankan setiap tiga tahun) dengan menganggarkan amaun manfaat yang berhak diterima oleh kakitangan berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan oleh mereka dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Manfaat tersebut ditentukan oleh aktuari menggunakan kaedah aktuari Unjuran Kredit Unit. Untung dan rugi aktuari dikira sebagai pendapatan atau perbelanjaan sepanjang jangka purata baki tahun bekerja yang tinggal untuk kakitangan yang menyertai skim ini, apabila untung atau rugi aktuari terkumpul yang tidak dikira melebihi 10% jika dibandingkan dengan nilai kini obligasi manfaat atau nilai saksama aset dirancang. Kos perkhidmatan lepas diiktiraf segera sehingga tahap manfaat telah diberi hak dan jika tidak, akan dilunaskan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh purata tersebut sehingga manfaat yang dipinda menjadi berhak.

3. Harta, kelengkapan dan peralatan

	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan RM'000	Komputer dan sistem aplikasi RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Kerja modal dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Kos						
Pada 1 Januari 2008	232,387	89,201	65,873	2,229	4,591	394,281
Tambahan	–	358	1,934	–	1,000	3,292
Pemindahan (kepada)/daripada	–	–	4,985	–	(4,985)	–
Pada 31 Disember 2008/1 Januari 2009	232,387	89,559	72,792	2,229	606	397,573
Tambahan	–	1,271	2,812	373	4,449	8,905
Penjualan	–	(115)	(4)	(811)	–	(930)
Pelupusan	–	(530)	(985)	–	–	(1,515)
Pemindahan (kepada)/daripada	–	393	299	–	(692)	–
Pada 31 Disember 2009	232,387	90,578	74,914	1,791	4,363	404,033
Susut nilai dan elaun rosot nilai						
Pada 1 Januari 2008:						
Susut nilai terkumpul	39,697	79,747	62,169	1,484	–	183,097
Rosot nilai terkumpul	59	–	–	–	–	59
Susut nilai	39,756	79,747	62,169	1,484	–	183,156
Caj elaun rosot nilai	4,648	4,657	3,633	281	–	13,219
	20	–	–	–	–	20
Pada 31 Disember 2008/1 Januari 2009:	44,345	84,404	65,802	1,765	–	196,316
Susut nilai terkumpul	79	–	–	–	–	79
Rosot nilai terkumpul						
	44,424	84,404	65,802	1,765	–	196,395

14

14

Pada 31 Disember 2008/1 Januari 2009:

Susut nilai terkumpul

Rosot nilai terkumpul

3. Harta, kelengkapan dan peralatan (sambungan)

Susut nilai dan rosot nilai (sambungan)		Bangunan RM'000	Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan RM'000	Komputer dan sistem aplikasi RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Kerja modal dalam peraksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Susut nilai dan rosot nilai (sambungan)	14	4,648	3,025	3,862	270	–	11,805
		–	(115)	(3)	(756)	–	(874)
		–	(530)	(985)	–	–	(1,515)
Pada 31 Disember 2009: Susut nilai terkumpul Rosot nilai terkumpul		48,993	86,784	68,676	1,279	–	205,732
		79	–	–	–	–	79
		49,072	86,784	68,676	1,279	–	205,811
Amaun bawaan							
Pada 1 Januari 2008 Pada 31 Disember 2008/1 Januari 2009 Pada 31 Disember 2009		192,631	9,454	3,704	745	4,591	211,125
		187,963	5,155	6,990	464	606	201,178
		183,315	3,794	6,238	512	4,363	198,222

4. Pajakan prabayar

	Tanah milik pajak Tempoh belum luput lebih dari 50 tahun	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Kos		
Pada 1 Januari/31 Disember	9,154	9,154
Pelunasan		
Pada 1 Januari	1,290	1,198
Pelunasan (Nota 14)	92	92
Pada 31 Disember	1,382	1,290
Amaun bawaan		
Pada 31 Disember	7,772	7,864

5. Penghutang jangka panjang

	2009 RM'000	2008 RM'000
Pinjaman kepada kakitangan	30,395	48,580
Tolak: Untung belum diperolehi		
– Pembiayaan cara Islam untuk perumahan dan kenderaan	(4,483)	(5,429)
	25,912	43,151
Amaun dijangka dalam tempoh 12 bulan (Nota 7)		
– Pinjaman kepada kakitangan	2,088	6,273
Amaun dijangka selepas 12 bulan		
– Pinjaman kepada kakitangan	23,824	36,878

Pinjaman kepada kakitangan meliputi pinjaman perumahan dan kenderaan bermotor cara Islam dan konvensional, pinjaman komputer dan pinjaman pendidikan. Pinjaman perumahan dan kenderaan bermotor masing-masing dijamin oleh harta dan kenderaan bermotor peminjam. Pinjaman tersebut masing-masing mempunyai tempoh bayaran balik maksimum 25 tahun, 7 tahun, 5 tahun dan 4 tahun. Kadar yang dikenakan ke atas pinjaman ini adalah di antara 2% hingga 4% setahun (2008: 2% hingga 4% setahun).

Struktur kematangan pinjaman kepada kakitangan setakat penghujung tahun kewangan adalah seperti yang berikut:

	2009 RM'000	2008 RM'000
Dalam masa 1 tahun	2,088	6,273
Lebih daripada 1 tahun dan sehingga 5 tahun	6,612	9,975
Lebih daripada 5 tahun	17,212	26,903
	25,912	43,151

6. Pelaburan lain

	2009 RM'000	2008 RM'000
Pelaburan hingga matang		
– Sekuriti Kerajaan Malaysia	139,781	24,669
Nilai pasaran:		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	140,725	25,516

7. Penghutang dan pelbagai penghutang

	2009 RM'000	2008 RM'000
Levi	6,874	4,082
Yuran dan caj	1,873	1,741
Pendapatan belum diterima	13,484	8,164
	22,231	13,987
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(1,635)	(1,635)
	20,596	12,352
Pelbagai penghutang	4,538	3,273
Pinjaman kepada kakitangan (Nota 5)	2,088	6,273
	27,222	21,898

8. Tunai dan setara tunai

	2009 RM'000	2008 RM'000
Tunai dan baki di bank	8,403	1,236
Pelaburan di bank berlesen	518,769	613,040
Pelaburan di MBSB	37,000	32,000
	564,172	646,276

Termasuk dalam pelaburan di bank berlesen adalah amaun terhad untuk deposit sekuriti broker kira-kira RM15.9 juta (2008: RM15.1 juta), pemulangan untuk pelabur yang layak daripada transaksi Swisscash sebanyak RM18.5 juta (2008: RM0) dan pelbagai deposit sebanyak RM0.8 juta (2008: RM2.5 juta)

Termasuk dalam tunai dan baki di bank adalah sebanyak kira-kira RM7.5 juta (2008: RM0) yang dihadkan untuk pembangunan industri broker saham.

9. Rizab dana pampasan BMSB

Amaun sebanyak RM100 juta (2008: RM100 juta) telah diperuntukan daripada lebih terkumpul bagi Dana Pampasan Bursa Malaysia Securities Berhad (BMSB).

10. Rizab Dana Pembangunan Modal Insan (HCD)

Amaun sebanyak RM12.2 juta (2008: RM12.2 juta) telah diperuntukkan daripada lebih terkumpul bagi komitmen jangka panjang SC untuk menyokong pembangunan modal insan dalam industri perkhidmatan kewangan. Amaun tersebut akan digunakan untuk tempoh masa lima (5) tahun.

Pada tahun semasa, tiada caj (2008: RM2.2 juta) ke penyata pendapatan dan perbelanjaan.

11. Manfaat persaraan

Amaun yang dikira dalam kunci kira-kira adalah seperti yang berikut:

Manfaat perubatan selepas persaraan	2009 RM'000	2008 RM'000
Nilai kini obligasi tidak terbiaya	28,538	22,755
Untung/(rugi) aktuari tidak diambil kira	(2,155)	422
Liabiliti bersih	<u>26,383</u>	<u>23,177</u>
Pergerakan dalam liabiliti bersih yang dikira dalam kunci kira-kira:		
	2009 RM'000	2008 RM'000
Liabiliti bersih pada 1 Januari	23,177	20,285
Manfaat dibayar	(155)	(163)
Perbelanjaan dikira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan	3,361	3,055
Liabiliti bersih pada 31 Disember	<u>26,383</u>	<u>23,177</u>

Perbelanjaan diambil kira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan:

	2009 RM'000	2008 RM'000
Kos perkhidmatan semasa	1,694	1,638
Faedah ke atas obligasi	1,667	1,417
	<u>3,361</u>	<u>3,055</u>

Andaian aktuari utama yang digunakan pada tarikh kunci kira-kira (dinyatakan sebagai purata wajaran):

	2009	2008
Kadar diskaun	6.6%	7.0%
Inflasi harga	3.5%	3.5%
Inflasi kos perubatan	5.0%	5.0%

12. Pelbagai pemiutang

	2009 RM'000	2008 RM'000
Perbelanjaan terakru	6,404	5,046
Deposit sekuriti broker	15,857	15,101
Pelbagai pemiutang	33,674	7,546
	<u>55,935</u>	<u>27,693</u>

13. Kos kakitangan

	2009 RM'000	2008 RM'000
Yuran, bonus, perubatan kakitangan, latihan kakitangan dan kerja lebih masa	69,931	61,086
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	9,018	8,704
Manfaat persaraan	3,362	3,055
	<u>82,311</u>	<u>72,845</u>

14. Lebihan bersih

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
Lebihan bersih diperoleh selepas mengambil kira:			
Peruntukan bagi hutang ragu		48	70
Pelunasan pajakan prabayar	4	92	92
Yuran juruaudit:			
– Perkhidmatan audit		55	40
– Perkhidmatan lain		5	3

Harta, kelengkapan dan peralatan			
– Susut nilai	3	11,805	13,219
– Elaun rosot nilai	3	–	20
Ahli eksekutif:			
– Emolumen		1,251	1,044
Elaun ahli-ahli bukan eksekutif		246	282
		<u> </u>	<u> </u>
Dan selepas dikreditkan:			
Keuntungan atas jualan harta, kelengkapan dan peralatan		120	–
Peruntukan hutang ragu dibalikkan		–	18
		<u> </u>	<u> </u>

15. Pihak berkaitan

Pengerusi SC juga ialah Pengerusi Securities Industry Development Corporation (SIDC) yang merupakan syarikat yang dihadkan dengan jaminan. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, SIDC telah dikenakan bayaran sebanyak RM284,000 (2008: RM284,000), sebagai yuran pengurusan dibayar kepada SC, yang mana sebanyak RM24,000 (2008: RM24,000) masih tertunggak. Di samping itu, SC telah memberi geran sebanyak RM5 juta kepada SIDC dalam 2009 (2008: RM5 juta).

16. Komitmen modal

	2009 RM'000	2008 RM'000
Komitmen perbelanjaan modal		
Kelengkapan dan peralatan		
<i>Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan:</i>		
Dalam masa 1 tahun	<u>11,710</u>	<u>13,100</u>

17. Instrumen Kewangan

Pengurusan risiko kewangan

SC mempunyai dasar dan garis panduan berhubung dengan keseluruhan strategi pelaburan dan toleransi terhadap risiko. Pelaburan diurus secara berhemat untuk memastikan pemuliharaan dan penjimatan dana.

Risiko kredit

SC mempunyai dasar kredit yang rasmi dan pendedahan terhadap risiko kredit dipantau sepanjang masa. Simpanan tetap disimpan dalam bank berlesen dan MBSB. Pendedahan maksimum risiko kredit ditunjukkan oleh nilai bawaan setiap aset kewangan.

Risiko kecairan

SC mengawasi dan mengekalkan wang tunai dan setara tunai pada tahap yang dianggap perlu oleh SC untuk membiayai operasinya dan mengurangkan kesan perubahan dalam aliran tunai.

Kadar faedah efektif

	Kadar faedah efektif		Dalam setahun RM'000	1–5 tahun RM'000	Selepas 5 tahun RM'000
	setahun	Jumlah			
	%	RM'000			
Pada 31 Disember 2009					
Aset kewangan					
Pelaburan di bank berlesen	3.39	518,769	518,769	–	–
Pelaburan di MBSB	2.85	37,000	–	37,000	–
Sekuriti Kerajaan Malaysia	3.83	139,781	–	139,781	–

Pada 31 Disember 2008

Aset kewangan					
Pelaburan di bank berlesen	3.76	613,040	271,988	341,052	–
Pelaburan di MBSB	4.10	32,000	32,000	–	–
Sekuriti Kerajaan Malaysia	4.29	24,669	5,000	19,669	–

Instrumen kewangan yang dikira

Bagi tunai dan setara tunai, penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang, dan pelbagai pemiutang, nilai bawaan mempunyai nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang pendek yang dimiliki oleh instrumen kewangan ini.

18. Perubahan dalam dasar perakaunan

Dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2 telah diguna pakai dalam menyediakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Perubahan tersebut berbangkit daripada terima pakai awal FRS 139, *Financial Instruments: Recognition and Measurement*.

Kesan perubahan ini dalam dasar perakaunan adalah seperti yang berikut:

	2009 RM'000	2008 RM'000
Penyata perubahan dalam ekuiti		
Lebih terkumpul dibawa ke hadapan pada 1 Januari	778,216	769,255
Kesan terima pakai FRS 139		
– Pengukuran semula pinjaman kakitangan	(11,158)	–
Lebih terkumpul dibawa ke hadapan		
Pada 1 Januari, dinyatakan semula	767,058	769,255

Sebelum penerimaan pakai FRS 139, pinjaman kakitangan dengan faedah antara 2% hingga 4% setahun, direkod pada kos. Dengan penerimaan pakai FRS 139, pinjaman kakitangan kini dikira pada awalnya pada nilai saksamanya, yang dianggarkan dengan mendiskaun jangkaan aliran tunai menggunakan kadar faedah pasaran semasa pinjaman yang mempunyai risiko dan jangka masa yang sama. Pendapatan faedah dikira dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan menggunakan kaedah faedah efektif.

KENYATAAN AHLI SURUHANJAYA

Pada pendapat para ahli, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 6-15 hingga 6-35 telah disediakan dengan sempurna mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan dan prinsip perakaunan yang diterima umum di Malaysia supaya memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia setakat 31 Disember 2009 dan pendapatan dan perbelanjaan serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Suruhanjaya



Tan Sri Zarinah Anwar

Pengerusi



Dato' Gumuri Hussain

Ahli

Kuala Lumpur,

Tarikh: 26 Januari 2010

PERAKUAN BERKANUN

Saya, **Vignaswaran A/L Kandiah**, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 6-15 hingga 6-35 adalah betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia benar dan menurut peruntukan *Akta Akuan Berkanun, 1960*.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh penama di atas di Kuala Lumpur pada 26 Januari 2010.



Vignaswaran A/L Kandiah

Di hadapan saya:



Alamat tempat perniagaan
Medan Selera Duta
Jalan Duta
501480 Kuala Lumpur

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI SURUHANJAYA

Laporan Penyataan Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang terdiri daripada kunci kira-kira pada 31 Disember 2009, dan penyata pendapatan dan perbelanjaan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar perakaunan utama dan nota-nota penerangan, sebagaimana yang dibentangkan pada muka surat 6-15 hingga 6-35.

Tanggungjawab Suruhanjaya kepada Penyata Kewangan

Suruhanjaya bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama mengikut perakaunan diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti-entiti selain Entiti Persendirian. Tanggungjawab ini termasuk: mereka, melaksana dan mengekalkan pemantauan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama dan bebas daripada salah nyata yang penting, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan; memilih dan menggunakan pakai dasar perakaunan yang sewajarnya; dan membuat anggaran perakaunan yang berpatutan dalam keadaan tertentu.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan suatu pendapat terhadap penyata kewangan berdasarkan pengauditan kami. Kami melakukan pengauditan mengikut piawaian-piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi kehendak-kehendak etika dan merancang dan melaksanakan pengauditan bagi memberikan jaminan yang wajar sama ada penyata kewangan bebas daripada salah nyata yang penting.

Pengauditan melibatkan prosedur pelaksanaan untuk memperoleh bukti pengauditan tentang amaun dan lampiran-lampiran dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang penting terhadap penyata kewangan, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami menganggap pemantauan dalaman, relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan saksama Suruhanjaya dengan tujuan untuk mereka prosedur pengauditan yang sewajarnya dalam keadaan tertentu, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat terhadap keberkesanan pemantauan dalaman SC. Pengauditan juga termasuklah menilai kewajaran dasar perakaunan yang digunakan dan keberpatutan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para ahli Suruhanjaya, serta menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bukti pengauditan yang kami telah peroleh adalah mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat pengauditan kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan dengan sempurna mengikut perakaunan diluluskan MASB untuk Entiti-entiti selain Entiti Persendirian di Malaysia supaya memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 31 Disember 2009 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Lain-lain hal

Laporan ini dibuat semata-mata untuk para ahli Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, sebagai satu badan, dan untuk Menteri Kewangan, bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain terhadap kandungan laporan ini.



KPMG

Nombor Firma : AF 0758

Akauntan Bertauliah



Johan Idris

Nombor Kelulusan : 2585/10/10(J)

Akauntan Bertauliah

Petaling Jaya,

Tarikh: 26 Januari 2010

CADANGAN KORPORAT

Salah satu daripada fungsi kawal selia utama kami adalah mengawal selia penawaran dan terbitan sekuriti, termasuk penyenaian sekuriti tersebut di Bursa Malaysia, serta perkara-perkara berkaitan dengan pengambilalihan dan percantuman. Kami juga adalah satu-satunya badan berkuasa yang meluluskan dan mendaftar prospektus bagi semua sekuriti (selain daripada sekuriti yang diterbitkan oleh kelab rekreasi tidak tersenarai).

TERBITAN SEKURITI

(Jadual 1–4)

Pada tahun tersebut, kami menerima sejumlah 133 permohonan korporat, yang menunjukkan penurunan sebanyak 44% berbanding 237 permohonan yang diterima dalam tahun 2008. Ini adalah disebabkan oleh sentimen pasaran yang lembap pada tahun tersebut dan rangka kerja penajaan dana baru yang diterima pakai oleh SC yang mana cadangan penajaan dana sekunder yang melibatkan ekuiti, dikecualikan daripada keperluan kelulusan daripada SC berkuat kuasa 3 Ogos 2009. Cadangan ini hanya tertakluk kepada kelulusan daripada Bursa Malaysia.

Daripada permohonan ini, bersama-sama 17 permohonan dibawa ke hadapan dari tahun 2008, kami telah memberi pertimbangan terhadap 114 daripada jumlah permohonan pada tahun tersebut. Sebanyak 12 permohonan telah ditarik balik dan baki 24 dibawa ke tahun hadapan. Daripada 114 permohonan diproses, 110 atau 96% telah diluluskan dan empat ditolak. Cadangan berhubung penajaan dana melalui terbitan sekuriti hutang swasta menjadi bahagian terbesar cadangan yang diluluskan, iaitu 36% daripada jumlah bilangan kelulusan.

Terdapat 12 kelulusan untuk penyenaian baru di Bursa

Malaysia dalam tahun 2009 berbanding 31 dalam tahun 2008. Daripada 12 permohonan yang diluluskan untuk penyenaian di Bursa Malaysia, sembilan adalah untuk Papan Utama dan tiga untuk Papan Kedua. Berkuat kuasa 3 Ogos, Papan Utama dan Papan Kedua digabungkan menjadi satu papan gabungan dipanggil Pasaran Utama. Di samping itu, Bursa Malaysia mengambil alih sebagai badan berkuasa untuk kelulusan bagi pasaran MESDAQ yang menjadi Pasaran ACE.

Tindakan pentadbiran dan pihak yang melakukan pelanggaran



kewangan dan arahan. Jenis-jenis arahan yang dikenakan juga meluas termasuk mengenakan lebih mata CPE (ke atas pengantara berlesen), menghalang mereka yang melanggar undang-undang itu daripada mendapat akses terhadap kemudahan bursa saham, dan mengarahkan pengeluaran semula penyata kewangan. Jumlah keseluruhan penalti kewangan yang dikenakan ialah RM770,000.

Carta 10
Jenis arahan



Jadual 5

Huraian terperinci pendakwaan jenayah

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Fakta kes	Tarikh tuduhan
PENDAKWAAN JENAYAH YANG DILAKSANAKAN – ORANG TERTUDUH				
1.	Mengemukakan kenyataan yang mengelirukan kepada Bursa Saham.	Tan Chin Han	Tan Chin Han, bekas Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Welli Multi Corporation (WMCB), dituduh kerana dengan sengaja membenarkan pengemukaan kenyataan yang mengelirukan dalam laporan kewangan suku tahun bagi tempoh kewangan berakhir 30 September 2006 kepada Bursa Malaysia Securities Bhd.	Tan Chin Han dituduh pada 11 Mac setelah gagal membayar kompaun.
2.	Melakukan tindakan penipuan berkaitan dengan pembelian sekuriti.	Toh Chun Toh Gordon	Toh Chun Toh Gordon, Pengarah Multi-code Electronics Industries (M) Bhd (Multi-code), dituduh kerana melakukan tindakan penipuan ke atas Multi-code, dengan menggunakan RM17.6 juta dananya untuk membiayai pembelian 11.1 juta saham Multi-code. Toh juga dituduh melakukan jenayah pecah amanah yang melibatkan RM26 juta dana Multi-code.	Toh Chun Toh Gordon dituduh pada 13 Mac.
	Bersubahat dengan Toh Chun Toh Gordon melakukan tindakan penipuan berkaitan dengan pembelian saham.	Abul Hasan Mohamed Rashid	Abul Hasan, Pengarah Multi-code, dituduh bersubahat dengan Toh Chun Toh Gordon melakukan tindakan penipuan, dalam menggunakan RM17.6 juta dananya untuk membiayai pembelian 11.1 juta saham Multi-code. Abul Hasan juga dituduh melakukan jenayah pecah amanah melibatkan RM26 juta dana Multi-code.	Abul Hasan dituduh pada 13 Mac.
3.	Dengan sengaja membenarkan pengemukaan kenyataan yang mengelirukan kepada Bursa Malaysia berhubung dengan hal ehwal syarikat tersenarai.	Ooi Boon Leong	Ooi Boon Leong, Pengarah dan pemegang besar saham MEMS Technology Bhd (MEMS), dituduh dengan sengaja membenarkan pengemukaan kenyataan yang mengelirukan kepada Bursa Malaysia. Kenyataan yang mengelirukan ini adalah mengenai penghasilan kumpulan MEMS Technology Bhd bagi tahun berakhir 31 Julai 2007 yang terkandung dalam ringkasan penyata pendapatan bergabung, bagi tempoh 12 bulan berakhir 31 Julai 2007.	Ooi Boon Leong dituduh pada 16 April.

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Fakta kes	Tarikh tuduhan
PENDAKWAAN JENAYAH YANG DILAKSANAKAN – ORANG TERTUDUH				
4.	Dengan sengaja membenarkan pengemukaan kenyataan yang mengelirukan kepada Bursa Malaysia berhubung dengan hal ehwal syarikat tersenarai.	Tan Yeow Teck	Tan Yeow Teck, bekas Pengarah dan Ketua Pegawai Kewangan MEMS, dituduh bersama Ooi Boon Leong kerana dengan sengaja membenarkan pengemukaan kenyataan yang mengelirukan kepada Bursa Malaysia. Kenyataan yang mengelirukan ini ialah mengenai penghasilan kumpulan MEMS bagi tahun berakhir 31 Julai 2007 yang terkandung dalam ringkasan penyata pendapatan bergabung, bagi tempoh 12 bulan berakhir 31 Julai 2007.	Tan Yeow Teck dituduh pada 16 April.
5.	Bersubahat dengan Pengarah merangkap Ketua Pegawai Eksekutif U-Li Corporation Bhd (U-Li) dalam pengemukaan kenyataan palsu kepada Bursa Malaysia.	Yue Chi Kin (William)	William Yue ialah rakan sekerja dan penanda tangan bagi Roger Yue, Tan & Associate yang mengaudit akaun U-Li bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004. Dia dituduh bersubahat dengan Pengarah U-Li dalam pengemukaan kenyataan palsu termasuk membuat RM4 juta penjualan palsu.	William Yue dituduh pada 28 April setelah gagal membayar kompaun.
Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Fakta kes	Hukuman
HASIL PENDAKWAAN JENAYAH – ORANG YANG DIDENDA				
1.	Pengarah berkomplot untuk mengeluarkan wang daripada akaun amanah.	Ghazali Atan Mohamed Abdul Wahab	Ghazali dan Mohamed dituduh berkomplot untuk mengeluarkan RM50 juta daripada akaun amanah Tabung Haji di bawah pengurusan Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd (MAM) untuk dibayar kepada MIMOS.	Ghazali dan Mohamad didapati salah dan disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Sesyen pada 1 April. Pada 7 April kedua-dua mereka didenda sebanyak RM200,000 seorang atau setahun penjara.
2.	Mempunyai lebih daripada satu akaun CDS di ejen depositori yang dibenarkan (ADA).	Yunus M. Haniff Ramly Hussain	Yunus mempunyai tujuh akaun CDS di dua ADA bagi tujuan memohon saham IPO K & N Kenanga Holdings Bhd pada tahun 1996. Ramly dituduh bersubahat dengan Yunus dalam kes di atas.	Yunus dan Ramly disabit kesalahan oleh Mahkamah Sesyen pada 6 Julai. Mereka mengaku salah atas kedua-dua tuduhan yang dikenakan kepada setiap seorang. Semasa penghukuman pada 7 Julai, kedua-dua mereka masing-masing didenda sebanyak RM10,000 bagi tuduhan pertama (atau dua bulan penjara) dan sebanyak RM15,000 bagi tuduhan kedua (atau tiga bulan penjara).

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Fakta kes	Hukuman
HASIL PENDAKWAAN JENAYAH – ORANG YANG DIDENDA				
3.	Jualan singkat.	Ahmad Skhri Ramli	Ahmad Skhri mengendalikan penjualan singkat 202 lot saham AKN Technology.	Ahmad Skhri dituduh pada 16 Januari 2002. Pada 21 Disember 2006, pada penghujung kes, dia disabit atas dua kesalahan di bawah seksyen 41(1)(a) SIA dibaca bersama seksyen 122(c) daripada Akta yang sama kerana bersubahat dengan Permodalan Bank Simpanan Nasional dalam penjualan singkat 202 lot saham AKN Technology Bhd. Ahmad Skhri didenda RM300,000 (atau 12 bulan penjara). Dia memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen itu. Pada 4 Ogos, Mahkamah menolak rayuan tersebut. Sabitan atas penjualan singkat dan hukuman tersebut dikekalkan.
4.	Bersubahat dengan Megan Media Holdings Bhd dalam pengemukaan kenyataan palsu kepada Bursa Malaysia.	Kok Hen Sen	Kok Hen Sen, bekas Pengawal Kewangan Megan Media Holdings Bhd (MMHB) bersubahat dengan MMHB, yang mempunyai hasrat untuk menipu, mengemukakan kenyataan palsu kepada Bursa Malaysia. Kenyataan palsu tersebut adalah mengenai angka penghasilan MMHB dalam penyata pendapatan bagi tahun berakhir 30 April 2006 dan laporan suku tahunan bergabung bagi tempoh kewangan berakhir 31 Julai 2006 dan 31 Januari 2007.	Kok dituduh pada 10 Disember 2007. Pada 18 Ogos, Kok mengaku salah terhadap tuduhan pertama dan tiga tuduhan lain dipertimbangkan di bawah seksyen 171A <i>Kod Prosedur Jenayah</i> (CPC) bagi penghukuman. Dia didenda sebanyak RM350,000 (atau satu tahun penjara). Pihak pendakwaan memfailkan rayuan terhadap hukuman tersebut kepada Mahkamah Tinggi.
5.	Dengan sengaja membenarkan pengemukaan kenyataan palsu kepada Bursa Malaysia.	Ng Kim Weng	Ng, bekas Pengarah Urusan Kumpulan Polymate Holdings Bhd (PHB) dan Pengarah Urusan ABI Malaysia Sdn Bhd (anak syarikat milik penuhnya), dituduh kerana dengan sengaja membenarkan pengemukaan kenyataan palsu kepada Bursa Malaysia, iaitu menaikkan angka penghasilan dan penghutang dagangan PHB bagi tahun berakhir 30 September 2003 seperti terkandung dalam laporan tahunan 2003 PHB.	Ng dituduh pada 7 Februari 2007. Dia mengaku salah pada 20 Oktober selepas pihak pendakwaan memanggil tiga saksi. Dia disabit kesalahan oleh Mahkamah dan didenda sebanyak RM300,000 atau setahun penjara. Pihak pendakwaan memfailkan rayuan terhadap hukuman tersebut kepada Mahkamah Tinggi.

Bil	Jenis kesalahan	Pesalah	Fakta kes	Hukuman
HASIL PENDAKWAAN JENAYAH – ORANG YANG DIDENDA				
6.	Pecah amanah di bawah seksyen 409 <i>Kanun Keseksaan</i>; atau tuduhan alternatif; Melanggar syarat kelulusan SC di bawah seksyen 32(6) SCA dibaca bersama seksyen 40 dan seksyen 109 <i>Kanun Keseksaan</i>	Dato' Tan Hooi Chong	Dato' Tan, Pengarah Kiara Emas Asia Industries Bhd (KEAIB), dituduh pecah amanah RM16,937,739.20 hasil terbitan hak KEAIB sebanyak tiga kali. Dia juga dikenakan tiga tuduhan alternatif bersubahat dengan KEAIB dalam melanggar terma dan syarat yang dikenakan oleh SC kerana penggunaan hasil terbitan hak KEAIB.	Tan dituduh pada 16 September 2004. Pada 10 November, Tan mengaku salah terhadap tiga tuduhan alternatif di bawah seksyen 32(6) SCA kerana melanggar syarat yang dikenakan dalam perenggan 4(i) surat kelulusan SC bertarikh 14 November 2006 kerana penggunaan hasil terbitan hak KEAIB. Tan dikenakan denda sebanyak RM200,000 bagi setiap tuduhan (jumlah RM600,000) atau penjara selama enam bulan bagi setiap tuduhan.
Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Fakta kes	Hukuman
HASIL DARIPADA PENDAKWAAN JENAYAH – ORANG YANG DILEPASKAN				
1.	Pengarah dengan sengaja mengemukakan kenyataan yang mengelirukan kepada SC.	Mohamed Abdul Wahab	Mohamed dituduh dengan sengaja membenarkan kenyataan yang mengelirukan di kemukakan kepada SC dalam laporan setengah tahun Metrowangsa Sdn Bhd dari tahun 2000 hingga 2001.	Mohamad didapati tidak bersalah dan dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen pada 1 April. Pihak pendakwaan memfailkan rayuan terhadap keputusan tersebut ke Mahkamah Tinggi.
2.	Manipulasi pasaran.	Mohd Raffique Ibrahim Sahib Ariffin Abdul Majid	Mohd Raffique dan Ariffin setiap seorang menghadapi tuduhan mengarahkan pembelian waran Actcorp Bhd (AW) dalam bulan Disember 1997, yang mana pembelian tersebut bertujuan untuk menaikkan harga AW, menjadikan harga AW mengelirukan di BSKL.	Mohd Raffique dan Ariffin dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen pada 1 April. Pihak pendakwaan memfailkan rayuan terhadap keputusan tersebut kepada Mahkamah Tinggi.
3.	Pengemukakan kenyataan palsu kepada SC berkaitan dengan cadangan yang dikemukakan.	Tan Siew Hui	Tan, Pengawal Kewangan Kumpulan TCL Premier Holdings Bhd, telah menyebabkan surat bertarikh 6 Januari 1997 yang mengandungi maklumat palsu dikemukakan kepada SC.	Pada 15 Julai, Mahkamah Rayuan mendapati bahawa tidak terdapat pemalsuan dalam maklumat yang dikemukakan kepada SC. Keputusan Mahkamah Tinggi yang tidak memanggil Tan untuk membela diri dikekalkan. Tan dilepaskan dan dibebaskan.
Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Fakta kes	Hukuman
HASIL DARIPADA PENDAKWAAN JENAYAH – ORANG YANG DIDENDA DAN DIPENJARAKAN				
1.	Kenyataan yang mengelirukan berkaitan pembelian sekuriti.	Wahid Ali Kassim Ali	Wahid Ali, Pengarah Aiwan Management Assets Sdn Bhd (Aiwan) menghadapi tiga tuduhan tidak mengemukakan fakta penting, yang menyebabkan kekeliruan, berkenaan pelaburan pelanggan Aiwan, Eastern Pacific Industrial Corporataion Bhd (EPIC), dalam pembelian bon.	Pada 30 Jun, Wahid Ali didapati bersalah terhadap tiga tuduhan tersebut dan didenda sebanyak RM3 juta (atau tiga tahun penjara) dan penjara selama setahun. Hukuman tersebut ditangguhkan sementara menunggu rayuan di Mahkamah Tinggi.

Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Fakta kes	Hukuman
HASIL DARIPADA PENDAKWAAN JENAYAH – ORANG YANG DIDENDA DAN DIPENJARAKAN				
			Kenyataan tersebut adalah mengenai maklumat kemas kini pelaburan EPIC sebanyak RM5 juta sedangkan yang sebenarnya wang tersebut telah lesap.	
2.	Pemalsuan rekod broker niaga hadapan.	Sivachandran a/l Kuhiappan	Sivachandran, wakil broker niaga hadapan berlesen, dituduh memalsukan maklumat yang terkandung dalam borang pesanan dan buku-buku AOF Futures Sdn Bhd yang lain. Maklumat palsu tersebut ialah nombor akaun pelanggan di bawah pengurusan Sivachandran.	Sivachandran dituduh pada 7 Mei 2004. Sivachandran disabit kesalahan pada 6 Ogos oleh Mahkamah Sesyen. Dia dihukum penjara selama setahun dan didenda RM30,000 (atau enam bulan penjara). Hukuman ditangguhkan sementara menunggu rayuan di Mahkamah Tinggi.
3.	Melakukan tindakan untuk menipu.	Ashari Rahmat	Ashari, Pegawai Operasi Malaysian Issuing House Sdn Bhd (MIH), dituduh pada tahun 2000 kerana melakukan tindakan untuk menipu ke atas pelaksanaan IPO UPA Corporation Bhd dengan menukarkan permohonan yang berjaya dengan yang tidak menjalani proses pengundian.	Ashari dituduh pada 25 Mac oleh Mahkamah Sesyen. Dia dihukum tiga tahun penjara dan denda sebanyak RM1 juta (atau setahun penjara). Hukuman tersebut ditangguhkan sementara menunggu rayuan kepada Mahkamah Tinggi.
Bil.	Jenis kesalahan	Pesalah	Fakta kes	Hukuman
HASIL DARIPADA PENDAKWAAN JENAYAH – ORANG YANG DIPENJARAKAN				
1.	Jualan singkat.	Lua Yik Hor	Lua, wakil peniaga Seagrott & Campbell Sdn Bhd, dituduh pada 22 Mei 1996 kerana mengendalikan penjualan singkat 960 lot saham The North Borneo Timbers Bhd.	Lua disabit kesalahan pada 10 November 2000 terhadap 30 kesalahan pengendalian penjualan singkat. Dia dijatuhi hukuman penjara dua tahun terhadap setiap kesalahan. Hukuman itu diperintahkan berjalan serentak. Dia membuat rayuan terhadap sabit kesalahan dan hukuman. Pihak pendakwaan turut memfailkan rayuan terhadap hukuman tersebut. Hukuman ditangguhkan sementara menunggu rayuan. Pada 27 Februari, Mahkamah Tinggi menolak semua rayuan. Terma sabit kesalahan dan hukuman dikekalkan. Lua memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 27 Februari. Dia dikenakan ikat jamin sebanyak RM100,000 dengan dua penjamin.

Jadual 6

Huraian terperinci tindakan sivil yang diambil

Bil.	Kesalahan	Plaintif	Ringkasan fakta kes
1.	Kegagalan syarikat mematuhi kehendak CMSA, SCA, <i>Guidelines on Compliance Function for Fund Managers</i> dan <i>Licensing Handbook</i> .	RBTR Asset Management Bhd (RBTR)	Dalam bulan Ogos, SC telah menjalankan siasatan terhadap hal ehwal RBTR dan aktiviti Locke Capital Investment (BVI) Ltd dan Locke Guaranty Trust (NZ), yang kononnya telah menjadikan mereka sebagai pengurus dana di Malaysia dengan cara bersekutu dengan RBTR. SC juga telah mengarahkan RBTR supaya berhenti mengambil dana baru daripada orang awam, sama ada secara langsung atau melalui wakilnya, sehingga diberitahu kelak.
		Al Alim Mohd Ibrahim	Pengauditan telah dilaksanakan ke atas RBTR yang membangkitkan pelbagai keraguan orang awam mengenai perlindungan aset pelanggannya. Ini juga disahkan oleh aduan yang diterima daripada pelanggan RBTR, mengatakan mereka tidak boleh menebus pelaburan mereka yang dibuat melalui RBTR.
			Pada 20 Oktober, SC telah mendapat perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk melantik BDO Binder Malaysia sebagai penerima bagi hal ehwal, aset dan hartanah RBTR, serta aset dan hartanah yang dipegang oleh mereka bagi pihak pelanggan mereka.
Penyelesaian pengawalseliaan			
Dalam bulan Julai, SC telah menyempurnakan pengembalian semula kepada 13 pelabur yang berdagang dalam saham Malaysian Oxygen Bhd (MOX). Pengembalian tersebut dilakukan berikutan penyelesaian awal dengan Tan Sri Dato' Chua Ma Yu apabila dia bersetuju, tanpa pengakuan liabiliti, untuk membuat pembayaran berjumlah RM1,213,084.14 yang merupakan pengeluaran keuntungan dua kali berbangkit daripada kepincangannya dalam dagangan saham MOX antara 16 Februari 2007 dan 22 Februari 2007. Hasil pemulangan kepada pelabur ini dicapai, disebabkan surat permintaan yang dikeluarkan oleh SC kepada Chua dalam bulan Februari 2009.			

PENERBITAN

GARIS PANDUAN DAN KOD

Guidelines on Wholesale Funds
(Diterbitkan/Berkuat kuasa: 18 Februari 2009)

Equity Guidelines
(Diterbitkan: 8 Mei 2009)
(Dikemas kini/Berkuat kuasa: 3 Ogos 2009)

Asset Valuation Guidelines
(Diterbitkan: 8 Mei 2009)
(Dikemas kini/Berkuat kuasa: 3 Ogos 2009)

Principal Adviser Guidelines
(Diterbitkan: 8 Mei 2009)
(Dikemas kini/Berkuat kuasa: 3 Ogos 2009)

Prospectus Guidelines
(Diterbitkan: 8 Mei 2009)
(Dikemas kini/Berkuat kuasa: 3 Ogos 2009)

Exchange-traded Funds Guidelines
(Diterbitkan: 11 Jun 2009)
(Dikemas kini: 12 Jun 2009)

Registration of Shariah Advisers Guidelines
(Diterbitkan: 10 Ogos 2009)

Venture Capital Tax Incentives Guidelines
(Diterbitkan/Berkuat kuasa: 29 September 2009)

Guidelines for the Offering, Marketing and Distribution of Foreign Funds
(Diterbitkan: 3 Mac 2008)
(Berkuat kuasa: 9 November 2009)

Guidelines on Issuer Eligibility – Structured Warrants
(Diterbitkan/Berkuat kuasa: 1 Disember 2009)

BUKU, LAPORAN DAN KERTAS PERUNDINGAN

Consultation Paper: Proposed Equity and Equity-linked Securities Guidelines for the Unified Board
(Diterbitkan: 6 Februari 2009)

Securities Commission Annual Report 2008
(Diterbitkan: 11 Mac 2009)

Laporan Tahunan 2008 Suruhanjaya Sekuriti
(Diterbitkan: 11 Mac 2009)

Islamic Capital Market (siri buku)
(Diterbitkan: 30 Julai 2009)

Sukuk
(Diterbitkan: 11 Ogos 2009)

Consultation Paper: Introduction of Issuer Eligibility Guidelines – Structured Warrants
(Diterbitkan: 16 September 2009)

Malaysian Debt Securities and Sukuk Market – A Guide for Issuers and Investors
(Penerbitan bersama SC-BNM)
(Diterbitkan: 12 November 2009)

BUKU KECIL, BULETIN DAN RISALAH

Buku Kecil

List of Syariah-compliant Securities by the Syariah Advisory Council of the Securities Commission/Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti
(Diterbitkan: 28 Mei 2009 dan 30 November 2009)

Buletin

Malaysian ICM

(Diterbitkan: Mac, Jun and September 2009)

Capital.My

(Diterbitkan: Januari, April, Julai and Oktober 2009)

The Reporter

(Diterbitkan: Ogos dan Oktober 2009)

LAMAN WEB SURUHANJAYA SEKURITI

www.sc.com.my

KALENDAR PERISTIWA

JANUARI	
13	Pengerusi SC menyampaikan ucap utama pada Seminar Kewangan Islam anjuran IFSB di Seoul, Korea.
20	Delegasi dari Cambodian National Accounting Council dan Pesuruhjaya Tinggi Kanada melawat SC.
24	Delegasi dari Royal Monetary of Bhutan melawat SC.
29	SC meluluskan tiga syarikat pengurusan dana Islam baharu untuk memulakan operasi di Malaysia. Syarikat tersebut ialah Aberdeen Islamic Asset Management Sdn Bhd, BNP Paribas Islamic Asset Management Sdn Bhd dan Nomura Islamic Asset Management Sdn Bhd.
FEBRUARI	
6	SC menjadi tuan rumah hari terbuka pelajar di SC. Tiga ratus pelajar dari lima universiti dan kolej tempatan menghadiri hari terbuka ini.
12	Pengerusi SC menyampaikan ucapan pengawalseliaan khas dan menyampaikan anugerah dalam Majlis Anugerah CSR yang dianjurkan oleh MICG, FLPC dan OWW Consulting di Kuala Lumpur.
12	Delegasi dari Securities and Exchange Commission, Kemboja melawat SC.
16–17	Delegasi dari Capital Market Authority Uganda melawat SC.
18	SC memperkenalkan <i>Guidelines on Wholesale Funds</i> yang memberikan kelonggaran yang lebih tinggi untuk pengurus dana berdaftar menyediakan produk yang inovatif, termasuk produk yang memasukkan strategi pelaburan alternatif.
19	Delegasi dari Securities and Exchange Organisation, Iran melawat SC.
MAC	
3	Pengarah Urusan merangkap Pengarah Eksekutif Pengawasan Pasaran SC menyampaikan ucap utama dalam Dana Islam Asia Ketiga 2009 yang dianjurkan oleh Terrapinn Pte Ltd di Kuala Lumpur.
5	SC mempengerusikan mesyuarat peringkat tinggi SC–Bursa Malaysia.
6	Delegasi dari Bank Pembangunan Asia melawat SC.
10	Wakil dari Bombay Stock Exchange Training Institute, India melawat SC.
11	SC mengeluarkan <i>Laporan Tahunan 2008</i> .
11	SC mendakwa Tan Chin Han kerana dengan maklum membenarkan pengemukaan kenyataan yang mengelirukan kepada Bursa Malaysia Securities berhubung dengan hasil Welli Multi Corporation Bhd.
13	SC dan Pejabat Peguam Negara mendakwa Toh Chun Toh Gordon dan Datuk Abul Hasan Mohamed Rashid kerana menipu Multi-Code Electronics Industries (M) Bhd dan pecah amanah.

MAC	
16	SC mengeluarkan kenyataan berikutan pengumuman pakej rangsangan kedua oleh Timbalan Perdana Menteri pada 10 Mac 2009 yang menyatakan langkah baharu untuk memudah cara akses yang lebih baik kepada pasaran modal.
25	Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur mensabitkan Ashari Rahmat di bawah seksyen 87A(b) SIA kerana terlibat dalam tindakan yang dijalankan sebagai penipuan ke atas UPA Corporation Bhd.
27	Pengerusi SC mempengerusikan dialog dengan juruaudit di SC. Lima puluh wakil daripada pelbagai firma juruaudit menghadiri dialog ini.
APRIL	
7	Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara, melawat SC dan diberikan taklimat tentang isu pasaran modal oleh pihak pengurusan.
9	Delegasi dari China Taiwan Securities Association melawat SC.
16	SC mendakwa Ooi Boon Leong dan Ronnie Tan Yeow Teck, kerana dengan sengaja membenarkan pengemukaan kenyataan yang mengelirukan oleh MEMS Technology Bhd (MEMS) kepada Bursa Malaysia Securities. Ooi merupakan pemegang saham yang besar dan Pengarah MEMS sementara Tan ialah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Kewangan syarikat.
16	SC menganjurkan syarahan awam oleh Profesor Mervyn K. Lewis, sarjana pelawat pertama di bawah Program Sarjana Pelawat SC-Universiti Malaya.
16	Delegasi dari Central Bank of Kenya melawat SC.
17-18	SC menganjurkan Program Kehakiman 2009 bagi anggota kanan kehakiman di Istana Kehakiman, Putrajaya.
20	SC mengeluarkan kad skor suku tahunannya yang pertama bagi tahun ini.
20-27	SC mengambil bahagian dalam pameran Minggu Saham Amanah Malaysia 2009 (MSAM 2009) yang dianjurkan oleh Permodalan Nasional Bhd di Johor Bahru.
28	Pengerusi SC menyampaikan ucapan dalam Sidang Kemuncak Kewangan Islam Asia yang dianjurkan oleh Euromoney di Kuala Lumpur.
28	SC mendakwa Yue Chi Kin, juruaudit luar United U-Li Corporation Bhd kerana bersubahat dengan syarikat tersebut mengemukakan maklumat palsu kepada Bursa Malaysia Securities.
29	Pengerusi SC menyampaikan ucapan pembukaan dalam Persidangan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) tentang Piawaian Perakaunan Antarabangsa yang dianjurkan bersama oleh MASB dengan SC.
MEI	
4	Delegasi dari Bank of Sudan melawat SC.
4-5	Wakil-wakil dari Securities and Exchange Commission Ghana melawat SC.
6	Delegasi dari Dubai Financial Services Authority (DFCA) melawat SC.
6-10	SC mengambil bahagian dalam Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) yang diadakan secara tahunan di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE di Kuala Lumpur.
8	Menteri Kewangan II, Pengerusi SC, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia bersama-sama merasmikan pelancaran kerangka kerja pengumpulan dana baharu dan mengumumkan struktur papan baharu.
8	Delegasi dari Woori Investment and Securities, Korea melawat SC.
11	Beberapa orang pegawai dari Pejabat Perdana Menteri, Laos melawat SC.

MEI	
19	SC menganjurkan taklimat teknikal tentang papan gabungan (<i>Unified Board</i>) bagi ahli MIBA sebagai sebahagian daripada siri taklimat untuk pihak berkepentingan.
20	Pengarah Eksekutif Strategi dan Pembangunan SC menyampaikan ucapan utama dalam Persidangan Modal Usaha Teroka Islam dan Ekuiti Swasta Kedua yang dianjurkan oleh Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) dan Persatuan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia (MVCA).
22–24	SC mengambil bahagian dalam “Program Bersama PNB” yang dianjurkan oleh Permodalan Nasional Bhd di Kuching, Sarawak.
26	Menteri Kewangan II dengan rasminya melancarkan program Peningkatan dan Pembangunan Eksekutif SC (SEED).
26	Delegasi dari Bank of Indonesia dan Menteri Kewangan Indonesia melawat SC.
28	Satu delegasi ahli-ahli Parlimen Nigeria melawat SC.
28	Wakil-wakil dari Capital Market Authority, Arab Saudi melawat SC.
28	SC mengeluarkan senarai kemas kini sekuriti patuh Syariah yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah SC. Senarai kemas kini ini menyenaraikan sejumlah 848 sekuriti yang membentuk 88% daripada sekuriti yang tersenarai di Bursa Malaysia.
JUN	
3–5	Pengarah Urusan merangkap Pengarah Eksekutif Pengawasan Pasaran SC mengambil bahagian dalam jerayawara Bursa Malaysia ke Hong Kong.
8	Pengerusi SC melancarkan Minggu Tadbir Urus Korporat SC–Bursa Malaysia di Bursa Malaysia dan bersama-sama melancarkan <i>Panduan Tadbir Urus Korporat</i> dan bahagian laman web dengan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia.
11	SC mengeluarkan <i>Guidelines on Exchange-traded Funds</i> yang telah disemak untuk membolehkan dana dagangan bursa daripada bidang kuasa yang diiktiraf disenarai silang di Bursa Malaysia.
12	SC bersama-sama dengan pengawal selia sekuriti Singapura dan Thailand mengumumkan bahawa ia telah melaksanakan Skim Standard ASEAN dan Tambahan bagi penawaran sekuriti rentas sempadan dalam ASEAN.
16	SC mengarahkan Bestino Group Bhd berhenti menerbitkan saham keutamaan atau sekuriti dalam apa jua jenis kepada orang awam yang berkuat kuasa serta-merta. Bestino Group gagal mendapatkan kelulusan SC bagi penawaran saham keutamaan kepada orang awam dan gagal mendaftarkan prospektus dengan SC seperti yang diperlukan di bawah seksyen 232 dalam CMSA.
22–26	SC mengadakan Program Pasaran Islam (IMP) Keempat dengan tema “Mengambil Peluang Sambil Mengukuhkan Kebingkasan” di SC. Program yang dianjurkan oleh SIDC ini dihadiri oleh peserta dari 15 negara.
24	Pengerusi SC mengambil bahagian sebagai ahli panel dalam dialog dengan duta-duta Malaysia yang dianjurkan oleh Wisma Putra di Putrajaya.
25	Pengarah Urusan merangkap Pengarah Eksekutif Penguatkuasaan SC membentangkan kertas kerja dalam lintas web Forum Antarabangsa Tentang Pendidikan Pelabur (IFIE) di SC.
30	SC memberikan sembilan biasiswa sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk membangunkan kumpulan bakat pasaran modal Malaysia.

JULAI	
1	Wahid Ali Kassim Ali, bekas Pengarah dan Pengurus Dana Aiwan Manage Asset Sdn Bhd dituduh melakukan penipuan sekuriti dan dikenakan hukuman satu tahun penjara dan denda RM3 juta atau tiga tahun penjara.
2	Sekumpulan pegawai dari Securities and Exchange Commission, Nigeria melawat SC.
2	Pengerusi SC menerima anugerah berprestij “Sumbangan Paling Cemerlang kepada Pembangunan Pasaran Modal Islam” yang diadakan bersempena dengan Sidang Kemuncak Sukuk London. Beliau turut menyampaikan ucapan utama.
7	Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur mendenda Yunus M. Haniff dan Ramly Hussain atas dua tuduhan menggunakan nama pihak ketiga dalam skim permohonan berbilang saham IPO. Setiap seorang didenda RM10,000 bagi tuduhan pertama (atau dua bulan penjara) dan RM15,000 bagi tuduhan kedua (atau tiga bulan penjara).
8	Pengarah Urusan merangkap Pengarah Eksekutif Penguatkuasaan SC mengambil bahagian sebagai moderator sementara Pengarah Eksekutif Strategi dan Pembangunan menyampaikan ucapan dalam Forum Kewangan Islam Malaysia-UK di Kuala Lumpur.
9	Datuk Bandar London, Alderman Ian Luder, melawat SC diiringi oleh delegasi seramai 14 orang yang terdiri daripada Pesuruhannya Tinggi British, Setiausaha Pertama Perdagangan dan Pelaburan dan beberapa pemimpin perniagaan terkemuka.
16	SC menyahpakai Nota Amalan 1.2 dalam Kod Pengambilalihan ke atas syarikat swasta di bawah perintah warta yang berkuat kuasa pada 16 Julai.
21	Pengarah Urusan merangkap Pengarah Eksekutif Penguatkuasaan SC menyampaikan ucapan utama dalam Seminar tentang Mengurus Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) yang dianjurkan oleh SIDC/Deloitte Malaysia di SC.
23	Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, menyampaikan ucapan utama dalam Forum Pencen Swasta yang dianjurkan oleh SC.
30	Pengerusi SC melancarkan siri buku tentang pasaran modal Islam dalam Forum Pasaran Modal Islam Antarabangsa di Kuala Lumpur. Siri buku ini dijadikan modul asas bagi Skim Latihan Siswazah Pasaran Modal Islam (ICMGTS).
OGOS	
1	Eugene Wong Weng Soon dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Terbitan Sekuriti dan Pelaburan SC.
4	SC dan Bursa Malaysia mengumumkan pengenalan urus niaga terunding bagi pinjam-meminjam sekuriti (SBLNT). SC turut mengeluarkan <i>SBL Guidelines</i> yang telah disemak sementara Bursa Malaysia mengeluarkan peraturan, prosedur dan garis panduan yang relevan untuk menyokong SBLNT. Model SBLNT dilaksanakan pada 17 Ogos.
5	SC mengarahkan MEMS Technology Bhd (MEMS) membetulkan dan mengeluarkan semula penyata kewangannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2007 dan 31 Julai 2008. SC juga telah mengarahkan MEMS membetulkan dan mengumumkan semula penyata pendapatan ringkas yang disatukan yang belum diaudit bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Januari 2009 kepada Bursa Malaysia.
7	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengarahkan Up & Famous Sdn Bhd dan enam syarikat lain membuat skim tawaran dan pampasan kepada semua pemegang saham Takaso Resources Bhd yang relevan atas kegagalannya melaksanakan tawaran mandatori di bawah Kod Pengambilalihan.
7	Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman satu tahun penjara dan denda RM30,000 (atau enam bulan penjara) ke atas K. Sivachandran a/l Kuhiappan, bekas broker niaga hadapan, kerana memalsukan borang pesanan dan buku pesanan berhubung dengan perniagaan AOF Futures Sdn Bhd. Dia diikat jamin sementara menunggu rayuannya ke Mahkamah Tinggi, tetapi jumlah ikat jamin dinaikkan daripada RM60,000 kepada RM100,000.

OGOS	
9	SC mengeluarkan <i>Registration of Shariah Advisers Guidelines</i> yang memudahkan individu dan syarikat memberikan nasihat tentang produk dan perkhidmatan pasaran modal Islam. Garis panduan ini berkuat kuasa pada 10 Ogos.
10–11	SC menjadi tuan rumah dan menganjurkan Simposium Pasaran Modal Dunia di Kuala Lumpur yang dihadiri oleh beberapa menteri utama Asia dan lebih daripada 500 peserta, penceramah dan wakil media tempatan dan antarabangsa.
11	SC mengambil bahagian dalam Larian Edge-Bursa Malaysia Kuala Lumpur yang diadakan di Kuala Lumpur.
19	Delegasi dari bursa-bursa OIC (Iran, Dhaka dan Muscat) melawat SC.
20	SC melancarkan siasatan ke atas aktiviti Locke Capital Investment (BVI) Ltd dan Locke Guaranty Trust (NZ) Ltd, serta RBTR Asset Management Bhd (RBTR), sebuah pengurus dana berlesen.
21	SC memfailkan rayuan terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur ke atas Kok Hen Sen @ Kok Liew Sen, bekas pembantu peribadi Pengerusi Eksekutif Megan Media Holdings Bhd (MMHB) kerana mengemukakan maklumat palsu tentang hasil MMHB.
21	Pengerusi SC menyampaikan ucapan dalam majlis Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG.
SEPTEMBER	
3	Wakil-wakil dari Legislative Affairs Office, China melawat SC.
15	SC memberikan amaran kepada orang ramai tentang pihak tidak bertanggungjawab yang mengutip derma atas nama SC atau nama pegawai kanannya.
24	Pengarah Urusan merangkap Pengarah Eksekutif Penguatkuasaan SC menyampaikan ucapan tentang 'Peraturan – Menaksir Semula Kewajaran dan Amalan Peraturan Kewangan' di SEACEN-BNM Banking and Financial Law School 2009 anjuran BNM di Kuala Lumpur.
28	SC mengeluarkan <i>Venture Capital Tax Incentives Guidelines</i> untuk memasukkan insentif cukai baharu bagi industri modal teroka seperti yang ditetapkan dalam <i>Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(Pindaan) 2009</i> .
29	SC menganjurkan Program Sarjana Pelawat SC-Universiti Malaya: Syarahan Umum oleh Dr Abbas Mirakhor di SC. Program ini turut dihadiri oleh Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah.
OKTOBER	
5	Delegasi dari Securities Board of Nepal (SEBON) melawat SC.
7	Wakil-wakil dari Kementerian Kewangan dan Hal Ehwal Ekonomi, Tanzania melawat SC.
7	Pengarah Urusan merangkap Pengarah Eksekutif Pengawasan Pasaran SC menyampaikan ucapan pembukaan dalam Persidangan Pasaran Modal Malaysia 2009 yang dianjurkan oleh Reuters Malaysia di Kuala Lumpur.
14	Delegasi dari Kedutaan Korea melawat SC.
16	SC mengadakan Rumah Terbuka Hari Raya untuk pihak berkepentingannya dan jamuan makan tengah hari Hari Raya untuk semua kakitangan SC pada hari yang sama.
19	Pengerusi SC melancarkan dan menyampaikan ucap utama dalam Persidangan Gabungan Institut Juruaudit Dalaman Asia (ACIIA) 2009 mengenai Pengauditan Dalaman yang dianjurkan oleh IIAM di Kuala Lumpur.
20	Ng Kim Weng, bekas Pengarah Urusan Kumpulan bagi Polymate Holdings Bhd didenda RM300,000 (atau penjara 12 bulan) oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur setelah Ng mengaku bersalah mengemukakan kenyataan palsu kepada Malaysian Securities Exchange Bhd (kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Securities) dalam tahun 2003.

OKTOBER	
20	SC mendapat perintah mahkamah daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi pelantikan BDO Governance Advisory Sdn Bhd sebagai penerima dalam urusan perniagaan, aset dan harta RBTR Asset Management serta aset dan harta yang dipegangnya atau bagi pihak pelanggannya.
22–24	SC mengambil bahagian dalam ‘Minggu Kesedaran Kewangan 2009’ (M2K 2009) yang dianjurkan oleh BNM di Pusat Dagangan Terengganu, Kuala Terengganu.
23	Pengerusi SC membentangkan kertas kerja dalam Mesyuarat Jawatankuasa Serantau Asia-Pasifik (APRC) di Melbourne, Australia.
26	Pengerusi SC melancarkan Program Pasaran Pesat Membangun (EMP) Kesepuluh dengan tema “Kawal Selia Pasaran Modal Selepas Krisis Kewangan Global: Mencari Keseimbangan Yang Tepat” dan menyampaikan ucapan utama dalam acara yang dianjurkan oleh SIDC ini.
26	SC mengumumkan beberapa inisiatif pasaran modal baharu selepas pembentangan Belanjawan 2010 oleh Perdana Menteri di Parlimen.
26	Delegasi dari Kementerian Biro Siasatan Kehakiman, Taipei melawat SC.
29	Pengarah Urusan merangkap Pengarah Eksekutif Penguatkuasaan SC membentangkan kertas kerja tentang Kewangan Islam dalam acara yang diadakan di Frankfurt, Jerman yang dianjurkan oleh Federal Finance Supervisory Authority (BaFin).
NOVEMBER	
4	Pengarah Urusan merangkap Pengarah Eksekutif Penguatkuasaan SC menyampaikan ucapan utama dalam Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur (KLIFF) Keenam yang dianjurkan oleh CERT.
5	Delegasi dari Securities and Exchange Organization Iran serta Tehran Stock Exchange Technology Management Co. melawat SC.
5–10	Pengarah Urusan merangkap Pengarah Eksekutif Pengawasan Pasaran SC mengambil bahagian dalam ‘Invest Malaysia’ di London dan New York. Acara itu dianjurkan oleh Bursa Malaysia.
9	Pengerusi SC dan Pengerusi Securities and Futures Commission Hong Kong (SFC) menandatangani Perjanjian Pengiktirafan Bersama (MRA) di Kuala Lumpur, disaksikan oleh Menteri Kewangan II dan Cik Au King Chi, Pengerusi Tetap Perkhidmatan Kewangan dan Perbendaharaan, Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong.
10	Dato’ Tan Hooi Chong didenda RM600,000 oleh Mahkamah Sesyen kerana bersubahat dengan Kiara Emas Asia Industries Bhd dalam penyalahgunaan hasil terbitan hak berjumlah RM16,937,739.20 antara 16 Disember 1996 hingga 31 Disember 1996.
11	Kenneth Vun @ Vun Yun Liun, bekas Pengarah Urusan dan pemegang saham FTEC Resources Bhd diperintah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk mengembalikan RM2.5 juta dalam dana IPO.
13	SC berjaya mendapatkan RM31 juta untuk pelabur dalam penyelesaian Swisscash.
19	Pengarah Urusan merangkap Pengarah Eksekutif Penguatkuasaan SC menghadiri Persidangan Kewangan Islam Bursa Korea–MIFC tentang ‘Pengumpulan Modal dan Peluang Pelaburan Selepas Krisis Kewangan Global – Mengambil Peluang dalam Pasaran Kewangan Islam Malaysia’ yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia di Seoul, Korea.
19	Delegasi dari Polis Diraja Thai dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melawat SC.
24	Pengarah-pengarah SC menghadiri persidangan peringkat tinggi BNM tentang Kestabilan Kewangan yang dianjurkan oleh BNM.
26	Delegasi dari Central Bank of Nigeria dan PricewaterhouseCoopers, Nigeria dan UK melawat SC.

NOVEMBER	
30	SC mengeluarkan senarai kemas kini sekuriti patuh Syariah yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah SC, yang menyenaraikan sejumlah 846 sekuriti patuh Syariah. Kaunter-kaunter ini membentuk 88% daripada sejumlah 959 sekuriti yang tersenarai di Bursa Malaysia.
DISEMBER	
1	SC mengeluarkan <i>Issuer Eligibility Guidelines – Structured Warrants</i> yang membolehkan SC terus menilai kesesuaian penerbit waran berstruktur, sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengekalkan keyakinan pasaran dan meningkatkan perlindungan pelabur.
2	Pengarah Urusan merangkap Pengarah Eksekutif Pengawasan Pasaran menyampaikan ucapan alu-aluan dalam Persidangan Pasaran Bon Asia 2009, yang dianjurkan bersama oleh Malaysia dan Bank Pembangunan Asia di Kuala Lumpur.
3	Pengarah Urusan merangkap Pengarah Eksekutif Pengawasan Pasaran menyampaikan ucapan dalam majlis makan tengah hari dalam Sidang Kemuncak Pasaran Modal Malaysia Ke-14 2009 di Kuala Lumpur.
4	SC menjadi tuan rumah mesyuarat Pengarah Penguatkuasaan IOSCO APRC di Kuala Lumpur.
8	SC meluluskan permohonan Goldman Sachs untuk menjalankan operasi pengurusan dana nasihat kewangan korporat di Malaysia.

AKRONIM DAN SINGKATAN

ABS	Sekuriti hutang bersandarkan aset
ACMF	Forum Pasaran Modal ASEAN
ADB	Bank Pembangunan Asia
AMLA	<i>Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001</i>
APEC	Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik
APRC	Jawatankuasa Serantau Asia Pasifik
AS	Amerika Syarikat
ASEAN	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara
BNM	Bank Negara Malaysia
BTS	Dagangan Sekuriti Bursa
Bursa Malaysia	Bursa Malaysia Bhd
Bursa Malaysia Securities	Bursa Malaysia Securities Bhd
CDS	Sistem Depositori Pusat
CIS	Skim pelaburan kolektif
CMDP	Dana Pembangunan Pasaran Modal
CMP	<i>Pelan Induk Pasaran Modal</i>
CMSA	<i>Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007</i>
CMSL	Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal
CMSRL	Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal
CPE	Pendidikan Profesional Berterusan
CP/MTN	Kertas perdagangan/nota jangka sederhana
CPO	Minyak sawit mentah
CRA	Agensi penarafan kredit
CSR	Tanggungjawab sosial korporat
DBR	Pengawalseliaan berteraskan penzahiran
EMBI	Indeks Bon Pasaran Pesat Membangun
EMC	Jawatankuasa Pasaran Pesat Membangun
ETF	Dana dagangan bursa
FBMKLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia
FIA	<i>Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993</i>
FIC	Jawatankuasa Pelaburan Asing
FIMM	Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia
FLR	Pengawal selia barisan hadapan
FPAM	Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia
FPLC	Persekutuan Syarikat-syarikat Tersenarai Awam
FRS	Piawaian Pelaporan Kewangan

FTSE	<i>Financial Times Stock Exchange</i>
GLC	Syarikat berkaitan kerajaan
ICM	Pasaran modal Islam
IFSB	Islamic Financial Services Board
IKKL	Indeks Komposit Kuala Lumpur
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
IOSCO	Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti
IPO	Tawaran awam awal
ISO	Organisasi Piawaian Antarabangsa
IT	Teknologi maklumat
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KLIBOR	Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur
KLSI	Indeks Syariah Kuala Lumpur
Kod Pengambilalihan	<i>Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia 1998</i>
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LOFSA	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan
M&A	Percantuman dan pemerolehan
MAICSA	Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia
MASB	Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
MAVCAP	Malaysian Venture Capital Management Bhd
MESDAQ	Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
MIA	Institut Akauntan Malaysia
MIBA	Persatuan Bank Pelaburan Malaysia
MICG	Institut Tadbir Urus Malaysia
MICPA	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
MIFC	Pusat Kewangan Islam Antarabangsa
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MoU	Memorandum persefahaman
MPS	Majlis Penasihat Syariah
MSCI	Morgan Stanley Capital International
MVCA	Persatuan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia
MVCDC	Majlis Pembangunan Modal Teroka Malaysia
NAV	Nilai aset bersih
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
PDS	Sekuriti hutang swasta
PE	Harga perolehan
PLC	Syarikat awam tersenarai
REIT	Amanah pelaburan hartanah
SBC	Syarikat broker saham
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCA	<i>Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993</i>
SIA	<i>Akta Perindustrian Sekuriti 1983</i>
SICDA	<i>Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991</i>
SIDC	Securities Industry Development Corporation
SPV	Perantara kegunaan khas
SRO	Organisasi swaatur
SSF	Saham niaga hadapan tunggal

SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
UB	Broker universal
UK	United Kingdom
UTMC	Syarikat pengurusan unit amanah
VCC/VCMC	Syarikat modal teroka/Syarikat pengurusan modal teroka
WTO	Pertubuhan Perdagangan Dunia



SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

3 Persiaran Bukit Kiara, Bukit Kiara

50490 Kuala Lumpur

Tel: +603 6204 8000

Faks: +603 6201 5078

E-mel: cau@seccom.com.my

www.sc.com.my